



MALAYSIA

LAPORAN
SOSIOEKONOMI
NEGERI **PERAK**

2018

ISSN 2600-9870



9 772600 987005

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN SOSIOEKONOMI **NEGERI PERAK** 2018

Pemakluman:

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan
Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun.
Tema sambutan MyStats Day adalah “Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera”.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia

Blok C6, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA.

Tel. : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia

Twitter : <https://twitter.com/StatsMalaysia>

Harga : RM 35.00

Diterbitkan pada Julai 2019

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

"Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia".

ISSN: 2600-9870

KATA PENGANTAR

Penerbitan Laporan Sosioekonomi Negeri Perak diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia secara tahunan. Penerbitan ini mengandungi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang telah diasaskan semula daripada tahun 2010 kepada tahun 2015. Banci Ekonomi 2016 merupakan sumber utama kepada penilaian nilai ditambah dan struktur baharu ekonomi pada tahun 2015. Pengasasan semula ini memberi ruang penyelarasan nilai KDNK pada harga semasa, di samping mengambil kira sumber data baharu serta penambahbaikan dalam metodologi dan konsep. Selain statistik KDNK, maklumat berkenaan indeks harga pengguna, kependudukan, tenaga buruh, pelancongan domestik dan statistik kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan turut dimuatkan dalam laporan ini.

Penyusunan statistik ini adalah berdasarkan rangka kerja manual antarabangsa antaranya seperti *System of National Accounts 2008, Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP), Manual I - Methods of Estimating Total Population for Current Dates, The Method & Materials of Demography* dan *Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts & Methods*. Selaras dengan perubahan pada peringkat nasional, anggaran KDNK pada tahun 2015 dan 2016 telah dimuktamadkan berdasarkan data terkini dan sumber-sumber lain. Semakan semula data telah dilaksanakan bagi KDNK 2017 manakala KDNK tahun 2018 merupakan data awalan.

Laporan ini mengandungi enam bahagian utama. Bahagian pertama menerangkan senario ekonomi global, prestasi ekonomi Malaysia dan ringkasan penemuan prestasi ekonomi bagi setiap negeri. Bahagian kedua membentangkan perincian prestasi ekonomi negeri, manakala pertumbuhan mengikut aktiviti ekonomi disediakan pada bahagian ketiga. Seterusnya, bahagian keempat membentangkan statistik sosial demografi seperti penduduk dan tenaga buruh. Sementara itu, prestasi pelancongan domestik turut dimuatkan di bahagian kelima manakala statistik kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan diperihalkan pada bahagian keenam. Seterusnya, nota teknikal, jadual perangkaan dan indikator-indikator terpilih daripada agensi-agensi lain turut dipaparkan dalam laporan ini. Maklumat mengenai metodologi, sumber data dan glosari boleh didapati melalui portal Jabatan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan laporan ini.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Julai 2019

SINGKATAN

ASEAN	: <i>Association of Southeast Asian Nations</i>
BE	: Banci Ekonomi
FFB	: <i>Fresh fruit bunch</i>
GST	: <i>Goods and Services Tax</i>
IHP	: Indeks Harga Pengguna
IHPR	: Indeks Harga Pengeluar
ILO	: <i>International Labour Organisation</i>
KDNK	: Keluaran Dalam Negeri Kasar
MB	: Majlis Bandaraya
MBT	: Majlis Berkuasa Tempatan
MD	: Majlis Daerah
MIDA	: <i>Malaysian Investment Development Authority</i>
MITI	: <i>Ministry of International Trade and Industry</i>
MP	: Majlis Perbandaran
MPC	: <i>Malaysia Productivity Corporation</i>
MPOB	: <i>Malaysian Palm Oil Board</i>
MSIC	: <i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>
OECD	: <i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
OPEC	: <i>Organisation of the Petroleum Exporting Countries</i>
PBT	: Pihak Berkuasa Tempatan
PNK	: Pendapatan Negara Kasar
SST	: <i>Sales and Service Tax</i>
ST	: Suku tahun
W.P.	: Wilayah Persekutuan

SIMBOL

..	: tidak berkenaan
-	: tidak tersedia
e	: anggaran
p	: permulaan
a	: nilai ditambah kurang daripada RM5 juta
&	: dan
r	: <i>revise</i>
t	: tahun
%	: peratus

UNIT/UKURAN

CAGR	: <i>Compound Annual Growth Rate</i>
RM	: Ringgit Malaysia
Kg	: Kilogram

NOTA

Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	i
SINGKATAN/SIMBOL	ii
UNIT/UKURAN/NOTA	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI CARTA	viii
SENARAI RAJAH	x

BAB 1 PENGENALAN

Senario ekonomi global	1
Senario ekonomi Malaysia	7
Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2018	8
Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2019	18
Rencana 1: Produktiviti buruh sektor Pembuatan di Malaysia: Di mana kedudukan kita?	25
Pengelasan semula KDNK mengikut negeri kepada tahun asas 2015	37
Prestasi ekonomi negeri 2018	39
Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri	39
Struktur ekonomi mengikut negeri	44
KDNK per kapita	45
Perbandingan sasaran pertumbuhan RMK-11	46

BAB 2 PRESTASI EKONOMI PERAK

Sosioekonomi Perak 2018	47
Prestasi ekonomi Perak 2018	48
Indeks Harga Pengguna	52
Rencana 2: Nisbah modal kepada output (<i>Capital Output Ratio</i>) bagi sektor Pembuatan Perak	54

BAB 3 PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Sektor Pertanian	59
Sektor Perlombongan dan pengkuarian	61
Sektor Pembinaan	62
Sektor Pembuatan	64
Sektor Perkhidmatan	66
♦ Perdagangan borong dan runcit	66
♦ Utiliti	67
♦ Pengangkutan dan penyimpanan	68
♦ Perkhidmatan maklumat dan komunikasi	69
♦ Perkhidmatan perniagaan	70
♦ Perkhidmatan pendidikan swasta	70
♦ Perkhidmatan kesihatan swasta	71
♦ Perkhidmatan kerajaan	71

BAB 4 DEMOGRAFI SOSIAL

Penduduk	73
♦ Kelahiran	76
♦ Kesuburan	78
♦ Kematian	79
♦ Jangkaan hayat	83
Tenaga buruh	85
♦ Penduduk bekerja	85
♦ Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran	88

BAB 5**STATSISTIK PELANCONGAN DOMESTIK**

Statistik pelancongan domestik Malaysia	89
♦ Statistik utama pelancongan domestik	89
♦ Pelawat domestik	90
♦ Perjalanan pelancongan domestik	90
♦ Perbelanjaan pelancongan domestik	91
Statistik pelancongan domestik Perak	91
♦ Kedatangan pelawat	91
♦ Negeri asal pelancong	92
♦ Destinasi tumpuan utama pelawat domestik	92

BAB 6**STATISTIK AKAUN KERAJAAN**

Statistik akaun kerajaan persekutuan	93
♦ Hasil kerajaan persekutuan	93
♦ Perbelanjaan kerajaan persekutuan	93
Statistik akaun kerajaan negeri	94
♦ Hasil kerajaan negeri	94
♦ Terimaan dan sumbangan daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri	96
♦ Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri	96
♦ Surplus/defisit kerajaan negeri	97
Pihak berkuasa tempatan	99
Statistik akaun kerajaan negeri Perak	103
♦ Hasil kerajaan negeri Perak	103
♦ Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak	104
♦ Surplus/defisit kerajaan negeri Perak	105
♦ Pihak berkuasa tempatan Perak	107

BAB 7**NOTA TEKNIKAL**

Akaun Negara	111
Indeks Harga Pengguna	115
Penduduk	116
Tenaga buruh	123
Pelancongan domestik	126

BAB 8**JADUAL PERANGKAAAN**

Akaun Negara	139
♦ Nasional	139
♦ Negeri	185
♦ KDNK Perak	195
Indeks Harga Pengguna	197
Penduduk	199
Tenaga buruh	202
Eksport dan import	208

BAB 9**INDIKATOR-INDIKATOR LAIN TERPILIH**

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia	211
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia	211
Pusat Maklumat Harta Tanah Negara	211
Kementerian Kesihatan Malaysia	213
Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Bukit Aman	216
MIDA	217

SENARAI JADUAL

1.1	Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih, 2011-2018 (%)	2
1.2	Penduduk mengikut sebab-sebab tidak mencari pekerjaan, Malaysia, 2017-2018	17
1.3	Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih	26
1(a)	Tahap produktiviti buruh antara tahun 2000, 2005, 2010, dan 2015	27
1(b)	Tahap produktiviti buruh bagi 24 kumpulan industri	28
1(c)	Tahap produktiviti buruh mengikut saiz operasi	29
1(d)	Tahap produktiviti buruh mengikut wilayah	29
1(e)	Ringkasan ujian analisis tahap produktiviti buruh	29
1(f)	Tahap produktiviti buruh, jumlah aset dan jumlah pekerja bagi 24 kumpulan industri	30
1(g)	Korelasi-hubungan (r) intensiti modal dengan tahap produktiviti buruh	31
1(h)	Intensiti modal bagi 24 kumpulan industri	31
1(i)	Intensiti modal mengikut saiz operasi	32
1(j)	Intensiti modal mengikut wilayah	32
1(k)	Ringkasan ujian analisis intensiti modal	33
1.4	Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2018	40
1.5	KDNK per kapita mengikut negeri, 2017-2018 pada harga semasa (RM)	45
1.6	Pertumbuhan purata tahunan, sasaran asal dan semakan semula sasaran pertumbuhan ekonomi negeri	46
2a	Nisbah modal kepada output (2015=100) sektor Pembuatan, Perak, 2015, 2010 dan 2005	55
3.1	Prestasi sektor Pertanian, Perak, 2017-2018	59
3.2	Statistik industri kelapa sawit, Perak, 2017-2018	60
3.3	Pengeluaran mineral terpilih, Perak, 2015-2018	61
3.4	Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut industri, Perak, 2018 - RM juta	65
3.5	Prestasi sektor Perkhidmatan, Perak, 2017-2018	66
3.6	Peratus sumbangan pendidikan swasta, Perak, 2018	70
4.1	Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Perak, 2015-2018	73
4.2	Struktur umur penduduk, Perak, 2015-2018	73
4.3	Nisbah tanggungan, Perak, 2015-2018	74
4.4	Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Perak, 2015-2018	74
4.5	Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2017 (setiap 1,000 penduduk)	76
4.6	Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2017 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)	78
4.7	Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2015-2017 (setiap 1,000 penduduk)	79
4.8	Kadar kematian kasar mengikut etnik, Perak, 2014-2017 (setiap 1,000 penduduk)	81
4.9	Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Perak, 2016-2018	86
4.10	Penduduk bekerja mengikut sektor, Perak, 2016-2018	87
5.1	Statistik utama pelancongan domestik, 2017-2018	89
5.2	Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2017-2018	90
5.3	Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Perak, 2017-2018	91
5.4	Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Perak, 2018	92
6.1	Hasil kerajaan persekutuan, 2016-2017	93
6.2	Perbelanjaan kerajaan persekutuan, 2016-2017	94
6.3	Kutipan hasil kerajaan negeri, 2016-2017	95
6.4	Perbandingan penyumbang utama hasil kerajaan Perak, 2016-2017	104
6.5	Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak, 2016-2017	105
6.6	Surplus/defisit kerajaan negeri Perak, 2016-2017	105
6.7	Kedudukan kewangan PBT Perak, 2016-2017 - RM juta	107
8.1	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2018 - RM juta	139
8.2	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2016-2018 - Perubahan peratusan tahunan	142
8.3	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2018 - Sumbangan peratusan kepada KDNK	145
8.4	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2018 - RM juta	148
8.5	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2016-2018 - Perubahan peratusan tahunan	150
8.6	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2018 - Sumbangan peratusan kepada KDNK	152

SENARAI JADUAL

8.7	KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2015-ST1 2019 - RM juta	154
8.8	KDNK pelarasan musim mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2015-ST1 2019 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	154
8.9	KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2015-ST1 2019 - RM juta	155
8.10	KDNK pelarasan musim mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2015-ST1 2019 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	155
8.11	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2015-ST1 2019 - RM juta	156
8.12	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2016-ST1 2019 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	162
8.13	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST2 2015-ST1 2019 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	166
8.14	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2015-ST1 2019 - Peratus sumbangan kepada KDNK	172
8.15	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2015-ST1 2019 - RM juta	178
8.16	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2016-ST1 2019 - Perubahan peratusan dari suku tahun yang sama tahun sebelumnya	180
8.17	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST2 2015-ST1 2019 - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	181
8.18	KDNK mengikut jenis perbelanjaan pada harga malar 2015, Malaysia, ST1 2015-ST1 2019 - Peratus sumbangan kepada KDNK	183
8.19	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2015-2018 - RM juta	185
8.20	KDNK mengikut negeri pada harga malar 2015, 2015-2018 - Perubahan peratusan tahunan & peratus sumbangan kepada KDNK	185
8.21	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2015 - RM juta	186
8.22	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2015 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	186
8.23	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2015 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	187
8.24	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - RM juta	188
8.25	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - Perubahan peratusan tahunan	188
8.26	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	189
8.27	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2016 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	189
8.28	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - RM juta	190
8.29	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - Perubahan peratusan tahunan	190
8.30	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	191
8.31	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2017 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	191
8.32	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - RM juta	192
8.33	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - Perubahan peratusan tahunan	192
8.34	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - Peratus sumbangan kepada KDNK Malaysia	193
8.35	KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, 2018 - Peratus sumbangan kepada KDNK negeri	193
8.36	KDNK mengikut negeri pada harga semasa, 2015-2018 - RM juta	194
8.37	KDNK per kapita mengikut negeri pada harga semasa, 2015-2018 - RM	194
8.38	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Perak, 2015-2018 - RM juta	195
8.39	KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Perak, 2015-2018 - Perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan kepada KDNK	196
8.40	Indeks Harga Pengguna mengikut negeri, 2010-2018	197
8.41	Peratus perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna mengikut negeri, 2011-2018	197
8.42	Indeks Harga Pengguna, Perak, 2010-2018	198

SENARAI JADUAL

8.43	Peratus perubahan tahunan indeks harga pengguna, Perak, 2011-2018	198
8.44	Siri masa anggaran penduduk pertengahan tahun mengikut negeri dan jantina, Malaysia, 2015-2018	199
8.45	Ringkasan perangkaan penting mengikut negeri, Malaysia, 2017	200
8.46	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina dan negeri, 2015-2018	201
8.47	Kadar penyertaan tenaga buruh mengikut negeri dan kumpulan umur, Malaysia, 2018	202
8.48	Penduduk bekerja mengikut negeri dan pekerjaan, Malaysia, 2018	203
8.49	Penduduk bekerja mengikut negeri dan industri, Malaysia, 2018	204
8.50	Kadar pengangguran mengikut negeri, Malaysia, 2015-2018	207
8.51	Eksport dan import mengikut negeri berdasarkan pintu keluar dan masuk, Malaysia, 2015-2018 - RM juta	208
8.52	Eksport dan import mengikut pintu keluar dan masuk, Perak, 2015-2018 - RM juta	209
9.1	Nilai jualan mengikut bidang kraf, Perak, 2015-2018	211
9.2	Jumlah pemandu pelancong mengikut taraf kewarganegaraan, Perak, 2015-2018	211
9.3	Bilangan hotel mengikut lokasi, Perak, 2018	211
9.4	Siri masa ringkasan penawaran sedia ada bilik hotel mengikut negeri, 2015-2018	211
9.5	Siri masa ringkasan jumlah luas kompleks beli-belah dan pejabat tujuan khas, 2015-2018	212
9.6	Ringkasan stok sedia ada, penawaran akan datang dan perancangan penawaran kediaman, kedai dan hartanah perindustrian, Perak, 2018	213
9.7	Siri masa bilangan kes penyakit berjangkit, Perak, 2015-2017	213
9.8	Bilangan doktor, doktor gigi, jururawat, ahli farmasi dan optometris mengikut sektor dan nisbah kepada penduduk, Perak, 2017	213
9.9	Siri masa bilangan katil rasmi di sektor awam, 2015-2017	214
9.10	Bilangan fasiliti kesihatan awam dan nisbah fasiliti kesihatan awam kepada penduduk, Perak, 2017	214
9.11	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor awam, 2015-2017	215
9.12	Bilangan kemasukan pesakit mengikut negeri, sektor swasta, 2015-2017	215
9.13	Statistik jumlah kemalangan mengikut negeri, 2015-2018	216
9.14	Jumlah dan jenis pelaburan yang diluluskan mengikut negeri, Malaysia, 2016-2018	217
9.15	Jumlah dan jenis pelaburan yang diluluskan mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2016-2018	218
9.16	Jumlah dan jenis pelaburan projek pembuatan yang diluluskan mengikut industri, Perak, 2016-2018	219
9.17	Nilai pelaburan projek pembuatan yang diluluskan oleh penyertaan asing mengikut negara, Perak, 2016-2018	220

SENARAI CARTA

1.1	KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2015-2018 pada harga malar 2015	8
1.2	KDNK - Sumbangan peratusan 2018 pada harga malar 2015	8
1.3	Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	9
1.4	Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	10
1.5	Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	10
1.6	Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	11
1.7	Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	12
1.8	Perbelanjaan penggunaan akhir swasta - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	12
1.9	Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	13
1.10	PMTK - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2016-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	14
1.11	Eksport - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	14

SENARAI CARTA

1.12	Import - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015	15
1.13	KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan	20
1.14	KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya	20
1.15	Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015	21
1.16	Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015	22
1.17	Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015	23
1.18	Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015	23
1.19	Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015	24
1.20	PMTK dan komponen - Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015	25
1.21	Eksport dan import - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar 2015	25
1.22	Pertumbuhan ekonomi dan peratus sumbangan mengikut negeri, 2018	39
1.23	Peratus sumbangan aktiviti ekonomi mengikut negeri, 2018	45
2.1	Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK, Perak, 2015-2018	49
2.2	Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Perak, 2018	49
2.3	Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Perak, 2017-2018	50
2.4	Perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna, Perak, 2011- 2018	52
2.5	Perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna, Perak, 2017-2018	52
2.6	Perubahan tahunan kumpulan utama dan subkumpulan pengangkutan, Perak, 2017-2018	53
2a	Perbandingan pertumbuhan nilai ditambah sektor Pembuatan dan KDNK Perak, 2005-2015 (2015=100)	56
3.1	Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Perak, 2015-2018	61
3.2	Peratus sumbangan sektor Pembinaan, Perak, 2018	62
3.3	Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Perak, 2018	64
3.4	Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong & runcit, Perak, 2018	67
3.5	Struktur subsektor pengangkutan & penyimpanan, Perak, 2018	68
3.6	Kadar penembusan jalur lebar bagi 100 penduduk, Perak, 2015-2018	69
4.1	Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2017-2018	75
4.2	Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Perak, 2017-2018 ('000)	75
4.3	Kadar kelahiran kasar, Perak, 2010-2017	76
4.4	Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2017	77
4.5	Kadar kesuburan jumlah, Perak, 2010-2017	78
4.6	Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2010-2017	79
4.7	Kadar kematian bayi, Perak, 2010-2017	80
4.8	Nisbah mortaliti ibu bersalin, Perak, 2010-2017	80
4.9	Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2017	82
4.10	Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Perak, 2010-2018	85
4.11	KPTB dan kadar pengangguran, Perak, 2010-2018	88
6.1	Kutipan hasil kerajaan negeri, 2016-2017	95
6.2	Terimaan dan sumbangan daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri, 2016	96
6.3	Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2016-2017	97
6.4	Surplus/defisit mengikut negeri, 2016-2017 - RM juta	98
6.5	Prestasi kewangan 10 majlis bandaraya tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2016-2017	100
6.6	Prestasi kewangan 10 majlis perbandaran tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2016-2017	101
6.7	Prestasi kewangan 10 majlis daerah tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2016-2017	102
6.8	Kutipan hasil kerajaan negeri Perak, 2017	103
6.9	Siri masa hasil kerajaan negeri Perak, 2010-2017	103
6.10	Siri masa perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak, 2010-2017	105
6.11	Hasil cukai taksiran PBT Perak, 2016-2017	109

SENARAI RAJAH

4.1	Tiga sebab kematian utama disahkan, Perak, 2017	81
4.2	Tiga sebab kematian utama tidak disahkan, Perak, 2017	81
4.3	Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Perak, 2015-2018	83
4.4	Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Perak, 2015-2018	83
4.5	Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Perak, 2015-2018	84
5.1	Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2017-2018	90
5.2	Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2017-2018	91
5.3	Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Perak, 2018	92



BAB 1 PENGENALAN

SENARIO EKONOMI GLOBAL

SENARIO EKONOMI MALAYSIA

- Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2018
- Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2019
- Rencana 1: Produktiviti buruh sektor Pembuatan di Malaysia: Di mana kedudukan kita?

PENGASASAN SEMULA KDNK MENGIKUT NEGERI KEPADA TAHUN ASAS 2015

PRESTASI EKONOMI NEGERI 2018

- Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri
- Struktur ekonomi mengikut negeri
- KDNK per kapita
- Perbandingan sasaran pertumbuhan RMK-11

PERAK
2018



SENARIO EKONOMI GLOBAL

Ekonomi dunia merekodkan pertumbuhan 3.6 peratus pada tahun 2018 seperti dilaporkan oleh *International Monetary Fund* (IMF). Walaupun pertumbuhan ekonomi dunia dilihat rancak pada permulaan tahun, namun momentumnya semakin perlahan di penghujung tahun akibat peningkatan risiko dan ketidaktentuan dalam persekitaran politik serta ekonomi global. Di Eropah, pertumbuhan ekonomi dicatatkan pada kadar 1.8 peratus lebih rendah daripada sasaran 2.0 peratus yang diramalkan berikutan beberapa faktor. Antaranya termasuklah sentimen pengguna dan perniagaan yang semakin merosot, polisi fiskal yang tidak menentu di Italy, serta protes jalanan yang menjejaskan aktiviti perniagaan di France. Sementara itu, bencana alam pada suku ketiga 2018 memberi tekanan kepada pertumbuhan ekonomi Japan yang menyaksikan ekonomi negara matahari terbit itu hanya mampu bertumbuh pada kadar 0.8 peratus sepanjang tahun 2018. Di China, ekonomi berkembang perlahan dipengaruhi oleh pelaburan dan perbelanjaan domestik yang lebih rendah serta eksport yang merosot rentetan daripada perang dagangan dengan United States of America (USA). Walau bagaimanapun, China masih mampu mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada kadar 6.6 peratus. Kelembapan ekonomi di

kebanyakan negara maju sebaliknya diimbangi oleh pertumbuhan yang lebih memberangsangkan di USA. Pada tahun 2018, ekonomi USA bertumbuh pada kadar 2.9 peratus didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam perbelanjaan pengguna.

Pertumbuhan ekonomi di beberapa negara di ASEAN menyaksikan momentum yang semakin perlahan. Walaupun mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada kadar 6.2 peratus, pertumbuhan ekonomi di Philippines semakin perlahan dan lebih rendah berbanding tahun sebelumnya berikutan kenaikan inflasi dan kekangan kapasiti yang mengehadkan pengeluaran. Pada masa yang sama, tekanan terhadap nilai matawang telah mendorong pihak berkuasa monetari Philippines untuk menaikkan kadar faedah. Di Vietnam, ekonomi terus berkembang dipacu oleh peningkatan eksport walaupun kerajaan komited untuk mengurangkan peranannya dalam ekonomi. Sementara itu di Thailand, pertumbuhan ekonomi menampilkan pemulihan namun momentumnya semakin perlahan berikutan tindakan kerajaan yang mengawal perbelanjaan ditambah pula dengan permintaan terhadap eksport yang semakin berkurangan.

Jadual 1.1: Perubahan peratusan tahunan KDNK bagi negara terpilih, 2011-2018 (%)

Negara	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Ekonomi Dunia	4.3	3.5	3.5	3.6	3.5	3.2	3.8	3.6
Negara Maju	1.7	1.2	1.3	2.1	2.3	1.7	2.3	2.2
Kesatuan Eropah 28	1.7	-0.4	0.3	1.8	2.3	2.0	2.5	2.1
Negara Membangun	7.9	7.0	6.9	6.8	6.8	6.5	6.5	6.5
ASEAN-5	4.7	6.2	5.1	4.6	4.9	5.0	5.3	5.2
USA	1.6	2.2	1.7	2.6	2.9	1.5	2.3	2.9
Japan	-0.1	1.5	2.0	0.4	1.4	1.0	1.7	0.8
South Korea	3.7	2.3	2.9	3.3	2.8	2.9	3.1	2.7
Taiwan	3.8	2.1	2.2	4.0	0.8	1.4	2.9	2.6
Singapore	6.4	4.1	5.1	3.9	2.2	2.4	3.6	3.2
China	9.5	7.9	7.8	7.3	6.9	6.7	6.9	6.6
Thailand	0.8	7.2	2.7	1.0	3.0	3.3	3.9	4.1
Philippines	3.7	6.7	7.1	6.1	6.1	6.9	6.7	6.2
Indonesia	6.2	6.0	5.6	5.0	4.9	5.0	5.1	5.2
Vietnam	6.2	5.2	5.4	6.0	6.7	6.2	6.8	7.1
Malaysia	5.3	5.5	4.7	6.0	5.1	4.4	5.7	4.7

Sumber: IMF dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Perdagangan antarabangsa

Konflik dagangan antara China dan USA mendapat perhatian utama perdagangan antarabangsa pada tahun 2018. Perang dagang antara dua negara kuasa besar tersebut memperlihatkan kedua-dua negara mengenakan tarif import ke atas barang dagangan masing-masing. Berdasarkan IMF, tarif yang telah dikenakan sejak awal 2018 telah memberi kesan kepada hampir 12 peratus barangan import USA, 6.5 peratus barangan import China dan hampir 2.5 peratus barang dagangan seluruh dunia. Menurut laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada pertengahan September 2018, USA telah memutuskan untuk meningkatkan lagi tarif ke atas barang dagangan dari China bernilai USD200 bilion. Walau bagaimanapun, impak perang dagang ini dilihat tidak begitu serius kepada perdagangan dunia walaupun ia memberi kesan langsung kepada beberapa sektor

tertentu. Ini kerana meskipun China dan USA merupakan rakan dagangan terbesar dunia, namun perdagangan dua hala antara kedua-dua negara tersebut hanya mewakili 3 hingga 4 peratus perdagangan antarabangsa. Selain itu, impak konflik dagangan ini kepada China dan USA juga ditampung oleh perbelanjaan rangsangan dan subsidi daripada kerajaan kedua-dua negara. Ia sedikit sebanyak telah mengurangkan kesan negatif konflik tersebut kepada kedua-dua negara dan juga terhadap perdagangan antarabangsa.

Kewangan

Sepanjang sedekad selepas berlakunya krisis kewangan terbesar yang pernah dialami oleh dunia pada tahun 2008, pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan untuk mengukuhkan sistem perbankan dan kewangan dunia. Namun, pelbagai ancaman baharu kepada kestabilan ekosistem

kewangan dan perbankan antarabangsa juga telah muncul. Pada tahun 2018, polisi monetari dan kewangan di seluruh dunia memaparkan situasi yang berbeza di setiap negara berikutan perkembangan yang berlaku dalam politik dan ekonomi di peringkat setempat dan global. Antaranya, perang dagangan di antara USA dan China, isu pemisahan Britain daripada Kesatuan Eropah (Brexit), kadar hutang luar yang tinggi di beberapa negara, jangkaan pertumbuhan dunia yang lebih perlahan dan polisi monetari di USA.

Bagi sesetengah negara maju, kemudahan pembiayaan kewangan secara umumnya semakin dihadkan. Bank Pusat USA, *Federal Reserve* telah menaikkan kadar faedah pada September dan Disember 2018 kepada kadar 2.3 hingga 2.5 peratus. Sementara di Eropah pula, Bank Pusat Eropah telah menamatkan pembelian bersih aset kewangan pada bulan Disember 2018. Walau bagaimanapun menurut IMF, polisi monetari masih kekal memberi kemudahan kepada pembiayaan kewangan di negara Kesatuan Eropah dan kadar faedah masih dikekalkan pada paras yang sedia ada. Di negara sedang pesat membangun pula, pembiayaan kewangan telah dihadkan berikutan pelbagai faktor yang dijangka dapat mencetuskan kenaikan inflasi. Bank pusat di negara seperti Chile, Indonesia, Mexico, Philippines, Thailand, Russia dan South Africa telah menaikkan kadar faedah semalaman untuk mengekang peningkatan kadar inflasi. Pihak berkuasa China pula telah melonggarkan polisi monetari untuk mengurangkan tekanan terhadap pasaran bon korporat akibat kenaikan kadar faedah yang dilaksanakan sebelumnya. Bank Pusat China telah menyuntik wang ke dalam ekonomi melalui fasiliti pinjaman dan juga pemotongan terhadap nisbah rizab yang perlu dipegang oleh bank.

“ Pada tahun 2018, sistem kewangan dan perbankan dunia berhadapan situasi **tidak menentu berikutan perkembangan yang berlaku dalam politik dan ekonomi antarabangsa ”**



Inflasi

Kadar inflasi dunia pada tahun 2018 meningkat kepada 3.7 peratus daripada 3.2 peratus pada tahun sebelumnya. Indeks Harga Komoditi Pasaran Bebas (*Free Market Commodity Price Index - FMCPI*) yang diterbitkan oleh *United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* turut merekodkan lonjakan sehingga hampir 20 peratus dalam harga komoditi utama yang dieksport oleh negara membangun. Kenaikan kadar inflasi dunia ini sebahagian besarnya didorong oleh faktor bekalan (*supply side*) khususnya daripada bekalan minyak dunia. Antara faktor tersebut seperti sekatan ekonomi USA terhadap Iran, eksport minyak Iran yang menurun dan pengurangan pengeluaran minyak oleh negara di bawah Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC). Sepanjang suku pertama hingga suku ketiga 2018, harga minyak dunia yang diukur dalam *Brent spot price* meningkat secara konsisten ke paras USD80 setong pada September 2018. Namun begitu, tanpa mengambil kira komoditi minyak, indeks FMCPI

**“Inflasi dunia
menunjukkan trend
peningkatan yang
sederhana pada tahun
2018”**



sebaliknya mencatatkan penurunan sebanyak 7.6 peratus. Harga minyak dunia kemudian turun di akhir tahun ke paras USD67 setong berikutan penarikan semula sekatan ekonomi terhadap rakan dagangan Iran oleh USA dan peningkatan pengeluaran minyak di negara USA itu. Secara keseluruhannya, harga minyak dunia pada tahun 2018 berada pada kadar purata USD72 setong iaitu hampir 31 peratus lebih tinggi daripada harga purata pada tahun 2017 (USD55 setong). Di negara maju, kadar inflasi barangan pengguna meningkat daripada 1.7 peratus pada tahun 2017 kepada 2.0 peratus pada tahun 2018. Sementara itu, harga barangan pengguna di negara sedang pesat membangun dan negara membangun juga mencatatkan peningkatan daripada 4.3 peratus pada tahun 2017 kepada 4.8 peratus pada tahun 2018.

Pelaburan langsung asing

Menurut laporan *Investment Trends Monitor* pada Jun 2019 oleh UNCTAD, pelaburan langsung asing (FDI) di peringkat global telah menurun daripada USD1.5 trilion pada tahun 2017 kepada USD1.3 trilion pada tahun 2018, iaitu kejatuhan sebanyak 13 peratus. Jumlah yang lebih rendah ini berpunca daripada kejatuhan pelaburan langsung asing di negara maju iaitu sebanyak 27 peratus. USA dan Eropah masing-masing merekodkan penyusutan pelaburan langsung asing sebanyak 4 peratus dan 55 peratus. Kejatuhan yang drastik di negara maju ini sebahagian besarnya berpunca daripada penarikan keluar dana oleh syarikat multinasional USA susulan daripada reformasi cukai pendapatan korporat yang dilaksanakan oleh pentadbiran Trump di akhir tahun 2017. Sementara itu, pelaburan langsung asing pula meningkat di negara Asia yang sedang membangun iaitu sebanyak 4 peratus dan juga di negara-negara Afrika sebanyak 11 peratus. Walaupun mengalami kemerosotan dalam pelaburan langsung asing, USA kekal mempertahankan kedudukan sebagai penerima pelaburan langsung asing terbesar dunia iaitu USD252 bilion diikuti dengan China (USD139 bilion) dan Hong Kong (USD116 bilion).

**“FDI di peringkat global
mencatatkan penurunan
daripada
USD1.5 trilion pada tahun
2017 kepada USD1.3 trilion
pada tahun 2018”**

Guna tenaga dan produktiviti

Daripada 5.7 bilion populasi dunia yang berada dalam umur bekerja, seramai 3.3 bilion atau 58.4 peratus mempunyai pekerjaan pada tahun 2018 menurut laporan yang diterbitkan oleh *International Labour Organization* (ILO). Kadar pengangguran global pula dianggarkan pada paras 5.0 peratus di mana seramai 172 juta penduduk dunia berada dalam pengangguran. Di samping jumlah penduduk dunia yang menganggur, seramai 140 juta penduduk dunia pula berada dalam kategori tenaga buruh berpotensi (*potential labour force*). Kumpulan ini merujuk kepada mereka yang sedang mencari pekerjaan namun masih belum bernasib baik serta mereka yang tidak mencari pekerjaan walaupun berkemampuan untuk bekerja.

“Seramai 3.3 bilion atau 58.4% populasi dunia dalam umur bekerja yang memiliki pekerjaan pada tahun 2018”



Sementara itu, produktiviti buruh di serata dunia pula memaparkan situasi yang berbeza. Di negara maju seperti USA dan Eropah, produktiviti buruh memperlihatkan penurunan. Di USA, produktiviti buruh dicatatkan pada kadar 6.5 peratus pada tahun 2018 berbanding 7.1 peratus pada tahun 2017. Negara utama di Eropah juga memperlihatkan

penurunan produktiviti namun pada kadar yang marginal. Produktiviti buruh di United Kingdom direkodkan lebih perlahan iaitu daripada 1.5 peratus pada tahun 2017 kepada 1.3 peratus pada tahun 2018. Situasi yang sama turut berlaku di Italy (2.8% kepada 2.6%) dan Germany (1.6% kepada 1.5%). Di benua Asia dan Pasifik, produktiviti buruh meningkat daripada 4.4 peratus pada tahun 2017 kepada 4.7 peratus pada tahun 2018. Di benua Afrika pula, produktiviti buruh hanya bertumbuh pada kadar 0.9 peratus pada tahun 2018. Namun kadar pertumbuhan produktiviti tersebut lebih tinggi berbanding tahun 2017 (0.4%).

Menurut ILO, memiliki pekerjaan semata-mata bukanlah petunjuk kepada kualiti hidup yang baik. Walaupun 3.3 bilion tenaga kerja dunia yang mempunyai pekerjaan merupakan satu jumlah yang besar, namun majoritinya tidak mempunyai kemudahan asas hidup yang baik dan jaminan keselamatan ekonomi. Ramai pekerja yang terpaksa mengambil pekerjaan yang mempunyai upah yang rendah, tiada perlindungan sosial dan tiada hak pekerja. Pada tahun 2018 juga, seramai 360 juta individu yang bekerja merupakan pekerja di sektor tidak formal yang terpaksa bekerja kerana desakan dalam kehidupan.

Prospek pertumbuhan ekonomi dunia 2019

Pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan pada separuh kedua tahun 2018 dijangka akan berlarutan ke tahun 2019. IMF meramalkan ekonomi dunia akan bertumbuh pada kadar 3.3 peratus pada tahun 2019. Ramalan tersebut berasaskan andaian terhadap situasi hubungan dagangan antara USA dan China serta situasi dalam sektor kewangan dunia yang dijangka akan memberi risiko kepada pertumbuhan ekonomi global. Konflik perdagangan yang masih belum menampakkan penyelesaian yang

tuntas antara China dan USA mencetuskan kebimbangan terhadap ketidaktentuan polisi yang mampu menjejaskan aktiviti perdagangan, pelaburan dan pengeluaran di peringkat antarabangsa. Sentimen dalam pasaran kewangan antarabangsa juga antara faktor lain yang turut menyumbang kepada ramalan pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan pada tahun 2019. Situasi rundingan Brexit yang mungkin membawa hasil yang negatif berpotensi menjejaskan pasaran kewangan di Eropah dan merebak ke sistem kewangan global sekaligus memberi kesan yang tidak diingini kepada pertumbuhan ekonomi dunia. Di samping itu, beberapa risiko lain turut memberi ancaman kepada pertumbuhan ekonomi setempat dan global pada tahun 2019 seperti serangan siber terhadap infrastruktur kewangan, perubahan iklim yang membawa kepada cuaca buruk dan bencana alam serta konflik yang berlarutan di Timur Tengah.

“Konflik perdagangan USA dan China serta ketidaktentuan hasil rundingan Brexit menyumbang kepada ramalan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan pada tahun 2019”



SENARIO EKONOMI MALAYSIA

MALAYSIA KEKAL BERDAYA TAHAN



Kemampuan ekonomi Malaysia dapat dilihat melalui prestasi menggalakkan yang dipamerkan pada tahun 2018. Struktur serta asas ekonomi yang berdaya tahan ini membolehkan ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 4.7 peratus meskipun bertumbuh lebih sederhana berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan swasta terus memacu perkembangan ekonomi dalam negara dan mengimbangi kesan perbelanjaan awam yang lebih rendah. Pertumbuhan guna tenaga dan kadar upah yang stabil serta inflasi yang sederhana pada kadar 1.0 peratus, lebih rendah daripada purata 3.7 peratus pada tahun 2017 terus menyokong momentum pertumbuhan penggunaan swasta.

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) berkadar sifar selama 3 bulan dan harga minyak di pam yang secara relatifnya lebih rendah pada tahun 2018 merupakan antara faktor yang merangsang perbelanjaan. Selain itu, pilihan raya umum Malaysia ke-14 dan musim piala dunia FIFA turut menggalakkan lagi peningkatan sektor ini. Perbelanjaan terhadap makanan dan minuman bukan alkohol, komunikasi, restoran & hotel serta pengangkutan merupakan antara segmen yang memacu pertumbuhan perbelanjaan pengguna. Sementara itu, pelaburan swasta kekal berkembang dengan pertumbuhan positif dan mengurangkan

impak ke atas prestasi lebih perlahan bagi iklim pelaburan di Malaysia apabila perbelanjaan pelaburan awam mencatatkan penyusutan.

Merujuk kepada prestasi suku tahun pada 2018, pertumbuhan ekonomi negara masih mempamerkan momentum yang baik untuk separuh tahun pertama namun berkembang dengan sederhana untuk separuh tahun kedua. Pelbagai faktor telah mendorong pergerakan prestasi ekonomi kesan daripada peningkatan ketidakpastian persekitaran global antaranya termasuklah konflik perdagangan antara negara kuasa besar, kesan harga minyak global dan polisi tidak menentu yang menjejaskan sentimen pelabur dan pengguna di negara utama dunia.

Selain itu, gangguan terhadap pengeluaran berikutan pasca pemulihan El Nino pada tahun 2017 dan beberapa situasi luar jangka yang lain turut memberi kesan negatif kepada ekonomi terutama kepada sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian dan eksport komoditi. Musim kemarau yang berpanjangan terutama di Malaysia Timur menjejaskan penghasilan buah tandan segar (FFB) bagi industri sawit manakala gangguan pengeluaran bekalan yang tidak dijangka secara umumnya mempengaruhi penyusutan bagi pengekstrakan minyak dan gas pada tahun 2018. Namun di sebalik pelbagai halangan dan cabaran tersebut, ekonomi

Malaysia masih tidak tergelincir daripada landasannya hasil sokongan daripada teras ekonomi dan kewangan yang mapan sekaligus kekal berdaya tahan untuk memberi kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat.


“Ekonomi Malaysia masih tidak tergelincir daripada landasannya hasil sokongan daripada teras ekonomi dan kewangan yang mapan”

Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2018

Pada tahun 2018, ekonomi Malaysia bertumbuh pada 4.7 peratus berbanding 5.7 peratus pada tahun sebelumnya (Carta 1.1). Dari segi penawaran, semua sektor menunjukkan pertumbuhan positif kecuali Perlombongan dan pengkuarian. Prestasi dari segi permintaan disumbangkan oleh perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan pemulihan dalam permintaan luaran.

Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi dengan sumbangan sebanyak 79.1 peratus (Carta 1.2). Sementara itu dari segi perbelanjaan, permintaan domestik menyumbang 93.0 peratus dan kekal dipacu oleh perbelanjaan penggunaan akhir swasta.

Carta 1.1 KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2015-2018 pada harga malar 2015



Carta 1.2 KDNK - Sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015

Nilai KDNK pada harga malar: RM1,361.5 bilion

Kaedah pengeluaran



Kaedah perbelanjaan



Nota: Tidak termasuk duti import

Nota: Tidak termasuk perubahan inventori, barangan berharga & perbezaan statistik



Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan mengukuh kepada 6.8 peratus (2017: 6.2%) dan kekal sebagai penyumbang utama kepada ekonomi seperti di Carta 1.3. Perkembangan sektor ini disokong oleh perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi.

Perdagangan borong & runcit bertumbuh 8.1 peratus (2017: 7.1%) didorong oleh segmen runcit yang meningkat kepada 10.1 peratus berbanding 9.4 peratus pada tahun 2017. Maklumat & komunikasi mencatatkan pertumbuhan 8.3 peratus (2017: 8.4%) yang disumbangkan oleh segmen komunikasi dan aktiviti perkhidmatan komputer.

Kewangan & insurans turut kekal memberangsangkan dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.7 peratus berbanding 4.6 peratus pada tahun 2017.

Carta 1.3 Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015





Pembuatan

Pada tahun 2018, sektor Pembuatan bertumbuh 5.0 peratus daripada 6.0 peratus pada tahun 2017 seperti yang ditunjukkan di Carta 1.4. Produk elektrik, elektronik dan optikal kekal sebagai peneraju sektor ini dengan pertumbuhan 6.3 peratus (2017: 7.5%).

Sementara itu, produk petroleum, kimia, getah & plastik terus mencatatkan pertumbuhan 4.0 peratus disokong oleh produk petroleum bertapis, getah dan plastik. Di samping itu, peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan meningkat kepada 6.4 peratus berbanding 5.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Carta 1.4 Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015



Pembinaan

Sektor Pembinaan bertumbuh 4.2 peratus daripada 6.7 peratus pada tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan di Carta 1.5.

Kejuruteraan awam merupakan penyumbang utama kepada Pembinaan yang mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 15.0 peratus (2017: 13.8%). Momentum kukuh ini adalah disokong terutamanya oleh projek berkaitan pengangkutan dan minyak & gas. Aktiviti pembinaan pertukangan khas merekodkan pertumbuhan 8.0 peratus daripada 7.7 peratus pada tahun sebelumnya.



Pertanian


Sektor Pertanian menyusut kepada 0.1 peratus berbanding 5.7 peratus pada tahun 2018 seperti yang ditunjukkan di Carta 1.6. Momentum pertumbuhan yang lemah ini adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam subsektor kelapa sawit, getah dan perhutanan & pembalakan.

Sebaliknya, ternakan dan pertanian lain masing-masing merekodkan prestasi yang lebih baik pada 6.7 peratus (2017: 5.4%) dan 3.3 peratus (2017: 2.5%).




“Sektor Pertanian menyusut pada tahun 2018 disebabkan kemerosotan kelapa sawit, getah dan perhutanan & pembalakan”

Carta 1.5 Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015



Carta 1.6

Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015



Perlombongan dan pengkuarian


Sektor Perlombongan dan pengkuarian menyusut 2.6 peratus daripada 0.4 peratus seperti yang digambarkan pada Carta 1.7. Pertumbuhan sederhana ini adalah disebabkan oleh gas asli yang susut pada 3.5 peratus (2017: 1.7%) dan pertumbuhan negatif yang perlahan bagi minyak mentah & kondensat pada 2.4 peratus (2017: -2.2%).



“Sektor Perlombongan & pengkuarian menyusut 2.6% daripada 0.4%”

Carta 1.7

Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015



Perbelanjaan penggunaan akhir swasta

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta berkembang kepada 8.0 peratus (2017: 6.9%) seperti yang ditunjukkan pada Carta 1.8. Pertumbuhan ini didorong oleh segmen makanan & minuman bukan beralkohol (sumbangan: 22.0%), restoran & hotel (sumbangan: 10.7%) dan pengangkutan & komunikasi (sumbangan: 21.4%).

Perbelanjaan pengguna ke atas perkhidmatan menyumbang 51.7 peratus (2017: 51.4%), manakala perbelanjaan ke atas barangan menyumbang 48.3 peratus (2017: 48.6%). Penggunaan ke atas barangan tidak tahan lama menyumbang 74.8 peratus dan barangan tahan lama menyumbang 14.5 peratus.



Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan


Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan mencatatkan pertumbuhan sederhana 3.3 peratus berbanding 5.5 peratus pada tahun sebelumnya seperti yang digambarkan pada Carta 1.9. Perbelanjaan yang perlahan ke atas kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan awam telah mengurangkan perbelanjaan kerajaan secara keseluruhannya.





“Perbelanjaan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan awam menyokong perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan”

Carta 1.8

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015



Carta 1.9 Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015



Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) bertumbuh perlahan kepada 1.4 peratus daripada 6.1 peratus pada tahun sebelumnya (Carta 1.10). PMTK menyumbang 24.6 peratus kepada ekonomi dan mencecah nilai RM350.3 bilion pada harga semasa, manakala pada harga malar adalah RM335.6 bilion.



Momentum yang lebih perlahan dalam PMTK disebabkan oleh struktur dengan pertumbuhan 1.9 peratus yang selari dengan prestasi sektor Pembinaan. Sementara itu, jentera & peralatan merekodkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.7 peratus daripada 11.4 peratus pada tahun 2017.

Sektor swasta (sumbangan: 70.1%) meningkat 4.3 peratus dan menerajui momentum pertumbuhan PMTK pada tahun ini. Selain itu, penyusutan sektor awam sebanyak 5.0 peratus turut mengurangkan pengembangan PMTK.

“PMTK menyumbang 24.6% dengan nilai RM350.3 bilion pada harga semasa dan RM335.6 bilion pada harga malar”



Carta 1.10 PMTK - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2016-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015




Eksport dan import


Eksport bertumbuh perlahan kepada 2.2 peratus (2017: 8.7%) seperti yang ditunjukkan pada Carta 1.11. Momentum yang lebih perlahan dalam eksport adalah disebabkan oleh penyusutan dalam eksport perkhidmatan (2018: -0.8%; 2017: 4.6%) manakala eksport barangan bertumbuh sederhana kepada 2.8 peratus daripada 9.5 peratus pada tahun sebelumnya. Sumbangan eksport barangan meningkat 83.9 peratus berbanding 83.4 peratus pada tahun 2017.

Import bertumbuh 1.3 peratus (2017: 10.2%) seperti yang digambarkan pada Carta 1.12.


Prestasi import diterajui oleh import barangan (sumbangan: 80.1%) yang mencatatkan pertumbuhan 2.6 peratus (2017: 11.3%). Sementara itu, import perkhidmatan yang menyumbang 19.9 peratus merekodkan pertumbuhan negatif 3.8 peratus (2017: 6.1%).



Carta 1.11 Eksport - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015



Carta 1.12 Import - Nilai, perubahan peratusan tahunan 2015-2018 dan sumbangan peratusan tahun 2018 pada harga malar 2015



Inflasi

Indeks Harga Pengguna (IHP) yang mengukur perubahan harga secara purata bagi barang dan perkhidmatan meningkat secara perlahan pada kadar 1.0 peratus pada tahun 2018 kepada 120.7 berbanding 3.7 peratus atau 119.5 pada tahun 2017.

Faktor utama yang mengekang inflasi daripada terus meningkat adalah didorong oleh keputusan dasar menetapkan harga bahan api domestik yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. Harga runcit petrol RON95 domestik telah ditetapkan pada RM2.20 seliter sejak 22 Mac 2018. Selain itu, inflasi yang rendah ini turut dicerminkan melalui harga barangan yang sebelum ini tertakluk kepada GST mula menurun susulan daripada pelaksanaan GST pada kadar sifar.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2018 paras IHP yang rendah ini adalah menyeluruh dalam kesemua kumpulan utama. Perubahan inflasi kumpulan utama yang masih positif ialah perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (+2.0%), makanan dan minuman bukan alkohol (+1.6%), pengangkutan (+1.6%), restoran dan hotel (+1.6%), pendidikan (+1.1%), kesihatan (+0.8%) dan hiasan perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (+0.3%).

Sementara itu, kumpulan utama komunikasi, perkhidmatan rekreasi & kebudayaan serta pakaian & kasut masing-masing menunjukkan penurunan kepada 1.7 peratus, 0.4 peratus dan 2.0 peratus.



Pasaran tenaga buruh

Pasaran buruh Malaysia kekal menggalakkan sepanjang tahun 2018. Tenaga buruh Malaysia meningkat 2.0 peratus kepada hampir 15.3 juta orang pada tahun 2018 berbanding 15.0 juta orang pada tahun sebelumnya. Dalam tempoh tersebut, penduduk bekerja meningkat 299,200 orang kepada 14.8 juta orang. Kadar pengangguran pada tahun 2018 bertambah baik kepada 3.3 peratus berbanding 3.4 peratus tahun sebelumnya sekaligus menunjukkan bahawa ekonomi negara masih berada pada tahap guna tenaga penuh iaitu kadar pengangguran di bawah 4.0 peratus.

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) bagi tahun 2018 meningkat kepada 68.3 peratus berbanding 68.0 peratus pada tahun 2017. Ini bermakna 31.7 peratus penduduk dalam kumpulan umur bekerja berada di luar tenaga buruh. KPTB lelaki meningkat 0.3 mata peratus kepada 80.4 peratus berbanding 80.1 peratus pada tahun 2017 dengan penyertaan lelaki dalam pasaran buruh bagi kumpulan umur *prime age* iaitu 25-34 tahun (96.5%), 35-44 tahun (97.7%) dan 45-54 tahun (94.2%) pada tahun 2018. KPTB kumpulan umur 15-24 tahun mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu 1.2 mata peratus kepada 51.0 peratus. Sementara itu, KPTB perempuan meningkat 0.5 mata peratus kepada 55.2 peratus pada tahun 2018. Penyertaan perempuan dalam pasaran buruh bagi kumpulan umur *prime age* iaitu 25-34 tahun (73.6%), 35-44 tahun (67.9%) dan 45-54 tahun (58.8%) adalah lebih tinggi berbanding KPTB perempuan di peringkat nasional.

Pada tahun 2018, penduduk bekerja berpendidikan tertiar meningkat 0.5 mata peratus kepada 28.6 peratus berbanding 28.1 peratus pada tahun sebelumnya. Sebaliknya, penduduk bekerja dengan pendidikan rendah (3.1%) dan menengah

(55.6%) masing-masing menyusut 0.4 mata peratus dan 0.2 mata peratus.

Berdasarkan sumbangan penduduk bekerja bagi lima sektor utama, sektor Perkhidmatan mencatatkan peratusan tertinggi penduduk bekerja sebanyak 63.4 peratus dengan peningkatan sebanyak 1.4 mata peratus berbanding 62.0 peratus pada tahun sebelumnya. Penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan meliputi 16.9 peratus diikuti oleh sektor Pertanian (10.6%), sektor Pembinaan (8.5%) dan sektor Perlombongan & pengkuarian (0.6%).

Luar tenaga buruh

Penduduk dalam kalangan umur bekerja yang berada di luar tenaga buruh adalah seramai 7.1 juta orang pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut 4.8 juta (68.3%) adalah perempuan dan lelaki 2.3 juta (31.7%). Penduduk berumur 15 hingga 24 tahun merupakan kumpulan komposisi terbesar yang berada di luar tenaga buruh iaitu 48.7 peratus pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, peratusan kumpulan ini menunjukkan penurunan 0.7 mata peratus berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2018, sebab utama tidak mencari kerja bagi penduduk luar tenaga buruh adalah disebabkan untuk memberi tumpuan kepada kerja rumah/tanggungjawab kepada keluarga (42.1%) dan masih belajar (41.6%). Kumpulan ini merupakan penduduk yang berpotensi menyertai pasaran buruh (Jadual 1.2).

Produktiviti buruh

Produktiviti buruh Malaysia terus kekal dalam arah aliran pertumbuhan positif pada tahun 2018. Prestasi produktiviti buruh tahunan Malaysia yang diukur sebagai nilai ditambah per jam bekerja meningkat 3.4 peratus (2017: 3.5%) manakala produktiviti buruh tahunan mengikut pekerja bertumbuh sederhana kepada 2.2 peratus (2017: 3.7%).

Berdasarkan perspektif produktiviti buruh tahunan mengikut jam bekerja, sektor Perkhidmatan merekodkan pertumbuhan yang memberangsangkan daripada 3.7 peratus pada tahun 2017 kepada 5.1 peratus pada tahun 2018. Peningkatan tertinggi prestasi produktiviti buruh sektor ini adalah subsektor perdagangan borong & runcit (5.8%), maklumat & komunikasi (5.7%) serta hartanah & perkhidmatan perniagaan (5.4%).

Pertumbuhan produktiviti sektor Perlombongan dan pengkuarian kembali pulih pada tahun 2018 dengan mencatatkan produktiviti buruh mengikut jam bekerja 2.9 peratus berbanding negatif 2.4 peratus pada tahun sebelumnya. Bagi sektor Pembuatan, produktiviti buruh mengikut jam bekerja bertumbuh pada kadar 3.3 peratus (2017: 3.6%).

Pertumbuhan produktiviti tertinggi dicatatkan oleh peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan sebanyak 5.8 peratus (2017: 1.8%). Produk petroleum, kimia, getah

Jadual 1.2: Penduduk mengikut sebab-sebab tidak mencari pekerjaan, Malaysia, 2017-2018

Luar tenaga buruh ('000)	2017	2018
Sudah bersara	598.7	608.3
Tidak berminat	84.2	85.4
Kurang upaya	303.8	310.7
Akan melanjutkan pelajaran	153.5	154.6
Kerja rumah/ tanggungjawab keluarga	2,910.4	2,986.5
Masih belajar	3,014.4	2,949.0
Jumlah	7,065.0	7,094.4

dan plastik pula merekodkan pertumbuhan lebih baik kepada 2.4 peratus berbanding tahun sebelumnya (2017: 2.0%). Walau bagaimanapun, aktiviti minuman & produk tembakau dan produk tekstil, pakaian & kulit mencatatkan pertumbuhan negatif pada tahun 2018. Produktiviti buruh mengikut jam bekerja bagi sektor Pertanian dan Pembinaan masing-masing bertumbuh pada kadar 0.6 peratus (2017: 2.8%) dan 3.8 peratus (2017: 6.7%).

Dari sudut produktiviti buruh mengikut pekerja, sektor Perkhidmatan meningkat pada kadar 3.5 peratus berbanding 4.2 peratus tahun sebelumnya. Produktiviti buruh bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian menunjukkan prestasi lebih baik iaitu 2.1 peratus pada tahun 2018 berbanding 1.5 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Produktiviti sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan sederhana dengan merekodkan 2.4 peratus (2017: 3.9%). Bagi sektor Pembinaan, pertumbuhan produktiviti dicatatkan lebih rendah iaitu 3.4 peratus berbanding peningkatan kukuh 6.8 peratus pada tahun 2017. Namun begitu, sektor Pertanian merekodkan pertumbuhan negatif 0.2 peratus bagi nilai produktiviti buruh mengikut pekerja pada tahun 2018 (2017: 2.1%).



“Prestasi produktiviti buruh Malaysia terus kekal dalam arah aliran positif pada tahun 2018”



Prospek ekonomi Malaysia 2019


Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus bagi suku tahun pertama 2019 dan dijangka akan mengekalkan momentum pertumbuhan yang stabil untuk separuh tahun kedua 2019. Walaupun Malaysia mempunyai asas ekonomi yang berdaya tahan, namun terdapat risiko pertumbuhan lebih perlahan kesan daripada ketidaktentuan persekitaran global. Dari sudut penawaran, momentum pertumbuhan bagi keseluruhan tahun 2019 dijangka disokong oleh sektor perkhidmatan swasta, Pembuatan dan Pertanian.

Sektor Perkhidmatan diunjurkan kekal mampan didorong oleh kestabilan dalam perbelanjaan pengguna terutamanya peruncitan. Perkhidmatan ICT, pengangkutan dan kewangan dilihat antara segmen yang dapat menggalakkan lagi prestasi sektor ini. Perkembangan dalam industri berorientasikan eksport akan memberi manfaat kepada sektor Pembuatan berikutan perkembangan berterusan dalam segmen elektrik, elektronik dan optikal serta pengeluaran petrokimia. Selain itu, sektor Pertanian yang mengalami penguncupan pada tahun 2018 dijangka kembali pulih dipacu oleh peningkatan pengeluaran buah tandan segar (FFB) hasil pertambahan luas kawasan matang. Namun begitu, di sebalik jangkaan prestasi yang meyakinkan, sektor Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian serta perkhidmatan kerajaan dijangka mengalami momentum pertumbuhan yang marginal.

Merujuk kepada perspektif permintaan, pertumbuhan KDNK 2019 dijangka didorong oleh segmen perbelanjaan akhir swasta dan eksport bersih. Perbelanjaan akhir swasta diunjur berkembang kesan daripada pasaran buruh yang stabil, peningkatan gaji serta kadar inflasi yang sederhana. Bagi segmen sektor luar negeri, eksport dianggarkan didorong oleh barangan pembuatan terutamanya produk elektrik, elektronik dan optikal berikutan perluasan penggunaan semikonduktor dalam industri automotif dan peralatan elektronik berasaskan pengguna. Selain itu, produk kimia dan jentera & kelengkapan serta jangkaan pemulihan dalam komoditi sawit dijangka menyokong kestabilan dan mendorong pertumbuhan eksport. Walau bagaimanapun, momentum lebih perlahan dijangka disumbangkan oleh perbelanjaan kerajaan dan pembentukan modal kasar di sepanjang tahun 2019. Berdasarkan situasi suku tahun pertama 2019, perbelanjaan modal sektor awam telah mencatatkan pertumbuhan negatif (yang terendah sejak suku tahun keempat 2017) manakala sektor swasta kekal positif walaupun dalam jajaran yang lebih perlahan.

Prestasi Indeks pelopor bagi bulan April 2019 menunjukkan ekonomi Malaysia dijangka akan terus berkembang bagi separuh tahun kedua 2019 (Carta 1.13).

Carta 1.13: KDNK Malaysia dan arah aliran jangka panjang 2000-2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Tinjauan Ekonomi 2019, Kementerian Kewangan Malaysia

Pertumbuhan ekonomi Malaysia suku tahun pertama 2019



Pada suku pertama tahun 2019, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.5 peratus (ST4 2018: 4.7%) seperti digambarkan oleh Carta 1.14. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK bertumbuh 1.1 peratus (Carta 1.15).

Dari perspektif kaedah pengeluaran, semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif kecuali sektor Perlombongan dan pengkuarian. Sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian kekal sebagai peneraju ekonomi Malaysia pada suku tahun ini. Perbelanjaan penggunaan akhir swasta terus menjadi pemacu utama mengikut kaedah perbelanjaan.

Bagi tempoh ini, nilai KDNK pada harga malar adalah RM341.7 bilion manakala pada harga semasa RM361.9 bilion.



“Semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif pada suku tahun pertama 2019 kecuali Perlombongan dan pengkuarian”

Carta 1.14 KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan**Carta 1.15** KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya

Perkhidmatan



Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.4 peratus pada suku tahun pertama 2019 (ST4 2018: 6.9%) seperti yang digambarkan di Carta 1.16. Dari segi pelarasan musim, Perkhidmatan meningkat kepada 1.2 peratus berbanding 0.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Pertumbuhan sektor ini didorong terutamanya oleh perdagangan borong & runcit yang kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan 7.2 peratus (ST4 2018: 8.7%). Segmen runcit

terus menjadi pemacu kepada subsektor ini dengan pertumbuhan memberangsangkan 9.5 peratus pada suku tahun ini.

Maklumat & komunikasi kekal dengan prestasi kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan 7.2 peratus (ST4 2018: 8.0%), disokong oleh aktiviti telekomunikasi dan komputer & perkhidmatan maklumat. Subsektor makanan & minuman dan penginapan berkembang kepada 9.6 peratus (ST4 2018: 9.5%) berikutan momentum kukuh dalam aktiviti makanan & minuman.

Carta 1.16 Perkhidmatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015





Pembuatan

Sektor Pembuatan terus mencatatkan pertumbuhan positif 4.2 peratus berbanding 4.7 peratus pada suku tahun sebelumnya (Carta 1.17). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini mengembang kepada 0.9 peratus.

Pertumbuhan sektor Pembuatan dalam industri berorientasikan eksport pada suku tahun ini didorong oleh produk elektrik, elektronik dan optikal yang bertumbuh pada 3.8 peratus (ST4 2018: 6.9%). Selain itu, produk petroleum, kimia, getah & plastik mencatatkan pertumbuhan 3.1 peratus berbanding 3.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, minyak & lemak sayuran & haiwan dan prosesan makanan pulih kepada 5.2 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 0.1 peratus pada suku tahun lepas.

Sementara itu, industri berorientasikan domestik didorong oleh peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan kekal kukuh dengan pertumbuhan 6.5 peratus disokong oleh kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan.

Carta 1.17 Pembuatan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015



Pertanian

Sektor Pertanian pulih kepada pertumbuhan kukuh 5.6 peratus selepas mencatat pertumbuhan negatif bagi tiga suku tahun berturut-turut (Carta 1.18). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini meningkat kepada 6.1 peratus (ST4 2018: 4.3%).

Pemulihan sektor Pertanian didorong oleh kelapa sawit yang melonjak kepada 9.8 peratus daripada negatif 2.7 peratus berikutan hasil buah tandan segar yang lebih tinggi pada suku tahun ini. Pertumbuhan ini juga disokong oleh perikanan laut dan ternakan yang masing-masing meningkat kepada 9.4 peratus dan 4.8 peratus. Selain itu, getah pulih kepada 12.0 peratus (ST4 2018: -17.6%) disebabkan oleh peningkatan pengeluaran getah asli.




Pembinaan



Sektor Pembinaan bertumbuh perlahan kepada pertumbuhan marginal 0.3 peratus daripada 2.6 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti yang ditunjukkan di Carta 1.19. Sektor ini menguncup 1.1 peratus bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Pertumbuhan sederhana ini terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam bangunan kediaman dan bangunan bukan kediaman yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan negatif 7.2 peratus dan 4.0 peratus. Selain itu, aktiviti pertukangan khas bertumbuh sederhana kepada 2.9 peratus selepas mencatatkan 6.4 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Carta 1.19 Pembinaan - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015



Carta 1.18 Pertanian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015




Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian terus mencatatkan pertumbuhan negatif bagi enam suku tahun berturut-turut dengan pertumbuhan negatif 2.1 peratus pada suku tahun pertama 2019 (ST4 2018: -0.7%) seperti yang digambarkan di Carta 1.20. Sektor ini menguncup 2.5 peratus bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun.

Prestasi merosot pada suku tahun ini terutamanya disebabkan oleh kejatuhan dalam pengeluaran minyak mentah & kondensat dan gas asli.

Carta 1.20 Perlombongan dan pengkuarian - Nilai ditambah, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015




Perbelanjaan penggunaan akhir

Perbelanjaan penggunaan akhir kekal dengan pertumbuhan 7.4 peratus seperti yang ditunjukkan di Carta 1.21.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta bertumbuh 7.6 peratus (ST4 2018: 8.4%) didorong oleh penggunaan yang lebih tinggi pada makanan & minuman bukan alkohol, pengangkutan dan restoran & hotel. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta bertumbuh sederhana kepada 0.9 peratus.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan berkembang kepada 6.3 peratus (ST4 2018: 4.0%) disokong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 2.0 peratus.

Carta 1.21 Perbelanjaan penggunaan akhir - Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015




Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan
16.3%



Perbelanjaan penggunaan akhir swasta
83.7%

Carta 1.22 PMTK dan komponen - Nilai, perubahan peratusan tahunan dan peratus sumbangan pada harga malar 2015



Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menguncup kepada 3.5 peratus daripada pertumbuhan marginal 0.6 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti yang digambarkan di Carta 1.22. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, pertumbuhan PMTK menyusut 5.5 peratus.

Prestasi PMTK yang lemah adalah disebabkan oleh jentera & peralatan yang terus merosot pada suku ini dengan negatif 7.4 peratus (ST4 2018: -1.3%). Selain itu, struktur dan aset lain masing-masing merosot kepada 1.3 peratus dan 2.2 peratus.

Momentum perlahan dalam pelaburan sektor awam pada negatif 13.2 peratus (ST4 2018: -5.9%) telah memberi kesan kepada prestasi keseluruhan PMTK pada suku ini. Selain itu, pelaburan sektor swasta menyederhana kepada pertumbuhan marginal 0.4 peratus daripada 5.8 peratus pada suku tahun sebelumnya.


“PMTK suku tahun pertama 2019 menguncup disebabkan oleh jentera & peralatan yang terus merosot”

Eksport dan import

Eksport bertumbuh perlahan kepada 0.1 peratus daripada 3.1 peratus pada suku tahun sebelumnya disebabkan oleh penguncupan eksport barangan (Carta 1.23). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, eksport merosot 2.0 peratus.

Import susut 1.4 peratus berbanding pertumbuhan positif 1.8 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, import terus merosot kepada 3.6 peratus.

Carta 1.23 Eksport dan import - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar 2015



Jadual 1.3: Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih

Negara	Jenis pertumbuhan	2017				2018				2019
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1
Kesatuan Eropah 28	Tahunan	2.2	2.5	2.8	2.7	2.4	2.2	1.8	1.5	1.5
	Pelarasan musim*	0.7	0.6	0.6	0.7	0.4	0.5	0.3	0.3	0.5
United Kingdom	Tahunan	1.8	1.9	2.0	1.6	1.2	1.4	1.6	1.4	1.8
	Pelarasan musim*	0.4	0.3	0.5	0.4	0.1	0.4	0.7	0.2	0.5
USA	Tahunan	1.9	2.1	2.3	2.5	2.6	2.9	3.0	3.0	3.2
	Pelarasan musim**	1.8	3.0	2.8	2.3	2.2	4.2	3.4	2.2	3.2
Japan	Tahunan	1.5	1.7	2.1	2.4	1.3	1.5	0.1	0.2	0.8
	Pelarasan musim*	0.8	0.5	0.6	0.3	-0.1	0.5	-0.6	0.4	0.5
	Pelarasan musim**	3.4	2.1	2.5	1.3	-0.3	2.2	-2.5	1.6	2.1
South Korea	Tahunan	2.9	2.8	3.8	2.8	2.8	2.8	2.0	3.1	1.8
	Pelarasan musim*	1.0	0.6	1.4	-0.2	1.0	0.6	0.6	1.0	-0.3
Hong Kong	Tahunan	4.4	4.0	3.6	3.5	4.6	3.6	2.8	1.2	0.6
	Pelarasan musim*	0.8	0.8	0.8	1.1	1.9	-0.3	0.1	-0.5	1.3
Taiwan	Tahunan	2.9	2.5	3.4	3.5	3.2	3.3	2.4	1.8	1.7
	Pelarasan musim*	0.8	0.5	1.2	0.8	0.7	0.3	0.5	0.4	0.5
	Pelarasan musim**	3.2	2.2	4.9	3.3	2.8	1.4	1.9	1.5	2.0
Singapore	Tahunan	3.8	3.1	5.1	3.7	4.7	4.2	2.4	1.9	1.3
	Pelarasan musim**	1.0	1.5	9.3	3.2	4.7	0.0	1.4	1.4	2.0
China	Tahunan	6.8	6.8	6.7	6.7	6.8	6.7	6.5	6.4	6.4
	Pelarasan musim*	1.5	1.8	1.7	1.5	1.5	1.7	1.6	1.5	1.4
Thailand	Tahunan	3.5	4.2	4.5	4.0	5.0	4.7	3.2	3.6	2.8
	Pelarasan musim*	1.0	1.4	1.1	0.5	1.9	1.1	-0.4	0.9	1.0
Philippines	Tahunan	6.4	6.6	7.2	6.6	6.5	6.2	6.0	6.3	5.6
	Pelarasan musim*	1.5	1.9	1.7	1.4	1.5	1.4	1.4	1.8	1.0
Indonesia	Tahunan	5.0	5.0	5.1	5.2	5.1	5.3	5.2	5.2	5.1
Malaysia	Tahunan	5.6	5.8	6.2	5.9	5.3	4.5	4.4	4.7	4.5
	Pelarasan musim*	1.7	1.3	1.7	1.0	1.3	0.6	1.5	1.3	1.1

Sumber: Laman sesawang Pejabat Statistik Negara (NSO) terpilih dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)

Pelarasan musim* = Data KDNK yang diselaras musim

Pelarasan musim** = Kadar tahunan pelarasan musim

Rencana 1:**Produktiviti buruh sektor Pembuatan di Malaysia: Di mana kedudukan kita?¹**

Oleh: Nadiatul Natasha Mohd Fawzi, Herzie Mohamed Nordin dan Mohd Arif Ahmad

1.0 Pengenalan

Ekonomi Malaysia memperlihatkan arah pertumbuhan yang baik dalam tempoh 50 tahun yang lalu dengan melalui pelbagai era transformasi ekonomi bermula dengan memfokuskan sektor Pertanian, Pembuatan dan seterusnya sektor Perkhidmatan. Pertumbuhan ini mendorong Malaysia untuk mengubah landskap ekonomi daripada sebuah negara berpendapatan rendah pada tahun 1970-an kepada sebuah negara berpendapatan sederhana dan kini Malaysia terus mengorak langkah ke hadapan untuk menjadi sebuah ekonomi maju dan inklusif menjelang tahun 2020 (OECD, 2016). Kemajuan ekonomi lazimnya berkait rapat dengan pertumbuhan produktiviti, di mana tahap pencapaian penggunaan input seiring dengan peningkatan modal insan, teknologi baharu dan pembangunan *entrepreneur* (Hanipah, Tin, dan Sulaiman, 2012). Malaysia direncanakan mencapai tahap negara maju dengan meliputi pelbagai dimensi antara lain; aspek ekonomi, politik, sosial, spiritual dan budaya pada tahun 2020 (RMK-11, 2016). Salah satu indikator utama ke arah mencapai status negara maju adalah menerusi Pendapatan Negara Kasar Perkapita (PNK perkapita) yang disasarkan melebihi USD15,000. Walau bagaimanapun, untuk berada dalam kelompok negara berpendapatan tinggi ianya bergantung kepada keupayaan negara mempertingkatkan tahap produktiviti buruh. Malaysia dianggarkan untuk mencapai pertumbuhan produktiviti pada tahap 3.7 peratus menjelang 2020 berdasarkan prestasi produktiviti buruh pada tahun 2018 (MPC, 2017; RMK-11, 2016).

Menurut statistik produktiviti yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, produktiviti buruh kekal dalam arah aliran pertumbuhan positif, iaitu meningkat 2.2 peratus pada tahun 2018 (DOSM, 2019). Dalam tempoh tersebut, sektor Pembuatan mencatatkan prestasi yang sederhana dengan pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 2.4 peratus berbanding peningkatan 3.9 peratus pada 2017. Perkembangan produktiviti buruh ini didorong oleh subsektor peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan, produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan serta subsektor produk mineral logam, asas logam & produk logam yang direka (DOSM, 2019). Walaupun pertumbuhan keseluruhan produktiviti Malaysia semakin meningkat, namun tahap produktiviti ini masih rendah berbanding beberapa negara penanda aras di Asia seperti China, Thailand dan India. Selain itu, jurang perbezaan produktiviti negara semakin hampir dengan Indonesia, Vietnam dan Philippines meskipun Malaysia mempunyai tahap produktiviti buruh yang lebih tinggi. Merujuk kepada Laporan Produktiviti Edisi ke-23 2015/2016, tahap produktiviti Malaysia hanya mencatatkan nilai sebanyak 55 peratus daripada tahap produktiviti South Korea dan 38 peratus daripada USA. Berdasarkan Laporan RMK-11, South Korea hanya mengambil tempoh masa selama 7 tahun (1987-1994) untuk berubah dari *efficiency driven* kepada *innovation driven* dengan pertumbuhan produktiviti 5.3 peratus setahun sementara Malaysia memerlukan tempoh 19 tahun bagi merealisasikan fasa perubahan dengan pertumbuhan produktiviti yang rendah iaitu 2.7 peratus setahun.

Oleh itu, dengan pencapaian produktiviti sedemikian, adakah sasaran Malaysia untuk mempertingkatkan tahap produktiviti dan mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 dapat direalisasikan? Justeru, kajian ini memfokuskan kepada sektor Pembuatan sebagai subjek kerana keupayaannya untuk membawa perubahan teknologi daripada industri berintensif buruh

¹ Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia

kepada industri berintensif modal. Dalam konteks Malaysia, sektor Pembuatan juga mempunyai nilai produktiviti yang tinggi selain sektor Perlombongan dan pengkuarian. Sehubungan itu, objektif umum kajian ini adalah untuk menganalisis tahap produktiviti sektor Pembuatan. Objektif khusus adalah mengkaji corak aliran perubahan dalam tahap produktiviti bagi industri sektor Pembuatan, saiz operasi dan wilayah di Malaysia. Seterusnya, kajian ini juga menyingkap corak aliran dalam intensiti modal bagi sektor Pembuatan dalam aspek kumpulan industri, saiz operasi dan wilayah. Selain itu, kajian ini turut mengkaji hubungan antara tahap produktiviti dan intensiti modal dalam sektor Pembuatan.

2.0 Pernyataan masalah

Sektor Pembuatan merupakan sektor kedua terbesar dari segi sumbangan kepada KDNK Malaysia dan berkembang dari tahun ke tahun, namun lonjakan magnitud pertumbuhan sektor ini secara puratanya masih rendah. Melihat dari aspek perbandingan pertumbuhan purata sektor Pembuatan dalam tempoh 25 tahun (1991-2015), South Korea merekodkan pertumbuhan tahunan 7.3 peratus berbanding Malaysia 4.0 peratus bagi tempoh yang sama. Tahap penggunaan teknologi yang masih rendah merupakan satu kekangan kepada pertumbuhan ini. Menurut Laporan Ekonomi 2017/18 oleh Kementerian Kewangan Malaysia, walaupun Malaysia berada pada kedudukan yang tinggi dalam *Digital Adoption Index*, namun penggunaan teknologi oleh perusahaan adalah lebih rendah pada 0.42 berbanding isi rumah (0.80) dan kerajaan (0.85). Pada tahun 2015, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merangkumi 98.5 peratus daripada jumlah pertumbuhan perusahaan di negara ini, namun hanya 7.4 peratus yang menggunakan eDagang manakala 27.0 peratus menawarkan perniagaan atas talian. Faktor utama yang menyumbang kepada peratusan yang rendah ini adalah disebabkan oleh kekurangan kemahiran dan kesedaran. Oleh itu, produktiviti buruh PKS hanya meningkat 0.2 peratus berbanding perusahaan besar pada kadar 2.7 peratus. Hal ini telah menyebabkan jurang produktiviti antara perusahaan besar dan PKS melebar kepada 3.3 kali pada tahun 2016 (2011: 2.7 kali). Punca yang mendorong kepada jurang produktiviti ini adalah kebergantungan yang tinggi terhadap input buruh dan aktiviti nilai ditambah yang rendah.

Selain itu, penggunaan teknologi yang rendah ini juga sebahagiannya disebabkan oleh industri pembuatan di Malaysia masih tertumpu kepada aktiviti berorientasikan buruh dan mempunyai kebergantungan yang tinggi kepada buruh asing. Lambakan pekerja asing ini dibuktikan dengan kenaikan peratusan pekerja asing kepada 15.1 peratus pada tahun 2015 berbanding 14.1 peratus pada tahun 2010. Keadaan ini antara lain menyebabkan penggunaan automasi dan permintaan pekerja mahir menjadi rendah. Kehadiran pekerja asing yang mudah diperolehi dan mempunyai bayaran gaji yang lebih rendah berbanding pekerja tempatan tidak akan menggalakkan pengusaha industri untuk mengubah kaedah pengeluaran kepada automasi dan teknologi bagi meningkatkan produktiviti. Keadaan ini sekaligus akan mengekang aspirasi negara untuk beralih ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan yang dipacu oleh tenaga kerja mahir.

Sementara itu, pelaburan yang berterusan juga amat penting dalam memacu peningkatan produktiviti yang lebih tinggi (MPC, 2017). Oleh itu, intensiti modal adalah satu elemen penting pengukuran untuk menghasilkan perkembangan produktiviti berasaskan penggunaan modal. Intensiti modal mengukur perubahan dalam jumlah modal yang ada bagi setiap pekerja dan dikira berdasarkan nisbah stok modal per pekerja (Amador, 2011). Intensiti modal ini kebiasaannya bergantung kepada jumlah pelaburan modal, di mana modal yang dilaburkan adalah bertujuan

untuk meningkatkan kecekapan pekerja dan membantu dalam peningkatan nilai tambah bagi menghasilkan sesuatu produk dan perkhidmatan. Pelaburan modal di Malaysia mempengaruhi pertumbuhan produktiviti, menyaksikan pelaburan dalam industri dengan nilai ditambah yang tinggi, pengetahuan intensif dan kemahiran intensif. Intensiti modal banyak menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti pekerja. Peningkatan pertumbuhan modal adalah sebanyak 0.8 peratus semasa RMK-10 berbanding negatif 0.8 peratus semasa RMK-9. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam pelaburan peralatan perubatan, aeroangkasa, serta jentera & kelengkapan yang menjurus ke arah pendalaman modal. Walaupun dilihat nilai pelaburan modal ini semakin meningkat, namun sejauh mana ia mendorong peningkatan tahap produktiviti sektor Pembuatan jarang untuk dirungkai secara empirikal.

3.0 Hasil kajian

Kajian ini mengaplikasikan data Banci Ekonomi (BE) tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 menggunakan data nominal iaitu pada harga semasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Oleh itu, hasil kajian dipengaruhi oleh faktor inflasi dan deflasi harga. Data BE digunakan kerana mempunyai maklumat yang komprehensif terutama berkaitan nilai ditambah, saiz operasi, jumlah aset dan pekerja mengikut negeri. Data terperinci disediakan untuk 259 aktiviti ekonomi berdasarkan *Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008)* yang mematuhi *International Standard Industrial Classification Revision 4 (ISIC Rev 4.0)*. Seterusnya, data diagregat kepada 24 kumpulan industri utama dalam sektor Pembuatan. Pengkelasan saiz operasi menggunakan definisi PKS manakala penentuan wilayah adalah berdasarkan kedudukan geografi negeri iaitu Wilayah Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang), Wilayah Tengah (Perak, Selangor, W.P. Kuala Lumpur), Wilayah Timur (Pahang, Terengganu, Kelantan), Wilayah Selatan (Johor, Negeri Sembilan, Melaka) dan Wilayah Sabah & Sarawak (termasuk W.P. Labuan). Hasil analisis adalah seperti berikut:

3.1 Produktiviti buruh

3.1.1 Tahap produktiviti buruh sektor Pembuatan tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015

Pengiraan bagi tahap produktiviti tahunan adalah menggunakan nisbah nilai ditambah ke atas jumlah pekerja. Pengiraan ini adalah berdasarkan min produktiviti bagi 24 kumpulan industri utama. Jadual 1(a) menunjukkan tahap produktiviti sektor Pembuatan. Berdasarkan jadual di bawah, min tahap produktiviti menunjukkan peningkatan setiap tahun.

Jadual 1(a): Tahap produktiviti buruh antara tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015

Tahun	Tahap produktiviti buruh (RM)
2000	90,645
2005	136,292
2010	164,105
2015	169,946

Berdasarkan analisis penulis.

Analisis varians dijalankan bagi mengukur perbezaan signifikan tahap produktiviti dari tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015, Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam tahap produktiviti antara tahun tersebut ($F=0.287$, $p=0.835$). Ini menunjukkan produktiviti sektor Pembuatan di Malaysia adalah tidak berbeza secara signifikan bagi tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 (Rujuk Jadual 1(e)).

3.1.2 Tahap produktiviti buruh sektor Pembuatan mengikut 24 kumpulan industri

Seterusnya, perbezaan min antara 24 kumpulan industri dijalankan menggunakan analisis varians. Penemuan analisis menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara 24 kumpulan industri tersebut ($F=14.826$, $p<0.00$) (Rujuk Jadual 1(e)). Dalam kumpulan industri ini, min produk petroleum bertapis merekodkan produktiviti tertinggi (RM1,644,982), diikuti dengan bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal serta produk tembakau yang turut menunjukkan min produktiviti yang signifikan sebanyak RM299,621 dan RM241,388 seperti di Jadual 1(b). Seterusnya, analisis dijalankan ke atas kumpulan industri produk petroleum bertapis kerana kumpulan industri ini memberikan sumbangan yang signifikan terhadap tahap produktiviti. Walau bagaimanapun, didapati antara tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan walaupun industri ini mempunyai produktiviti lebih tinggi berbanding kumpulan industri lain ($F=0.808$, $p=0.325$) (Rujuk Jadual 1(e)).

Jadual 1(b): Tahap produktiviti buruh bagi 24 kumpulan industri

Kumpulan industri	Tahap produktiviti buruh (RM)
K10 Produk petroleum bertapis	1,644,982
K11 Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	299,621
K4 Produk tembakau	241,388
K3 Minuman	160,405
K1 Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	111,591
K14 Produk mineral bukan logam	94,434
K15 Logam asas	91,905
K18 Komputer dan kelengkapan peranti	81,053
K16 Produk logam yang direka	70,841
K20 Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	70,743
K8 Kertas & produk kertas	70,555
K22 Kenderaan bermotor & kelengkapan pengangkutan lain	67,530
K13 Produk plastik	64,710
K17 Jentera & peralatan	59,625
K2 Prosesan makanan	58,930
K12 Produk getah	55,673
K9 Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	53,876
K19 Kelengkapan elektrik	50,666
K21 Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	46,914
K24 Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	46,613
K7 Keluaran kayu	44,198
K6 Kulit dan produk berkaitan	36,384
K23 Perabot	36,053
K5 Tekstil dan pakaian	29,310

Berdasarkan analisis penulis.

3.1.3 Tahap produktiviti buruh sektor Pembuatan mengikut saiz operasi

Ujian t untuk dua sampel tidak bersandar dijalankan bagi mengukur tahap produktiviti saiz operasi iaitu perusahaan besar dan PKS. Hasil keputusan analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t(7)=-3.808$, $p=0.000$) dalam tahap produktiviti perusahaan besar dan PKS (Rujuk Jadual 1(e)). Berdasarkan min produktiviti, perusahaan besar menunjukkan tahap produktiviti yang lebih tinggi (RM237,548) berbanding PKS (RM57,284) (Jadual 1(c)). Penemuan ini secara tidak langsung membuktikan saiz operasi mempengaruhi tahap produktiviti.

Jadual 1(c): Tahap produktiviti buruh mengikut saiz operasi

Saiz operasi	Tahap produktiviti (RM)
Perusahaan besar	237,548
PKS	57,284

Berdasarkan analisis penulis.

Seterusnya, analisis varians dijalankan untuk mengukur perbezaan tahap produktiviti bagi perusahaan besar kerana memberikan sumbangan yang signifikan terhadap tahap produktiviti. Hasil analisis varians menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan dalam tahap produktiviti bagi perusahaan besar ($F=0.462$, $p=0.709$) dalam tempoh tersebut (Rujuk Jadual 1(e)).

3.1.4 Tahap produktiviti buruh sektor Pembuatan mengikut wilayah

Bagi tahap produktiviti mengikut wilayah, analisis varians menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan dalam tahap produktiviti bagi setiap wilayah di Malaysia ($F=3.198$, $p=0.044$) (Rujuk Jadual 1(e)). Seperti yang ditunjukkan di Jadual 1(d), min produktiviti bagi Wilayah Sabah & Sarawak (RM361,623) melebihi min produktiviti di wilayah-wilayah yang lain. Wilayah Timur pula menunjukkan produktiviti kedua tertinggi (RM110,031), diikuti dengan Wilayah Selatan, Tengah dan Utara. Seterusnya, tahap produktiviti Wilayah Sabah & Sarawak dianalisis dari tahun ke tahun kerana wilayah ini memberikan sumbangan yang signifikan. Walau bagaimanapun, tahap produktiviti bagi wilayah tersebut tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 ($F=0.091$, $p=0.965$) (Rujuk Jadual 1(e)).

Jadual 1(d): Tahap produktiviti buruh mengikut wilayah

Wilayah	Tahap produktiviti buruh (RM)
Sabah & Sarawak	361,623
Timur	110,031
Selatan	108,764
Tengah	90,644
Utara	72,489

Berdasarkan analisis penulis.

Jadual 1(e): Ringkasan analisis tahap produktiviti buruh

Analisis	Ujian	Signifikan
1 Tahap produktiviti tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015	ANOVA satu hala	$F=0.287$ $p=0.835$
2 Tahap produktiviti mengikut 24 kumpulan industri	ANOVA satu hala	$F=14.826$ $p=0.000$
3 Tahap produktiviti kumpulan industri produk petroleum bertapis tahunan	ANOVA satu hala	$F=0.808$ $p=0.325$
4 Tahap produktiviti mengikut saiz operasi	Ujian t dua sampel tidak bersandar	$t=-3.808$ $p=0.000$
5 Tahap produktiviti perusahaan besar tahunan	ANOVA satu hala	$F=0.462$ $p=0.709$
6 Tahap produktiviti mengikut wilayah	ANOVA satu hala	$F=3.198$ $p=0.044$
7 Tahap produktiviti Wilayah Sabah & Sarawak tahunan	ANOVA satu hala	$F=0.091$ $p=0.965$

Berdasarkan analisis penulis.

3.1.5 Tahap produktiviti buruh, aset dan jumlah pekerja mengikut industri

Berdasarkan Jadual 1(f), kumpulan industri produk petroleum bertapis (Kumpulan 10) merekodkan min produktiviti tertinggi dalam kalangan kumpulan industri yang lain, diikuti dengan bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal (Kumpulan 11) serta produk tembakau (Kumpulan 4). Kumpulan industri ini merupakan industri yang berintensif modal yang mana kebergantungan tinggi terhadap peralatan mesin dan penggunaan tenaga buruh yang rendah. Sementara itu, kumpulan industri yang mempunyai min produktiviti yang rendah ialah tekstil dan pakaian (Kumpulan 5) dan perabot (Kumpulan 23) menunjukkan kedua-dua kumpulan industri mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap tenaga buruh dan nilai modal yang rendah.

Jadual 1(f): Tahap produktiviti buruh, jumlah aset dan jumlah pekerja bagi 24 kumpulan industri

Kumpulan	Tahap produktiviti buruh (RM)	Kumpulan	Jumlah aset (RM)	Kumpulan	Jumlah pekerja
10	1,644,982	11	3,406,434,331	20	29,311
11	299,621	20	2,906,782,055	2	13,093
4	241,388	10	2,343,619,134	13	12,570
3	160,405	14	1,516,146,901	7	11,798
1	111,591	15	1,479,417,715	5	11,620
14	94,434	2	1,080,438,497	16	9,911
15	91,905	1	1,062,059,467	18	9,717
18	81,053	22	1,061,255,146	22	9,197
16	70,841	13	886,427,540	23	9,172
20	70,743	18	777,130,254	17	8,724
8	70,555	7	766,923,471	12	8,622
22	67,530	16	742,758,517	11	7,833
13	64,710	12	686,865,622	14	7,687
17	59,625	17	677,620,056	19	6,911
2	58,930	5	636,064,897	15	6,527
12	55,673	8	613,069,074	1	5,233
9	53,876	19	468,527,210	9	5,182
19	50,666	23	375,108,616	24	5,041
21	46,914	9	365,668,751	8	4,449
24	46,613	21	322,677,306	21	4,333
7	44,198	24	238,872,516	6	1,367
6	36,384	3	221,151,062	3	1,319
23	36,053	4	133,069,542	10	1,116
5	29,310	6	38,324,309	4	985

Berdasarkan analisis penulis.

3.2 Intensiti modal

Seperti analisis tahap produktiviti, kajian ini seterusnya mengkaji perbezaan intensiti modal antara tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015, 24 kumpulan industri, wilayah dan saiz operasi.

3.2.1 Hubungan antara intensiti modal dan tahap produktiviti buruh

Ujian korelasi antara intensiti modal dan produktiviti telah dijalankan untuk mengenal pasti perkaitan antara dua pemboleh ubah ini. Jadual 1(g) menunjukkan terdapat korelasi positif yang kuat antara intensiti modal dan tahap produktiviti ($r=0.795$). Penemuan ini menunjukkan bahawa terdapat perkaitan di antara intensiti modal dan tahap produktiviti.

Jadual 1(g): Korelasi- hubungan (r) intensiti modal dengan tahap produktiviti buruh

Korelasi	r	Signifikan
Tahap produktiviti buruh	0.795**	0.000

**.. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).

Berdasarkan analisis penulis.

3.2.2 Intensiti modal sektor Pembuatan tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015

Analisis varians dijalankan bagi intensiti modal antara tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015. Analisis mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan bagi intensiti modal antara tahun-tahun tersebut ($F=1.545$, $p=0.201$) (Rujuk Jadual 1(k)).

3.2.3 Intensiti modal sektor Pembuatan mengikut 24 kumpulan industri

Seterusnya, intensiti modal bagi 24 kumpulan industri juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 ($F=11.394$, $p=0.00$) (Rujuk Jadual 1(k)). Kumpulan industri produk petroleum bertapis merekodkan min intensiti modal yang tertinggi (RM1,350,129)

Jadual 1(h): Intensiti modal bagi 24 kumpulan industri

Kumpulan industri	Intensiti modal (RM)
K10 Produk petroleum bertapis	1,350,129
K11 Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	640,601
K8 Kertas & produk kertas	301,665
K15 Logam asas	248,616
K4 Produk tembakau	222,746
K1Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	201,942
K14 Produk mineral bukan logam	198,445
K3 Minuman	130,821
K13 Produk plastik	128,950
K22 Kenderaan bermotor & kelengkapan pengangkutan lain	93,578
K16 Produk logam yang direka	89,910
K20 Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	84,256
K7 Keluaran kayu	83,056
K2 Prosesan makanan	83,033
K12 Produk getah	78,364
K9 Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	57,046
K18 Komputer dan kelengkapan peranti	55,912
K19 Kelengkapan elektrik	52,507
K17 Jentera & peralatan	47,717
K24 Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	45,232
K21 Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	37,738
K5 Tekstil dan pakaian	34,088
K23 Perabot	33,522
K6 Kulit dan produk berkaitan	33,112

Berdasarkan analisis penulis.

berbanding kumpulan industri yang lain. Ini menunjukkan bahawa kumpulan industri ini adalah berintensif modal kerana kebergantungan yang tinggi terhadap perbelanjaan berbanding tenaga buruh. Ini diikuti dengan kumpulan industri bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal, kumpulan industri kertas & produk kertas serta kumpulan industri logam asas yang juga merupakan industri yang berintensif modal. Sementara itu, kumpulan industri kenderaan bermotor & kelengkapan pengangkutan lain, komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna serta komputer dan kelengkapan peranti merupakan industri yang mempunyai intensiti modal yang sederhana (Jadual 1(h)). Kumpulan industri tekstil dan pakaian, perabot serta kulit dan produk berkaitan pula merupakan antara kumpulan industri yang mempunyai intensiti modal yang rendah.

3.2.4 Intensiti modal sektor Pembuatan mengikut saiz operasi

Ujian t untuk dua sampel tidak bersandar dijalankan bagi mengkaji perbezaan signifikan antara intensiti modal dan saiz operasi. Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan dalam intensiti modal dengan saiz operasi ($t=6.422$, $p=0.000$) (Rujuk Jadual 1(k)). Perusahaan besar mempunyai min intensiti modal yang lebih tinggi berbanding PKS seperti di Jadual 1(i). Walau bagaimanapun, analisis varians menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam intensiti modal bagi perusahaan besar antara tahun 2000, 2005, 2010, dan 2015 ($F=0.289$, $p=0.833$) (Rujuk Jadual 1(k)).

Jadual 1(i): Intensiti modal mengikut saiz operasi

Saiz operasi	Intensiti modal (RM)
Perusahaan besar	307,691
PKS	74,950

Berdasarkan analisis penulis.

3.2.5 Intensiti modal sektor Pembuatan mengikut wilayah

Seperti di Jadual 1(k), terdapat perbezaan yang signifikan antara intensiti modal dengan setiap wilayah ($F=4.211$, $p=0.002$). Wilayah Sabah & Sarawak merekodkan min intensiti modal yang tertinggi (RM300,955) berbanding wilayah-wilayah yang lain, diikuti dengan Wilayah Timur, Selatan, Utara dan Tengah. Walau bagaimanapun, bagi Wilayah Sabah & Sarawak menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam intensiti modal ($F=0.319$, $p=0.812$) antara tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015 (Rujuk Jadual 1(k)).

Jadual 1(j): Intensiti modal mengikut wilayah

Wilayah	Intensiti modal (RM)
Sabah & Sarawak	300,955
Timur	247,129
Selatan	186,450
Utara	107,123
Tengah	104,620

Berdasarkan analisis penulis.

Jadual 1(k): Ringkasan analisis intensiti modal

Analisis	Ujian	Signifikan
1 Intensiti modal tahun 2000, 2005, 2010 dan 2015	ANOVA satu hala	$F=1.545$ $p=0.201$
2 Intensiti modal mengikut 24 kumpulan industri	ANOVA satu hala	$F=11.394$ $p=0.000$
3 Intensiti modal mengikut saiz operasi	Ujian t dua sampel tidak bersandar	$t=-6.422$ $p=0.000$
4 Intensiti modal perusahaan besar tahunan	ANOVA satu hala	$F=0.289$ $p=0.833$
5 Intensiti modal mengikut wilayah	ANOVA satu hala	$F=4.211$ $p=0.002$
6 Intensiti modal Wilayah Sabah & Sarawak tahunan	ANOVA satu hala	$F=0.319$ $p=0.812$

Berdasarkan analisis penulis.

4.0 Kesimpulan dan cadangan

Sektor Pembuatan merupakan penyumbang kedua terbesar kepada tahap produktiviti Malaysia. Walaupun sektor ini memberikan sumbangan yang signifikan, namun pergerakan pertumbuhan tahunan yang diasaskan daripada tahap produktiviti antara tahun tidak menampakkan perubahan ketara. Ini akan memberi kesan jangka panjang kepada industri untuk memacu pertumbuhan tahap produktiviti negara pada masa hadapan. Wilayah Sabah & Sarawak merupakan wilayah yang mempunyai tahap produktiviti tertinggi berbanding wilayah lain, namun dari sudut nilai ditambah, sumbangan sektor Pembuatan dari Wilayah Sabah & Sarawak hanya menyumbang sekitar 15 peratus (kedudukan ke 4) kepada jumlah nilai ditambah peringkat nasional. Selain Wilayah Sabah & Sarawak, Wilayah Timur turut memperlihatkan produktiviti yang tinggi. Walau bagaimanapun, sumbangan nilai ditambah sektor Pembuatan wilayah ini kepada sektor Pembuatan peringkat nasional adalah rendah. Oleh yang demikian, ianya tidak berupaya memberi sumbangan signifikan untuk meningkatkan tahap produktiviti keseluruhan pembuatan nasional.

Secara umumnya, industri intensiti modal adalah pemangkin kepada prestasi produktiviti kerana kebergantungan industri tersebut kepada pelaburan modal. Di Malaysia, industri ini memainkan peranan penting dalam meningkatkan nilai ditambah dan ianya merupakan penentu kepada prestasi produktiviti keseluruhan sektor Pembuatan. Peranan input modal dalam mendorong prestasi produktiviti bagi sektor Pembuatan memang tidak dapat dinafikan. Pelaburan modal yang tinggi melalui teknologi canggih dan terkini untuk perindustrian akan mendorong kapasiti pengeluaran yang lebih baik. Memandangkan tahap produktiviti berhubungkait dengan intensiti modal, maka adalah penting untuk industri melakukan pelaburan daripada bergantung pada tenaga buruh. Oleh kerana kebanyakan industri sektor Pembuatan diterajui oleh PKS, ini sedikit sebanyak memberikan cabaran bagi meningkatkan tahap produktiviti kerana kebanyakan PKS adalah industri berintensif buruh.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perkembangan dalam produktiviti di Malaysia masih bergantung kepada constant return to scale, yang mana kebergantungan yang tinggi kepada input iaitu aset dan buruh untuk mengerakkan peningkatan sesuatu output. Maka, produktiviti

sektor Pembuatan hanya meningkat pada kadar yang marginal kerana memerlukan suntikan modal bagi meningkatkan nilai ditambah dan tahap produktiviti. Penggunaan teknologi dalam industri berintensif buruh juga tidak berubah dalam tempoh 15 tahun tersebut terutamanya PKS yang mana menyebabkan perusahaan ini tidak dapat berkembang dengan kelajuan yang pantas bagi menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti.

Dengan penemuan sedemikian, dalam usaha mencapai sasaran produktiviti 3.7 peratus menjelang 2020 dan tahap pencapaian produktiviti yang seiring dengan negara maju, beberapa strategi perlu dirangka. Antaranya penambahbaikan dalam kecekapan buruh, inovasi, automasi dan perkembangan kaedah pengeluaran yang baru dan terkini. Firma khususnya haruslah menyambut baik pengenalan Dasar Industri Negara 4.0 atau Industry4WRD (Industry Forward) oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang mana menggalakkan pembangunan terhadap keupayaan inovatif dan kapasiti pengeluaran serta perkhidmatan berkaitan pembuatan bagi mewujudkan teknologi, produk dan perkhidmatan buatan Malaysia. Inovasi mampu mempercepatkan produktiviti dan ketahanan sesebuah industri untuk berkembang maju dalam pasaran dunia yang kompetitif. Justeru kesediaan terhadap perkembangan Industri 4.0 perlu diambil kira oleh industri, terutamanya PKS. Ruang dan peluang sewajarnya diberikan kepada PKS dalam peningkatan produktiviti pada peringkat mikro yang memerlukan perubahan dalam proses kerja dan automasi (BNM, 2018). Walaupun PKS mempunyai kekangan sumber untuk melakukan inovasi, namun, dengan saiz PKS yang kecil dan struktur yang dapat bertindak balas dengan lebih cepat, memudahkan aktiviti inovasi dalam PKS (Prajogo dan McDermott, 2013). Memandangkan sektor Pembuatan merupakan antara sektor yang signifikan dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara, penekanan dan tumpuan yang lebih haruslah diberikan dalam sektor ini. Oleh itu, kerajaan haruslah mengenal pasti elemen yang berpotensi dan mempertimbangkan dasar-dasar dalam meningkatkan produktiviti sektor Pembuatan ini.



Rujukan

- Amador, J. (2011). *Productivity, size and capital intensity in selected Portuguese manufacturing sectors: a non-parametric analysis*, *Economic Bulletin and Financial Stability Report Articles and Banco de Portugal Economic Studies*.
- Ismail, R. dan Jajri, I. (2009). Sumbangan Perubahan Teknologi Terhadap Pertumbuhan Output Industri Skel Kecil dan Sederhana di Malaysia. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 16 (2). pp. 39-61.
- Kim, S., Park, D., dan Park, J.H. (2009). *Productivity Growth in Different Firm Sizes in the Malaysian Manufacturing Sector: An Empirical Investigation*. ADB Economics Working Paper Series.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2011). Banci Ekonomi 2010 Pembuatan.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2016). Banci Ekonomi 2015 Pembuatan.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2019). Laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2018.
- Bank Negara Malaysia (BNM) (2019). Laporan Tahunan 2018.
- Kementerian Kewangan Malaysia (2019). Laporan Ekonomi 2017/18.
- Malaysia Productivity Corporation (MPC) (2017). *Productivity Report 2016/2017*.
- Malaysian Employers Federation (MEF) (2012). *Malaysia's Productivity Challenge: in What Ways can Malaysia Increase Productivity to Remain Competitive*.
- Mohd Palel N.S., Ismail, R., dan Awang, A.H. (2014). Kesan Kemasukan Buruh Asing ke Atas Produktiviti Buruh Sektor Pembuatan di Malaysia. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)
- Mohamad Hanipah, N.H., Tin, P.B. dan Sulaiman, N. (2012). Guna Tenaga dan Produktiviti Buruh dalam Sektor Pembuatan di Malaysia. Prosiding PERKEM VII, Jilid 2 (2012) 942-958.
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2018). *Enabling SMEs to scale up. Discussion paper at SME Ministerial Conference*.
- Entrepreneurship at a Glance 2017* (2017). Organization for Economic Co-operation and Development (OECD).
- Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) Manual (2001). *Measurement of Aggregate And Industry-Level Productivity Growth*, OECD, Paris.
- Prajogo, D., dan McDermott, C. M. (2013). *Antecedents of Service Innovation in SMEs: Comparing the Effects of External and Internal Factors*. *Journal of Small Business Management*.
- Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (RMK-11), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Setiadharmas, S., dan Machali, M. (2017). *The Effect of Asset Structure and Firm Size on Firm Value with Capital Structure as Intervening Variable*. *Journal of Business & Financial Affairs*.

3 Negeri mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik pada tahun 2018




6 Negeri menyumbang 72.1% kepada KDNK nasional



PRESTASI 15 NEGERI 2018 PADA TAHUN

Pertumbuhan dan Sumbangan KDNK – Harga Malar 2015 (%)



Pertumbuhan Melebihi Paras Nasional (%)

6 Negeri merekodkan pertumbuhan melebihi paras nasional



PENGASASAN SEMULA KDNK MENGIKUT NEGERI KEPADA TAHUN ASAS 2015

PENGENALAN

Akaun Negara bagi KDNK mengikut negeri telah diasaskan semula kepada tahun 2015 dari tahun asas 2010. Pengasasan semula KDNK adalah satu prosedur biasa yang dilaksanakan oleh Organisasi Statistik untuk memastikan statistik yang dikeluarkan menggambarkan struktur ekonomi semasa. Pengasasan semula ini telah menambahbaik konsep dan metodologi berdasarkan saranan *System of National Accounts 2008 (2008 SNA)*.

PENGASASAN SEMULA KDNK MENGIKUT NEGERI

Pengasasan semula KDNK mengikut negeri bermaksud KDNK pada harga malar dinilai semula menggunakan harga tahun asas terkini. Penyusunan KDNK mengikut negeri merangkumi 13 buah negeri dan W.P. Kuala Lumpur (termasuk W.P. Putrajaya) dan W.P. Labuan. Pengasasan semula dilaksanakan bagi memastikan data KDNK mengikut negeri mencerminkan senario yang lebih tepat mengenai struktur ekonomi negara. Di samping itu, ia bertujuan untuk mengimbangi evolusi perubahan harga dalam ekonomi.

Latar belakang pelaksanaan pengasasan semula KDNK mengikut negeri 2015

KDNK mengikut negeri tahun asas 2015 merupakan pelaksanaan pengasasan semula keempat yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Siri tahun asas terdahulu adalah 2000, 2005 dan 2010. Siri 2010 telah dikeluarkan pada tahun 2015 manakala siri 2015 dikeluarkan pada tahun 2019.

Banci Ekonomi 2016 (tahun rujukan 2015) yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan

Malaysia menyediakan data yang komprehensif untuk penyusunan Akaun Negara. Ketersediaan data yang komprehensif bagi tahun 2015 membolehkan pengasasan semula dilaksanakan dan data yang berkaitan adalah:

- a. Banci Ekonomi 2016 (tahun rujukan 2015)
- b. Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016
- c. Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016
- d. Indeks Harga yang berkaitan

IHP, IHPR dan indeks lain digunakan untuk mendapatkan nilai harga malar. Walau bagaimanapun, bagi komoditi yang tidak diliputi dalam IHP dan IHPR, harga diperoleh daripada pihak berkuasa berkenaan.

Bagi pengasasan semula ini, aktiviti ekonomi disusun mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 (MSIC 2008) yang terkini.

PERUBAHAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Pengasasan semula KDNK mengikut negeri telah mengambil kira perubahan dan penambahbaikan terutamanya bagi kategori berikut :

a. Perkhidmatan kerajaan

Penyelarasan maklumat telah dilaksanakan bagi penyusunan Akaun Kerajaan selaras dengan perubahan di peringkat nasional.

Penyusunan yang lebih komprehensif berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Ketua Audit Negara dan Laporan Ketua Audit Negara di peringkat negeri.

b. Kediaman yang didiami oleh pemilik (OOD)

Penambahbaikan dalam metodologi bagi subsektor kediaman yang didiami oleh pemilik.

Data Akaun Negara yang berkualiti adalah penting dalam melaksanakan dasar dan kajian ekonomi. Aspek penting dalam memastikan kualiti data adalah ia perlu merangkumi semua aktiviti ekonomi termasuk Kediaman yang didiami oleh pemilik (OOD).

OOD adalah penting dalam penganggaran KDNK kerana ia melibatkan pengeluaran namun tiada sebarang transaksi urus niaga dilakukan. Oleh itu, nilai perkhidmatan OOD perlu dinilai dan diambil kira dalam penganggaran KDNK.

Pemilik didiami atau pemilikan kediaman adalah bentuk tempat tinggal di mana seseorang, yang disebut pemilik didiami atau pemilik rumah, memiliki kediaman di mana dia tinggal. Kediaman ini meliputi rumah, pangsapuri, kondominium, atau perumahan strata bersama.

OOD terdiri daripada tuan tanah dan pemilik didiami bagi kediaman. Pemilik didiami dianggap sebagai mengendalikan perniagaan yang menghasilkan lebih kendalian kasar.

Kadar sewa dinilai bagi kediaman yang diduduki membolehkan perkhidmatan yang diberikan oleh kediaman kepada penghuni pemiliknya dianggar secara konsisten dengan perkhidmatan yang diberikan oleh kediaman yang disewa kepada penyewa.

Selaras dengan penambahbaikan kaedah penganggaran yang dilaksanakan

di peringkat nasional, penganggaran di peringkat negeri telah ditambahbaik berdasarkan beberapa pembolehubah. Di antaranya ialah:

- i. Maklumat bilangan tempat kediaman
- ii. Peraturan rumah yang didiami
- iii. Purata sewa dinilai

Rujukan sumber maklumat adalah berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 dan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016.

PENYELARASAN DATA

Banci Ekonomi 2016 (tahun rujukan 2015) menyediakan data yang komprehensif dan dapat dijadikan sebagai asas untuk rujukan dalam menyelaraskan dan memuktamadkan data *benchmark* di peringkat negeri.

KESIMPULAN

KDNK mengikut Negeri tahun asas 2015 meliputi siri dari tahun 2015 sehingga 2018. Pengasasan semula KDNK ini menandakan bahawa anggaran KDNK telah menerima pakai konsep yang terkini, metodologi, sumber data dan saranan seperti yang ditetapkan oleh manual dan garis panduan antarabangsa.

PRESTASI EKONOMI NEGERI 2018

Enam negeri kekal sebagai penyumbang utama ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan sumbangan sebanyak 72.1 peratus meningkat 0.4 peratus berbanding tahun 2017. Selangor merekodkan sumbangan sebanyak 23.7 peratus diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (16.1%), Sarawak (9.7%), Johor (9.6%), Pulau Pinang (6.7%) dan Sabah (6.2%) seperti dipaparkan pada Carta 1.24.


Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri

Pada tahun 2018, enam negeri mencatatkan pertumbuhan melebihi paras nasional (4.7%)

iaitu Selangor (6.8%), W.P. Kuala Lumpur (6.7%), W.P. Labuan (6.6%), Johor (5.6%), Perak (5.3%) dan Pulau Pinang (5.1%). Negeri-negeri yang berkembang lebih baik ini dijana oleh prestasi sektor Perkhidmatan dan disokong oleh sektor Pembuatan. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi bagi negeri-negeri yang berasaskan komoditi mendorong kepada pertumbuhan yang lebih rendah daripada paras nasional seperti di Jadual 1.4.

Johor mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.6 peratus (2017: 5.9%) dirangsang oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan dan Pembinaan. Sektor Perkhidmatan berkembang pada 7.3 peratus (2017: 6.6%) dipacu oleh subsektor perdagangan borong & runcit, utiliti,

Carta 1.24: Pertumbuhan ekonomi dan peratus sumbangan mengikut negeri, 2018



*Termasuk W.P. Putrajaya

**Penjumlahan tidak bersamaan 100 disebabkan oleh negeri Supra

Jadual 1.4

Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2018



MALAYSIA	0.1	-2.6	5.0	4.2	6.8	-11.5	4.7
Johor	0.5	4.8	5.1	9.6	7.3	-11.5	5.6
Kedah	0.2	3.9	3.0	9.2	5.4	-8.4	4.1
Kelantan	-1.0	15.8	0.3	-38.7	5.1	-3.1	2.6
Melaka	-1.1	6.4	4.6	-14.2	6.2	-7.8	3.9
Negeri Sembilan	0.3	2.4	3.3	10.6	5.8	-10.6	4.2
Pahang	1.2	-5.5	5.8	-25.8	6.5	-19.4	3.0
Pulau Pinang	-3.1	4.8	5.4	-3.8	6.2	-12.1	5.1
Perak	0.7	1.9	4.2	9.5	6.6	-14.7	5.3
Perlis	1.2	6.7	1.5	20.5	4.2	-12.3	3.3
Selangor	5.7	5.2	7.3	6.6	7.6	-13	6.8
Terengganu	-2.5	2.0	3.7	-9.2	3.6	-38.9	2.5
Sabah	-0.3	-5.6	2.3	24.1	5.6	-8.0	1.5
Sarawak	-1.4	-2.4	2.2	1.1	6.3	-9.6	2.0
W.P. Kuala Lumpur*	..	0.5	-0.1	6.8	7.3	-7.4	6.7
W.P. Labuan	5.8	-	5.3	11.2	7.5	-19.9	6.6

*Termasuk W.P. Putrajaya
.. Tidak berkenaan

komunikasi dan pengangkutan. Sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan sederhana iaitu 5.1 peratus berbanding 6.9 peratus pada tahun 2017 didorong oleh subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal. Sektor Pembinaan merekodkan pertumbuhan yang lebih baik kepada 9.6 peratus (2017: -6.4%) disokong oleh peningkatan dalam nilai kerja pembinaan bagi segmen kejuruteraan awam dan bangunan bukan kediaman. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian bertumbuh lebih perlahan pada kadar 0.5 peratus (2017: 7.6%) pada tahun 2018. Pertumbuhan ini dipengaruhi oleh penyusutan pada subsektor kelapa sawit kepada negatif 2.1 peratus berbanding peningkatan 17.3 peratus pada tahun 2017.

Kedah berkembang sebanyak 4.1 peratus pada tahun 2018 (2017: 4.6%). Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan



5.4 peratus (2017: 5.3%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi. Pertumbuhan sederhana kepada 3.0 peratus (2017: 4.3%) bagi sektor Pembuatan adalah dipengaruhi oleh pertumbuhan perlahan di dalam subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal. Sektor Pertanian meningkat lebih rendah pada kadar 0.2 peratus (2017: 5.1%) didorong oleh penyusutan di subsektor getah dan kelapa sawit.

Kelantan mencatatkan pertumbuhan sederhana kepada 2.6 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan berkembang kepada 5.1 peratus (2017: 4.9%) disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan perkhidmatan kerajaan. Namun begitu, sektor Pertanian menyusut kepada negatif 1.0 peratus pada tahun 2018 (2017: 3.4%) dipengaruhi oleh kejatuhan ketara pengeluaran getah dan kelapa sawit. Selain itu, sektor Pembuatan tumbuh sebanyak 0.3 peratus (2017: 9.0%) kesan daripada pertumbuhan yang lebih perlahan di dalam subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal.

Ekonomi Melaka bertumbuh sederhana pada kadar 3.9 peratus (2017: 8.2%) pada tahun 2018. Sektor Perkhidmatan meningkat lebih baik kepada 6.2 peratus berbanding 5.4 peratus pada tahun 2017. Antara penyumbang utama kepada pertumbuhan ini adalah subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi. Sektor Pembuatan berkembang pada kadar 4.6 peratus (2017: 6.8%) didorong oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal dan kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian dan Pembinaan menunjukkan penyusutan kepada masing-masing negatif 1.1 peratus (2017: 7.0%) dan negatif 14.2 peratus (2017: 72.4%). Penyusutan sektor Pertanian dipengaruhi oleh subsektor kelapa sawit dan tanaman lain.

Negeri Sembilan merekodkan pertumbuhan 4.2 peratus (2017: 4.9%) disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan meningkat 5.8 peratus (2017: 4.6%) disumbangkan oleh peningkatan bagi subsektor perdagangan borong & runcit dan utiliti. Sektor Pembuatan bertumbuh 3.3 peratus (2017: 3.2%) didorong oleh subsektor produk petroleum bertapis dan



subsektor produk elektrik, elektronik & optikal. Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan dan Pertanian yang merekodkan pertumbuhan lebih perlahan pada kadar 10.6 peratus (2017: 17.0%) dan 0.3 peratus (2017: 8.6%) telah mempengaruhi prestasi keseluruhan ekonomi Negeri Sembilan.

Pada tahun 2018, Pahang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.0 peratus berbanding 7.2 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan meningkat 6.5 peratus (2017: 6.1%) disokong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, perkhidmatan lain dan perkhidmatan kerajaan. Sektor Pembuatan kekal positif dengan merekodkan pertumbuhan 5.8 peratus (2017: 6.6%) disokong oleh subsektor bahan kimia & produk kimia. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian bertumbuh perlahan pada kadar 1.2 peratus selepas mencatatkan peningkatan kukuh 9.3 peratus pada tahun 2017 dipengaruhi oleh





subsektor kelapa sawit yang menyusut kepada negatif 5.2 peratus (2017: 19.1%). Pada masa yang sama, sektor Pembinaan merekodkan kejatuhan dalam nilai kerja binaan dengan mencatatkan penurunan 25.8 peratus didorong oleh segmen bangunan bukan kediaman dan kejuruteraan awam.

Pulau Pinang kekal bertumbuh pada kadar 5.1 peratus bagi tahun 2018. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan pada sektor Perkhidmatan yang berkembang kepada 6.2 peratus (2017: 5.5%). Subsektor perdagangan borong & runcit dan komunikasi merupakan penyumbang utama kepada peningkatan sektor ini. Sementara itu, sektor Pembuatan meningkat 5.4 peratus (2017: 5.7%) didorong oleh pertumbuhan subsektor produk elektrik, elektronik & optikal dan produk mineral bukan logam.

Perak mencatatkan prestasi ekonomi lebih baik dengan meningkat kepada 5.3 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun 2017 dirangsang oleh peningkatan bagi sektor Perkhidmatan dan Pembinaan. Sektor Perkhidmatan bertumbuh lebih baik pada kadar 6.6 peratus (2017: 5.4%) disumbangkan oleh aktiviti perdagangan borong & runcit dan utiliti. Sektor Pembinaan kembali pulih apabila merekodkan pertumbuhan positif 9.5 peratus (2017: -24.2%) dengan peningkatan ketara nilai kerja binaan bagi

segmen bangunan bukan kediaman dan kejuruteraan awam. Sementara itu, sektor Pembuatan bertumbuh sederhana sebanyak 4.2 peratus (2017: 8.0%) dipengaruhi oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal dan pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan. Sektor Pertanian meningkat perlahan pada kadar 0.7 peratus (2017: 7.8%) didorong oleh penyusutan pada pengeluaran kelapa sawit.



“Perlis mencatatkan pertumbuhan lebih baik sebanyak 3.3%”

Perlis berkembang sebanyak 3.3 peratus berbanding 2.2 peratus pada tahun 2017. Sektor Perkhidmatan meningkat 4.2 peratus (2017: 4.0%) disokong oleh subsektor perdagangan borong & runcit dan perkhidmatan kerajaan. Sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan memberangsangkan kepada 20.5 peratus (2017: -42.8%) didorong oleh segmen pembinaan pertukangan khas manakala pertumbuhan perlahan bagi sektor Pertanian sebanyak 1.2 peratus (2017: 4.0%) adalah dipengaruhi oleh pengurangan bagi pendaratan ikan laut. Sektor Pembuatan bertumbuh pada kadar 1.5 peratus berbanding 2.3 peratus pada tahun 2017.

Selangor kekal kukuh walaupun bertumbuh lebih rendah kepada 6.8 peratus berbanding 7.1 peratus pada tahun 2017. Sektor Perkhidmatan meningkat 7.6 peratus (2017: 6.8%) dipacu oleh aktiviti perdagangan borong & runcit, komunikasi dan kewangan. Sektor Pembuatan yang merekodkan pertumbuhan 7.3 peratus (2017: 7.9%) telah didorong oleh prestasi subsektor produk elektrik, elektronik & optikal dan kenderaan bermotor & peralatan pengangkutan. Selain itu, sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan 6.6 peratus berbanding 8.2 peratus yang direkodkan pada tahun 2017.



Terengganu meningkat sederhana kepada 2.5 peratus berbanding 5.7 peratus pada tahun 2017 didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan bertumbuh sebanyak 3.6 peratus (2017: 4.3%) didorong oleh prestasi subsektor perdagangan borong & runcit dan utiliti. Selain itu, sektor Pembuatan meningkat 3.7 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelumnya dipengaruhi oleh pertumbuhan subsektor produk petroleum bertapis dan subsektor bahan kimia & produk kimia. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian merosot kepada negatif 2.5 peratus (2017: 8.9%) kesan daripada penyusutan pengeluaran getah dan kelapa sawit.

Sabah merekodkan pertumbuhan perlahan kepada 1.5 peratus berbanding



“Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Sabah didorong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli”

pertumbuhan kukuh 8.0 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perlombongan dan pengkuarian dan Pertanian terjejas apabila masing-masing menyusut kepada negatif 5.6 peratus (2017: 15.7%) dan negatif 0.3 peratus (2017: 4.6%). Pertumbuhan negatif dalam kedua-dua sektor ini adalah dipengaruhi oleh penurunan dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli dan penyusutan komoditi kelapa sawit. Walau bagaimanapun, peningkatan bagi sektor Perkhidmatan sebanyak 5.6 peratus (2017: 5.5%), dan pemulihan prestasi sektor Pembinaan kepada pertumbuhan dua angka sebanyak 24.1 peratus mengimbangi momentum keseluruhan ekonomi pada tahun 2018.

Sarawak meningkat 2.0 peratus berbanding 4.5 peratus yang dicatatkan pada tahun 2017. Sektor Perkhidmatan bertumbuh 6.3 peratus (2017: 6.2%) disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong & runcit manakala peningkatan sederhana bagi sektor Pembuatan sebanyak 2.2 peratus (2017: 3.7%) dipengaruhi oleh prestasi subsektor produk petroleum bertapis. Sementara itu, sektor

Perlombongan dan pengkuarian di Sarawak mencatatkan penyusutan kepada negatif 2.4 peratus (2017: 3.3%) didorong oleh pertumbuhan negatif dalam pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Sektor Pertanian juga merosot dengan pertumbuhan negatif 1.4 peratus kesan daripada subsektor perhutanan dan pembalakan.

“Pertumbuhan 6.8% dalam sektor Pembinaan W.P. Kuala Lumpur disumbangkan oleh subsektor kejuruteraan awam dan pertukangan khas”



W.P. Kuala Lumpur merekodkan pertumbuhan kukuh 6.7 peratus (2017: 7.4%) dipacu oleh sektor Perkhidmatan. Peningkatan sektor Perkhidmatan kepada 7.3 peratus (2017: 6.6%) didorong oleh subsektor perdagangan borong & runcit, kewangan & insurans dan perkhidmatan perniagaan. Selain itu, sektor Pembinaan bertumbuh 6.8 peratus (2017: 13.1%) dipengaruhi oleh subsektor kejuruteraan awam dan pertukangan khas.


W.P. Labuan mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan kepada 6.6 peratus (2017: 5.9%) didorong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan meningkat 7.5 peratus



(2017: 5.2%) dirangsang oleh peningkatan dalam subsektor kewangan & insurans. Sementara itu, sektor Pembuatan yang turut merekodkan pertumbuhan yang lebih baik kepada 5.3 peratus (2017: 3.2%) dipacu oleh subsektor bahan kimia & produk kimia dan logam asas. Sektor Pembinaan pula berkembang kepada 11.2 peratus berbanding 12.6 peratus yang dicatatkan pada tahun 2017.

Struktur ekonomi mengikut negeri

Struktur ekonomi adalah berbeza bagi setiap negeri. Sektor Perkhidmatan mendominasi di beberapa negeri seperti W.P. Kuala Lumpur (87.8%), W.P. Labuan (75.7%), Kelantan (69.3%), Perlis (65.9%), Perak (62.8%), Selangor (62.0%) dan Kedah (56.0%). Sumbangan yang signifikan bagi kedua-dua sektor Perkhidmatan dan Pembuatan dapat dilihat di Pulau Pinang, W.P. Labuan, W.P. Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan seperti ditunjukkan di Carta 1.25. Sebaliknya, sektor Pertanian mempunyai sumbangan yang penting di Kelantan (22.5%), Pahang (22.0%), Perlis (21.5%) dan Sabah (16.3%). Sementara itu, Sabah dan Sarawak dipengaruhi oleh sumbangan yang besar dalam sektor Perlombongan dan pengkuarian dengan masing-masing menyumbang 28.3 peratus dan 22.2 peratus kepada keseluruhan ekonomi di negeri tersebut.

Carta 1.25 Peratus sumbangan aktiviti ekonomi mengikut negeri, 2018

*Termasuk W.P. Putrajaya

KDNK per kapita

KDNK per kapita peringkat nasional meningkat kepada RM44,682 pada tahun 2018 berbanding RM42,834 pada tahun sebelumnya (Jadual 1.5). Enam negeri mencatatkan KDNK per kapita melebihi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM121,293), W.P. Labuan (RM74,337), Pulau Pinang (RM52,937), Sarawak (RM52,301), Selangor (RM51,528) dan Melaka (RM47,960).

Sementara itu, dua negeri menunjukkan penurunan KDNK per kapita iaitu Pahang dengan nilai RM35,554 (2017: RM35,754) dan Kelantan RM13,668 (2017: RM13,700). Penurunan KDNK per kapita kedua-dua negeri ini adalah sebahagian besarnya dipengaruhi oleh faktor penyusutan pengeluaran dan harga bagi komoditi sawit dan getah serta prestasi negatif bagi sektor Pembinaan.

Jadual 1.5 KDNK Per kapita mengikut negeri, 2017-2018 pada harga semasa (RM)

Negeri	2017	2018
W.P. Kuala Lumpur *	113,182	121,293
W.P. Labuan	70,820	74,337
Pulau Pinang	51,115	52,937
Sarawak	50,149	52,301
Selangor	49,013	51,528
Melaka	46,799	47,960
Negeri Sembilan	41,733	43,047
Johor	35,322	36,394
Pahang	35,754	35,554
Perak	29,335	30,303
Terengganu	29,855	30,216
Sabah	24,636	25,861
Perlis	23,611	24,442
Kedah	20,960	21,410
Kelantan	13,700	13,668
MALAYSIA	42,834	44,682

*Termasuk W.P. Putrajaya

Perbandingan sasaran pertumbuhan RMK-11

Kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) 2016-2020 telah diterbitkan pada Oktober 2018. Kajian ini bertujuan untuk mereformasi dasar sedia ada di samping menggariskan sasaran sosioekonomi yang disemak semula bagi tempoh 2018-2020. Selaras dengan semakan semula pertumbuhan

ekonomi di peringkat nasional, hampir kesemua negeri menyasarkan pertumbuhan lebih perlahan dari sasaran asal kecuali Melaka, Terengganu dan Sabah yang menyasarkan pertumbuhan lebih tinggi (Jadual 1.6). Secara perbandingan, sepuluh negeri mencatatkan pertumbuhan tahunan 2016-2018 melebihi pertumbuhan tahunan RMK-11 (semakan semula) kecuali Kelantan, Perlis, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Jadual 1.6: Pertumbuhan purata tahunan, sasaran asal dan semakan semula sasaran pertumbuhan ekonomi negeri

Negeri	Purata pertumbuhan tahunan KDNK Negeri 2016-2018 (%)	Pertumbuhan tahunan RMK-11 (%)	
		Sasaran asal	Semakan semula sasaran
Johor	5.8	5.9	5.5
Kedah	4.3	5.8	4.2
Kelantan	3.5	4.8	4.7
Melaka	6.0	5.5	6.0
Negeri Sembilan	4.5	5.1	4.0
Pahang	5.1	5.7	4.8
Pulau Pinang	5.1	6.1	4.4
Perak	5.2	5.9	4.9
Perlis	2.8	4.0	3.3
Selangor	7.0	6.9	6.2
Terengganu	4.1	4.2	4.6
Sabah	4.7	4.6	5.1
Sarawak	3.2	4.7	3.5
W.P. Kuala Lumpur	7.1	7.5	6.4
W.P. Labuan	6.2	6.1	5.8
Malaysia	5.2	4.5	5.5

Sumber: RMK-11



BAB 2 PRESTASI EKONOMI PERAK

**SOSIOEKONOMI PERAK
2018**

**PRESTASI EKONOMI PERAK
2018**


INDEKS HARGA PENGGUNA

**RENCANA 2: NISBAH MODAL KEPADA
OUTPUT (*CAPITAL OUTPUT RATIO*)
BAGI SEKTOR PEMBUATAN PERAK**


**PERAK
2018**

SOSIOEKONOMI PERAK 2018

**Pertumbuhan
Ekonomi
5.3%**



**Jumlah
Penduduk**



**Bilangan Pelawat
Domestik 17.6 juta**

Bandaraya
Ipoh

Teluk Intan
Taman
Tasik
Taiping

Lumut

Pulau
Pangkor

**5 Destinasi Tumpuan
Utama**

Hasil PBT*
(RM juta)

RM47.7

Majlis Perbandaran Taiping

RM80.9

Majlis Perbandaran Manjung

RM246.1

Majlis Bandaraya Ipoh

Nota:

KPTB: Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

*Data 2017

f t i y StatsMalaysia





5.3%

pertumbuhan
ekonomi Perak
melebihi
paras nasional
(4.7%)

RM72.9 bilion

nilai KDNK pada
tahun
2018


Perak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sumber semula jadi serta terkenal sebagai salah satu deposit timah terkaya di seluruh Semenanjung Malaysia. Bersempadan dengan beberapa buah negeri yang lain, Perak menawarkan pelbagai keistimewaan sama ada dari segi ekonomi, pelancongan, infrastruktur dan sebagainya. Ini telah menarik minat pelabur asing untuk melabur dalam membangunkan ekonomi negeri ini. Sehingga akhir 2018, jumlah keseluruhan pelaburan bagi pembangunan pelbagai sektor utama yang diluluskan oleh kerajaan negeri adalah berjumlah RM1.9 bilion. Dalam usaha merencanakan lagi pelaburan ekonomi negeri, Perak telah berjaya menarik seramai 20 pengeluar komponen dari China untuk melabur di Hab Mega Komponen Automotif Bersepadu Tanjung Malim bagi menggiatkan lagi industri automotif. Di samping itu, Perak turut berjaya menarik pelaburan melalui projek pembangunan Bandar Integrasi Sarung Tangan di Mukim Bidor bagi membangunkan sektor Pembinaan.

Menurut kajian separuh penggal Rancangan Malaysia ke-11 oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, purata pertumbuhan ekonomi

PRESTASI EKONOMI PERAK 2018

Perak mengunjur pada kadar 5.0 peratus bagi tempoh 2018 hingga 2020. Pertumbuhan ini diterajui oleh sektor Perkhidmatan, Pembuatan serta Perlombongan & pengkuarian. Bagi tujuan memacu pertumbuhan sektor Perkhidmatan, kerajaan negeri telah mengenal pasti pelancongan sebagai salah satu teras utama dalam merakyatkan ekonomi secara amnya serta menjana ekonomi negeri secara khususnya. Bagi melaksanakan inisiatif ini, kerajaan negeri telah menubuhkan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (PTAC) yang bertindak sebagai badan perancang dan penyelaras yang menggabungkan semua agensi berkaitan pelancongan demi memastikan kesegeraan tindakan dapat dilaksanakan serta menggalakkan kedatangan pelabur berkaitan pelancongan ke Perak. Ini sekali gus akan mewujudkan peluang pekerjaan dan peluang perniagaan kepada penduduk bandar dan luar bandar.


Carta 2.1: Nilai dan kadar pertumbuhan KDNK, Perak, 2015-2018



**Sektor
Perkhidmatan
kekal mendominasi
keseluruhan
ekonomi Perak
62.8%**

Prestasi ekonomi Perak kini berada di paras yang memberangsangkan dengan merekodkan KDNK bernilai RM72.9 bilion, iaitu lebih tinggi dari tahun sebelumnya (Carta 2.1). Pertumbuhan tahunan juga menunjukkan peningkatan positif iaitu 5.3 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun 2017. Sektor Perkhidmatan dan Pembinaan menunjukkan peningkatan pertumbuhan dengan masing-masing mencatatkan 6.6 peratus dan 9.5 peratus. Tiga sektor lagi mencatatkan pertumbuhan yang sederhana pada tahun 2018. Sektor Pembuatan, Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing bertumbuh pada kadar 4.2 peratus, 0.7 peratus dan 1.9 peratus.

Carta 2.2: Nilai ditambah dan peratus sumbangan mengikut sektor, Perak, 2018




Dari sudut sumbangan, sektor Perkhidmatan memberikan sumbangan tertinggi kepada keseluruhan KDNK Perak iaitu sebanyak 62.8 peratus seperti dipaparkan pada Carta 2.2. Ini

Sektor Perkhidmatan bertumbuh lebih baik pada kadar **6.6%** pada tahun 2018



Carta 2.3: Kadar pertumbuhan mengikut sektor, Perak, 2017-2018



diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pertanian yang masing-masing menyumbang sebanyak 18.1 peratus dan 15.1 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan menyumbang sebanyak 3.2 peratus manakala sektor Perlombongan dan pengkuarian merekodkan sumbangan 0.6 peratus.

Sektor Perkhidmatan bertumbuh lebih baik pada kadar 6.6 peratus pada 2018 (2017: 5.4%). Nilai ditambah yang direkodkan oleh sektor ini adalah sebanyak RM45.8 bilion, disokong oleh perdagangan borong & runcit dan utiliti.

Dengan mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM13.2 bilion (2017: RM12.7 bilion), sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana pada kadar 4.2 peratus pada tahun 2018 (2017: 8.0%) seperti Carta 2.3. Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor elektrik, elektronik & optikal, produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka serta pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan.

Pertumbuhan perlahan sektor Pertanian didorong oleh **penurunan pengeluaran komoditi seperti getah & kelapa sawit**



Bagi sektor Pertanian, pertumbuhan perlahan direkodkan pada tahun 2018 iaitu pada kadar 0.7 peratus berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor ini mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM11.0 bilion. Prestasi sektor ini adalah dipengaruhi oleh penurunan pengeluaran komoditi seperti getah dan kelapa sawit. Walau bagaimanapun, subsektor perhutanan dan perikanan menunjukkan pemulihan daripada pertumbuhan negatif didorong oleh usaha kerajaan negeri dalam penjanaaan kekayaan baru daripada sumber hutan dan tidak tertumpu kepada hasil kayu-kayan semata-mata, seiring dengan usaha untuk melestarikan khazanah alam terutamanya hutan dalam menyokong pertumbuhan ekonomi Perak.

Sementara itu, sektor Pembinaan memperlihatkan pertumbuhan yang lebih baik pada kadar 9.5 peratus (2017: -24.2%) dengan nilai ditambah sebanyak RM2.3 bilion. Prestasi ini dipengaruhi oleh pertumbuhan subsektor bangunan kediaman dan kejuruteraan awam. Projek perumahan dan pembinaan fasiliti yang meningkat adalah antara penyumbang kepada pertumbuhan positif sektor ini.

**Sektor
Pembinaan
pulih kepada
9.5%**

Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM0.4 bilion dengan pertumbuhan yang sederhana iaitu 1.9 peratus (2017: 5.9%). Sektor ini didorong oleh aktiviti perlombongan bijih timah dan aktiviti pengkuarian batu kapur. Walaupun sektor ini memberi sumbangan yang kecil, kerajaan Perak ingin mengembalikan aktiviti utama perlombongan serta menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pembangunan mineral negeri dengan penubuhan lembah bijih timah atau turut dikenali sebagai '*Tin Valley*'. Ini difaktorkan oleh permintaan terhadap bijih timah yang semakin tinggi memandangkan bahan mineral tersebut diperlukan seiring dengan pertambahan penggunaan alat telekomunikasi seperti komputer dan telefon bimbit.




**Perlombongan dan
pengkuarian
mencatatkan
pertumbuhan
sederhana 1.9%**



INDEKS HARGA PENGGUNA

Penetapan harga runcit bahan api & pelaksanaan GST pada kadar sifar membantu memperlahankan inflasi


Carta 2.4: Perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna, Perak, 2011-2018



Indeks Harga Pengguna (IHP) di Perak meningkat dengan kadar yang perlahan pada 0.7 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya seperti di Carta 2.4.

Inflasi yang perlahan ini adalah kesan daripada beberapa faktor yang berlaku sepanjang tahun 2018. Bermula 22 Mac 2018, harga bahan api petrol RON95 dan diesel telah ditetapkan pada harga yang lebih rendah berbanding Mac 2017 masing-masing RM2.20 seliter (2017: RM2.29 seliter) dan RM2.18 seliter (2017: RM2.19 seliter). Pelaksanaan GST pada kadar sifar bagi tempoh 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2018 juga menyebabkan harga barang dan perkhidmatan yang sebelum ini tertakluk kepada GST mula menurun. Walaupun Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mula diperkenalkan mulai 1 September 2018 bagi menggantikan GST, namun perbezaan harga adalah relatif kecil.

Carta 2.5: Perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna, Perak, 2017-2018



Secara keseluruhan, daripada 12 kumpulan utama, tujuh kumpulan utama yang menunjukkan peningkatan harga yang positif pada tahun 2018 adalah pengangkutan (+1.7%), kesihatan (+1.2%), pendidikan (+1.2%), makanan & minuman bukan alkohol (+1.1%), restoran & hotel (0.9%), perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (+0.8%) dan hiasan perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (+0.4%) seperti di Carta 2.5.

Berikutan daripada penetapan GST pada kadar sifar dan pelaksanaan SST ini telah secara tidak langsung menyaksikan inflasi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol turut meningkat dengan kadar yang perlahan pada paras 1.1 peratus pada tahun 2018 (2017: 3.3%). Ini disokong apabila kesemua subkumpulan menunjukkan peningkatan inflasi yang rendah, antaranya makanan di luar rumah (+2.6%), ikan segar & makanan laut (+1.4%), buah-buahan (+0.4%) dan beras, roti & bijirin (+0.2%).

Selain daripada itu, kesan pemansuhan GST ini juga turut memberi impak kepada kumpulan restoran dan hotel yang mana inflasi bagi kumpulan ini lebih perlahan iaitu pada kadar 0.9 peratus pada tahun 2018 (2017: 2.0%). Perubahan harga yang perlahan ini adalah didorong oleh kedua-dua subkumpulan perbelanjaan di restoran & kafe pada kadar 1.4 peratus (2017: 2.3%) dan perkhidmatan penginapan 1.7 peratus (2017: 0.3%).




Perbandingan harga purata 2018 bagi tiga item terpilih di Perak dan negeri berhampiran

RM/kg	Ikan kembong	Ayam	Sawi bunga
Perak	15.88	8.08	7.09
Selangor*	16.29	7.85	7.51
Kedah	14.03	7.64	6.89
P.Pinang	13.88	8.28	7.42

* Harga purata termasuk W.P. Putrajaya

Carta 2.6: Perubahan tahunan kumpulan utama dan subkumpulan pengangkutan, Perak, 2017-2018



Meskipun tahun 2018 menyaksikan harga minyak dunia naik (minyak mentah Brent 2018: USD72 setong; 2017: USD55 setong), namun penetapan harga petrol RON95 dan diesel pada harga RM2.20 dan RM2.18 berjaya membendung inflasi kumpulan pengangkutan daripada terus meningkat kepada 1.7 peratus (2017: 13.0%). Peningkatan perlahan ini didorong oleh pengurusan alat pengangkutan persendirian (+2.4%), perkhidmatan pengangkutan (+0.9%) dan pembelian kereta (-2.0%) seperti di Carta 2.6.

RON95 dan diesel kekal
masing-masing pada
harga **RM2.20** dan
RM2.18



Rencana 2

Nisbah modal kepada output (*Capital Output Ratio*) bagi sektor Pembuatan Perak¹

Oleh: Maslina Samsudin

1. Pengenalan

Sektor Pembuatan menyumbang kepada ekonomi Perak sebanyak 18.3 peratus daripada keseluruhan ekonomi Perak pada tahun 2017 dan 18.1 peratus pada tahun 2018. Subsektor elektrik, elektronik & optikal kekal sebagai penyumbang tertinggi sebanyak 33.5 peratus pada tahun 2018 (2017: 32.1%) dalam memacu sektor Pembuatan di Perak. Pada tahun 2018, sektor ini meningkat sederhana kepada 4.2 peratus berbanding 8.0 peratus pada tahun sebelumnya.

Mengambil kira sumbangan sektor ini yang signifikan kepada ekonomi Perak, satu kajian ringkas yang menggunakan kaedah pengukuran nisbah modal kepada output (*capital output ratio*:COR) berdasarkan data keratan rentas (*cross sectional*) Banci Ekonomi 2015 dan 2010 bagi sektor Pembuatan telah dilaksanakan bagi mengenalpasti industri atau kumpulan yang mempunyai modal yang produktif atau efisien bagi Perak. Memandangkan maklumat stok modal bersih hanya tersedia di peringkat Malaysia, nilai buku bersih aset tetap bagi akhir tahun 2010 dan 2015 telah digunapakai sebagai proksi kepada stok modal bersih. Nilai buku bersih aset tetap adalah berdasarkan 5 digit Kod Klasifikasi Industri Malaysia 2008 (MSIC 2008) dan diagregatkan kepada 8 kumpulan utama sektor Pembuatan. Data nilai buku bersih bagi aset telah dideflasi menggunakan pendeflasi harga tersirat bagi beberapa jenis aset yang diperoleh daripada penerbitan Pembentukan Modal Tetap Kasar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2017^a). Pengiraan COR adalah seperti berikut:

$$COR = K_t^i / O_t^i$$

Di mana,

K_t^i , merujuk kepada nilai buku bersih i pada masa t bagi subsektor i pada harga 2015=100

O_t^i , merujuk kepada nilai ditambah pada masa t bagi subsektor i pada harga malar 2015=100

COR merujuk kepada jumlah modal (aset) yang diperlukan untuk menghasilkan satu unit output. Konsep COR mulai dikenali melalui pembangunan teori pertumbuhan, yang pada mulanya digunapakai untuk menerangkan perubahan yang ketara dalam aktiviti pelaburan berbanding perubahan yang sedikit bagi permintaan barang-barang pengguna (Marcus, M, 1963). Pengukuran COR merupakan konsep penting dalam model pertumbuhan Harrod-Domar (*Harrod-Domar's growth models*) dalam polisi pertumbuhan dan pembangunan, di mana untuk meningkatkan kadar pertumbuhan, nisbah pelaburan kepada output perlu ditingkatkan (B.B Rao, 2006).

Salah satu objektif kajian ringkas ini adalah untuk memahami atau mengkaji kepelbagaian produktiviti modal dalam sektor Pembuatan di Perak sesuai dengan kepentingan sektor Pembuatan sebagai salah satu pemacu ekonomi Perak.

¹Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak semestinya pandangan Jabatan Perangkaan Malaysia.

2. Hasil Penemuan

Secara keseluruhannya, COR bagi sektor Pembuatan di Perak telah berkurang kepada 1.46 pada tahun 2015 berbanding 1.84 pada tahun 2005, mencadangkan peningkatan efisiensi modal bagi sektor ini pada tempoh tersebut seperti pada Jadual 2a. Peningkatan kecekapan modal tertinggi direkodkan oleh subsektor produk elektrik, elektronik & optikal di mana COR kumpulan tersebut telah menurun daripada 1.88 pada tahun 2005 kepada 0.74 pada tahun 2015 dengan mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak negatif 8.9 peratus bagi tempoh 2005 sehingga 2015. Ini diikuti oleh kumpulan produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka yang menurun kepada 1.57 berbanding 3.09 pada tahun 2005 serta produk tekstil, pakaian dan kulit yang mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak negatif 0.8 peratus bagi tempoh 2005 sehingga 2015.

Jadual 2a: Nisbah modal kepada output (2015 =100) sektor Pembuatan, Perak, 2015, 2010 dan 2005

Bil.	Subsektor	COR 2005	COR 2010	COR 2015	Purata tahunan ^a
1.	Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan	0.97	1.22	1.74	6.0
2.	Minuman dan produk tembakau	1.56	2.19	2.60	5.2
3	Produk tekstil, pakaian dan kulit	1.16	1.19	1.07	-0.8
4	Perabot, produk kayu, keluaran kertas dan percetakan	1.14	1.32	1.55	3.1
5.	Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	1.74	1.91	1.91	0.9
6.	Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka	3.09	1.81	1.57	-6.6
7.	Produk elektrik, elektronik dan optikal	1.88	1.42	0.74	-8.9
8.	Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan	1.40	1.83	1.81	2.6
	Sektor Pembuatan	1.84	1.58	1.46	-2.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


*Berdasarkan pengiraan oleh penulis.

^aPertumbuhan purata tahunan (CAGR) bagi tempoh 2005 - 2015

Lima daripada lapan kumpulan pembuatan utama mencatatkan peningkatan COR iaitu kumpulan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan kepada 1.74 (2005: 0.97) dengan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.0 peratus, diikuti oleh minuman dan produk tembakau yang meningkat kepada 2.60 berbanding 1.56 dalam tempoh sepuluh tahun serta perabot, produk kayu, keluaran kertas dan percetakan yang merekodkan purata pertumbuhan 3.1 peratus (COR 2015: 1.55 vs 2005: 1.14). Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan mencatatkan kenaikan COR daripada 1.40 pada 2005 kepada 1.81 pada tahun 2015. Pertumbuhan COR marginal dialami bagi kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik iaitu 0.9 peratus bagi tempoh 2005 sehingga 2015 dengan peningkatan COR kepada 1.91 pada tahun 2015 (2005: 1.74).

Carta 2a menunjukkan pertumbuhan tahunan nilai ditambah bagi sektor Pembuatan dan KDNK Perak bagi tempoh 2006 sehingga 2015 dan juga penurunan COR sektor Pembuatan bagi tempoh tiga tahun iaitu 2005, 2010 dan 2015. Pada tahun 2006, sektor Pembuatan Perak mencatatkan pertumbuhan 12.7 peratus, lebih tinggi berbanding pertumbuhan KDNK Perak. Sektor Pembuatan turut terkesan dengan krisis subprima yang mempengaruhi ekonomi global apabila pada tahun 2009 sektor ini menguncup kepada negatif 12.2 peratus (KDNK Perak: -1.1%). Sektor ini walau bagaimanapun melonjak kepada 12.9 peratus dan selari dengan pertumbuhan KDNK Perak sebanyak 5.7 peratus pada tahun 2010. Sektor ini terus merekodkan pertumbuhan yang positif bagi tempoh 2011 sehingga 2018.

Carta 2a: Perbandingan pertumbuhan nilai ditambah sektor Pembuatan dan KDNK Perak, 2005-2015 (2015=100)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

*Pertumbuhan mulai pada 2006 kerana tiada maklumat KDNK Negeri Perak bagi tahun 2004

3. Kesimpulan

Dalam tempoh sepuluh tahun, subsektor produk elektrik, elektronik dan optikal menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam produktiviti modal dan penggunaan kapasiti daripada 1.88 pada tahun 2005 kepada 0.74 pada tahun 2015. Subsektor ini merangkumi industri berkaitan elektrik dan elektrik antaranya pembuatan komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi & elektronik pengguna dan komputer & kelengkapan peranti yang merupakan pemuat utama dalam sektor Pembuatan di negeri Perak. Peningkatan dalam efisiensi juga turut dialami oleh subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka yang antaranya meliputi industri pembuatan produk mineral bukan logam (seperti pembuatan simen hidrolik). Produk tekstil, pakaian dan kulit yang mencakupi industri pembuatan pakaian juga mencatatkan penurunan dalam COR.

Memandangkan maklumat yang digunakan adalah data nilai buku bersih sebagai proksi kepada stok modal bersih dan hanya tiga (3) tempoh masa kajian sahaja yang dibuat iaitu bagi tahun 2005, 2010 dan 2015, penjelasan dan penerangan dapatan kajian perlu dibuat dengan lebih berhati-hati. Namun, secara keseluruhannya, analisis ringkas ini mencadangkan pengurangan nisbah modal kepada output bagi sektor Pembuatan Perak daripada 2005 sehingga 2015 adalah disumbangkan oleh peningkatan terhadap penggunaan kapasiti (*capacity utilisation*).

Daripada perspektif pelaburan dan prospek pembangunan sektor Pembuatan di Perak pula, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk menggalakkan pelaburan ke dalam negeri. Bagi tahun 2017 dan 2018, jumlah pelaburan yang telah diluluskan bagi subsektor elektrik, elektrikal dan optikal yang merupakan penyumbang utama dalam sektor Pembuatan di Perak adalah sebanyak RM635.3 juta. Pada tahun 2018, pelaburan yang telah diluluskan bagi sektor Pembuatan adalah sebanyak RM1,886.9 juta. Daripada keseluruhan jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2018, 49.7 peratus adalah daripada pelaburan asing. Sementara itu, pelaburan yang terbesar diluluskan adalah bagi produk pembuatan getah sebanyak RM972.2 juta berbanding RM43.1 juta pada tahun sebelumnya.

RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (2017^a), Pembentukan Modal Tetap Kasar 2010-2017, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jabatan Perangkaan Malaysia, (2017^b). Laporan Sosioekonomi Negeri Perak. 2017, Jabatan Perangkaan Malaysia

Rao, B. B. (2006). Investment ratio and growth. ICFAI Journal of Applied Economics, 3(2), 68-72

Marcus, M. (1963). Capital-output ratios and their variations (Doctoral dissertation, Brown University)

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (2018)



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



BAB 3 PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

SEKTOR PEMBINAAN

SEKTOR PEMBUATAN

SEKTOR PERKHIDMATAN

- Perdagangan borong dan runcit
- Utiliti
- Pengangkutan dan penyimpanan
- Perkhidmatan maklumat dan komunikasi
- Perkhidmatan perniagaan
- Perkhidmatan pendidikan swasta
- Perkhidmatan kesihatan swasta
- Perkhidmatan kerajaan

**PERAK
2018**



SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian di Perak merekodkan nilai ditambah berjumlah RM11.0 bilion pada tahun 2018 berbanding RM10.9 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor ini menyumbang 15.1 peratus kepada keseluruhan KDNK Perak pada tahun 2018.

Sektor Pertanian bertumbuh lebih perlahan kepada 0.7 peratus berbanding 7.8 peratus pada tahun 2017 seperti dipaparkan di Jadual 3.1. Subsektor tanaman yang menyumbang 52.4 peratus merosot kepada negatif 6.8 peratus berbanding prestasi kukuh 22.4 peratus pada tahun sebelumnya. Ini dipengaruhi oleh penurunan ketara dalam subsektor kelapa sawit yang menyumbang sebanyak 34.2 peratus kepada keseluruhan sektor Pertanian.

Berdasarkan data pengeluaran buah tandan segar yang dikeluarkan oleh MPOB, Perak mencatatkan penurunan yang ketara kepada negatif 9.3 peratus pada tahun 2018 berbanding 27.1 peratus yang dicatatkan pada tahun 2017 seperti di Jadual 3.2. Situasi tersebut adalah kesan daripada penurunan pengeluaran dan harga minyak sawit mentah di samping hasil buah tandan segar yang lebih rendah berikutan tekanan pada kelapa sawit selepas mencatatkan hasil yang tinggi pada tahun 2017. Selain itu, faktor musim hujan yang tidak menentu turut mempengaruhi aktiviti tanaman kelapa sawit pada tahun 2018.

**Sektor Pertanian
bertumbuh**

0.7%
pada tahun **2018**



**Kelapa sawit
menyumbang
34.2%**
kepada nilai ditambah
Pertanian Perak

Jadual 3.1: Prestasi sektor Pertanian, Perak, 2017-2018

Subsektor	Nilai ditambah (RM juta)		Peratus sumbangan (%)		Pertumbuhan tahunan (%)	
	2017 ^e	2018 ^p	2017 ^e	2018 ^p	2017 ^e	2018 ^p
Tanaman	6,196	5,774	56.6	52.4	22.4	-6.8
Ternakan	2,367	2,530	21.6	23.0	6.2	6.9
Perhutanan & pembalakan	305	306	2.8	2.8	-21.6	0.5
Perikanan	2,073	2,410	18.9	21.9	-16.1	16.2
Jumlah	10,942	11,020	100.0	100.0	7.8	0.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3.2: Statistik industri kelapa sawit, Perak, 2017-2018

Perak	Nilai (RM '000)		Pertumbuhan (%)	
	2017	2018	2017	2018
Buah tandan segar ('000 tan)	10,723	9,725	27.1	-9.3
Minyak sawit mentah ('000 tan)	2,030	1,861	24.6	-8.3
Isirong sawit ('000 tan)	572	528	28.7	-7.7
Keluasan belum matang (hektar)	45,968	49,221	3.3	7.1
Keluasan matang (hektar)	360,501	364,090	2.0	1.0

Sumber: MPOB

**Aktiviti getah
merosot
berbanding tahun 2017**



**Kuantiti pendaratan
ikan laut
melonjak
pada tahun 2018**

Sementara itu, aktiviti getah yang menyumbang 3.1 peratus kepada sektor Pertanian juga mencatatkan penurunan ketara pada tahun 2018 yang turut mempengaruhi prestasi keseluruhan sektor ini.

Walau bagaimanapun, subsektor perikanan mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu 16.2 peratus berbanding prestasi negatif 16.1 peratus pada tahun 2017. Subsektor ini menyumbang sebanyak 21.9 peratus kepada sektor Pertanian Perak. Pertumbuhan tersebut didorong oleh peningkatan dalam kuantiti pendaratan ikan laut pada tahun 2018. Antara spesis utama yang menyumbang kepada perkembangan aktiviti ini adalah ikan kembong, sotong, ikan baja, udang dan ikan cencaru.


Subsektor ternakan kekal konsisten pada 6.9 peratus berbanding 6.2 peratus pada tahun 2017. Subsektor tersebut yang menyumbang 23.0 peratus kepada sektor Pertanian Perak didominasi oleh aktiviti ternakan ayam dan itik.



SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Perak mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM446.2 juta berbanding RM438.1 juta pada tahun 2017. Sumbangan sektor ini adalah 0.6 peratus kepada KDNK Perak.

Carta 3.1: Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Perak, 2015-2018



Pada tahun 2018, sektor ini telah merekodkan pertumbuhan sebanyak 1.9 peratus (2017: 5.9%) seperti di Carta 3.1 didorong oleh beberapa aktiviti seperti perlombongan bijih timah, pemecahan batu dan pengkuarian batu kapur. Selain itu, perlombongan kaolin dan pengkuarian pasir turut menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan sektor ini.

Jadual 3.3 menunjukkan jumlah pengeluaran bahan-bahan galian seperti yang direkodkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).

Jadual 3.3: Pengeluaran mineral terpilih, Perak, 2015-2018

Jenis mineral	2015	2016	2017	2018
Bijih timah (kg)	4,479,107	4,561,282	4,581,598	4,471,845
Kaolin(tan metrik)	170,723	202,591	258,977	216,518

Sumber: JMG



RM446.2 juta
nilai ditambah **sektor**
Perlombongan
dan pengkuarian
Perak pada
tahun 2018





SEKTOR PEMBINAAN

Sektor Pembinaan
menyumbang
3.2%
kepada KDNK
Perak




Sektor Pembinaan
memulih kepada
9.5%
pada tahun 2018
(2017: -24.2%)

Perak mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM2.3 bilion dalam sektor Pembinaan pada tahun 2018 berbanding RM2.1 bilion yang direkodkan pada tahun 2017. Sektor tersebut menyumbang sebanyak 3.2 peratus kepada keseluruhan KDNK Perak.

Pada tahun 2018, sektor Pembinaan di Perak mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu 9.5 peratus berbanding pertumbuhan negatif 24.2 peratus pada tahun 2017.

Pertumbuhan tersebut dipengaruhi oleh subsektor kejuruteraan awam dan bangunan bukan kediaman. Kejuruteraan awam menyumbang 33.2 peratus manakala bangunan bukan kediaman menyumbang 20.2 peratus seperti pada Carta 3.2.

Carta 3.2: Peratus sumbangan sektor Pembinaan, Perak, 2018



Selain itu, subsektor bangunan kediaman yang menyumbang 34.4 peratus juga merekodkan pertumbuhan yang lebih baik meskipun masih berada pada paras negatif.

Projek utama:

Antara projek utama yang terdapat di Perak ialah:

- ◆ Fasa 2 Loji rawatan kumbahan serantau dan rangkaian paip pembedungan di Papan, Daerah Kinta;
- ◆ Projek pembinaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat: kerja-kerja menaik taraf Jalan Persekutuan (Teluk Intan - Kampung Lekir);
- ◆ Membina dan menyiapkan skim perumahan mampu milik;
- ◆ Pembinaan blok wanita dan kanak-kanak dan pusat kardiologi Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh; dan
- ◆ Membina jambatan Bagan Datuk Daerah Hilir Perak ke Kampung Sejangap, Daerah Perak Tengah.



**Nilai kerja
pembinaan
Perak sebanyak
RM5.4 bilion
pada tahun 2018**

Projek baharu:

Antara projek yang baharu dilaksanakan pada tahun 2018 ialah:

- ◆ Membina dan menyiapkan kerja infrastruktur di Kawasan Industri Vendor Parcel 3, Bandar Proton, Tanjung Malim;
- ◆ Projek fasiliti infrastruktur SUKMA 2018;
- ◆ Pembinaan loji rawatan kumbahan serantau dan rangkaian paip pembedungan Di Assam Kumbang, Taiping;
- ◆ Sebuah kilang 3 tingkat kepada kilang yang sedia ada di Kawasan Perindustrian Gopeng; dan
- ◆ Projek-projek perumahan dan pembangunan bercampur.





SEKTOR PEMBUATAN


Nilai ditambah
Sektor Pembuatan
tahun 2018
RM13.2 bilion



Aktiviti pembuatan peralatan komunikasi dan elektronik pengguna memacu sektor Pembuatan

Sektor Pembuatan mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM13.2 bilion berbanding RM12.7 bilion pada tahun 2017. Ini menjadikan sektor Pembuatan tumbuh sebanyak 4.2 peratus (2017: 8.0%) dan menyumbang sebanyak 18.1 peratus kepada KDNK Perak. Pertumbuhan ini didorong oleh kumpulan produk elektrik, elektronik dan optikal yang tumbuh 8.8 peratus (2017: 9.1%) dan diterajui oleh aktiviti pembuatan peralatan komunikasi dan elektronik pengguna. Kumpulan produk petroleum, kimia, getah dan plastik turut menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan sektor Pembuatan apabila berkembang sebanyak 10.1 peratus (2017: 4.3%) dipengaruhi oleh prestasi yang memberangsangkan dalam subsektor bahan kimia, produk kimia & produk farmaseutikal, produk getah dan produk plastik.

Carta 3.3: Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Perak, 2018



Selain itu, kumpulan produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka turut menyumbang kepada peningkatan sektor Pembuatan dengan pertumbuhan 4.1 peratus (2017: 5.9%). Pertumbuhan ini disumbangkan oleh subsektor produk mineral bukan logam yang tumbuh sebanyak 5.1 peratus (2017: 7.1%) dan dipengaruhi oleh aktiviti pembuatan simen hidrolik.

Walau bagaimanapun, kumpulan peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan menyusut kepada negatif 22.4 peratus (2017: 15.0%) dipengaruhi oleh kemerosotan aktiviti pembuatan kapal. Selain itu, kumpulan minyak dan lemak

daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan turut mengalami kemerosotan dengan menguncup kepada 1.5 peratus berbanding 13.4 peratus pada tahun sebelumnya didorong oleh kejatuhan dalam aktiviti pembuatan minyak sawit mentah. Ini selari dengan pengeluaran minyak sawit yang merosot kepada negatif 8.3 peratus berbanding 24.6 peratus pada tahun sebelumnya. Kemerosotan dalam kedua-dua kumpulan ini telah mengurangkan momentum pertumbuhan sektor Pembuatan di Perak.

Secara keseluruhan, jumlah nilai pelaburan yang diluluskan dalam sektor Pembuatan adalah sebanyak RM1.9 bilion. Antara industri utama yang menerima pelaburan tertinggi ialah produk getah dan produk mineral & bukan logam (Jadual 3.4).

**Produk mineral
bukan logam
tumbuh
5.1%**



Jadual 3.4: Nilai pelaburan yang diluluskan mengikut industri, Perak, 2018 - RM juta

Industri	Pelaburan domestik	Pelaburan asing	Jumlah
Pembuatan makanan	7.0	-	7.0
Minuman dan tembakau	42.5	10.0	52.5
Tekstil dan produk tekstil	23.4	1.0	24.4
Kayu dan produk kayu	74.0	1.0	75.0
Kertas, percetakan dan penerbitan	45.1	-	45.1
Kimia dan produk kimia	89.9	41.7	131.5
Produk petroleum (termasuk petrokimia)	181.1	17.6	198.7
Produk getah	239.1	733.1	972.2
Produk plastik	0.8	0.0	0.8
Produk mineral dan bukan logam	50.8	129.4	180.2
Produk logam fabrik	76.9	0.0	76.9
Produk elektrik dan elektronik	97.2	4.1	101.3
Peralatan pengangkutan	21.4	0.0	21.4
Jumlah	949.1	937.8	1,886.9

Sumber: MIDA



SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor Perkhidmatan menyumbang 62.8% kepada keseluruhan KDNK Perak

Sektor Perkhidmatan di Perak merekodkan nilai ditambah berjumlah RM45.8 bilion pada tahun 2018, meningkat RM2.9 bilion berbanding tahun 2017. Sumbangan sektor Perkhidmatan kepada keseluruhan KDNK Perak adalah sebanyak 62.8 peratus pada tahun 2018. Sektor ini mencatatkan peningkatan kepada 6.6 peratus berbanding 5.4 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan adalah seperti dipaparkan pada Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Prestasi sektor Perkhidmatan, Perak, 2017-2018

Subsektor	2017*			2018*		
	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Peratus sumbangan (%)	Peratus pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	13,967	32.5	5.5	15,049	32.8	7.7
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	12,130	28.2	7.6	13,205	28.8	8.9
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	5,250	12.2	1.9	5,404	11.8	2.9
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	3,903	9.1	5.1	4,104	9.0	5.1
Perkhidmatan kerajaan	7,733	18.0	4.7	8,073	17.6	4.4
Jumlah	42,983	100.0	5.4	45,834	100.0	6.6

Segmen runcit meningkat 9.5% pada tahun 2018




Perdagangan borong dan runcit

Subsektor perdagangan borong dan runcit merupakan penyumbang terbesar di dalam sektor Perkhidmatan di Perak (sumbangan: 22.6%). Subsektor ini meningkat 8.8 peratus (2017: 7.5%) didorong oleh segmen borong dan runcit.

Sumbangan segmen runcit kepada subsektor perdagangan borong dan runcit adalah sebanyak 50.8 peratus (Carta 3.4). Segmen ini meningkat 9.5 peratus berbanding 9.3 peratus pada tahun sebelumnya disumbangkan oleh jualan runcit di stor bukan pengkhususan dan jualan runcit barangan lain di stor pengkhususan. Pelaksanaan GST berkadar sifar selama tiga bulan

Carta 3.4: Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong & runcit, Perak, 2018



Segmen borong meningkat 8.8% pada tahun 2018



dan peningkatan gaji minimum mendorong kepada peningkatan kukuh dalam segmen ini.

Segmen borong meningkat 8.8 peratus (2017: 7.8%) didorong oleh peningkatan dalam aktiviti jualan borong pengkhususan lain dan jualan borong makanan, minuman dan tembakau.

Selain itu, segmen kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8 peratus (2017: -0.01%) dipengaruhi oleh aktiviti jualan kenderaan bermotor dan penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor.

Utiliti

Subsektor utiliti di Perak berkembang kepada 7.1 peratus (2017: 3.9%) pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah RM10.0 bilion. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan sebanyak 7.0 peratus (2017: 3.7%) dalam segmen bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara terutama dalam aktiviti penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik.

Segmen bekalan air, pembetulan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan mencatatkan pertumbuhan 9.4 peratus pada tahun 2018 berbanding 6.6 peratus pada tahun 2017 disokong oleh aktiviti penakungan, perawatan dan bekalan air.



Stesen janakuasa syarikat **Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) menyumbang 94.5% tenaga elektrik dan selebihnya adalah daripada stesen janakuasa **Tenaga Nasional Berhad****

Sumber : Tenaga Nasional Berhad

Pengangkutan dan penyimpanan meningkat 6.0% disokong aktiviti pengangkutan darat




Pengangkutan dan penyimpanan


Subsektor pengangkutan dan penyimpanan bertumbuh sebanyak 6.0 peratus pada tahun 2018.

Berdasarkan Carta 3.5, subsektor pengangkutan dan penyimpanan Perak disumbangkan oleh aktiviti pengangkutan darat iaitu sebanyak 52.5 peratus. Seterusnya, operasi lebuhraya (20.4%), perkhidmatan pos dan kurier (12.0%), pelabuhan dan operasi penerbangan (7.1%), pengangkutan lain (5.9%), pengangkutan air (1.1%) dan pengangkutan udara (1.0%).

Carta 3.5: Struktur subsektor pengangkutan & penyimpanan, Perak, 2018



Aktiviti pengangkutan darat yang merupakan penyumbang terbesar mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.3 peratus pada tahun 2018 didorong oleh pengangkutan muatan melalui jalan raya dan perkhidmatan bas pekerja.



Sementara itu, aktiviti bagi operasi lebuhraya dan perkhidmatan pos dan kurier (jumlah sumbangan: 32.4%) masing-masing bertumbuh sebanyak 6.5 peratus dan 5.2 peratus. Pertumbuhan dalam perkhidmatan pos dan kurier dipengaruhi oleh aktiviti kurier selain daripada aktiviti pos nasional.

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi


Subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi bertumbuh kepada 10.0 peratus pada tahun 2018 dengan nilai ditambah berjumlah RM3.9 bilion. Sumbangan subsektor ini ialah 8.5 peratus kepada sektor Perkhidmatan Perak. Pertumbuhan ini didorong oleh perkembangan dalam perkhidmatan komunikasi.

Perkhidmatan komunikasi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.6 peratus pada tahun 2018 berbanding 10.5 peratus pada tahun sebelumnya didorong oleh permintaan dalam perkhidmatan komunikasi data. Ini selari dengan peningkatan kadar penembusan jalur lebar di Perak (Carta 3.6). Penggunaan aplikasi yang semakin popular seperti WhatsApp, Facebook, Twitter dan perbankan internet turut merangsang kepada permintaan perkhidmatan ini.



Sumbangan perkhidmatan maklumat dan komunikasi ialah 8.5% kepada sektor Perkhidmatan Perak

Carta 3.6: Kadar penembusan jalur lebar bagi 100 penduduk, Perak, 2015-2018



Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Sementara itu, perkhidmatan komputer dan maklumat mencatatkan peningkatan 6.6 peratus pada tahun 2018 berbanding 5.5 peratus pada tahun 2017 yang disokong oleh aktiviti perundingan komputer, manakala bagi aktiviti penerbitan dan penyiaran pula berkembang sebanyak 3.5 peratus.

Perkhidmatan komputer & maklumat bertumbuh 6.6% pada tahun 2018

**Perkhidmatan
perniagaan
mencatatkan
pertumbuhan
sebanyak
6.7%**



Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.7 peratus (2017: 5.1%) didorong oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain.

Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal merupakan penyumbang terbesar (63.2%) kepada keseluruhan subsektor perkhidmatan perniagaan. Antara aktiviti yang mendorong kepada pertumbuhan tersebut ialah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Beberapa aktiviti lain turut menjadi penyumbang kepada prestasi segmen ini seperti perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah.


Sementara itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan yang menyumbang sebanyak 36.8 peratus bertumbuh 6.6 peratus (2017: 5.2%) disokong oleh aktiviti agensi pengembaraan dan pembersihan am bangunan.

Perkhidmatan pendidikan swasta

Sumbangan subsektor perkhidmatan pendidikan swasta kepada sektor Perkhidmatan ialah 0.9 peratus.

Perkhidmatan pendidikan swasta disumbangkan oleh pendidikan tinggi iaitu sebanyak 63.7 peratus diikuti oleh pendidikan lain (16.8%), pendidikan menengah (11.6%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (7.7%) dan perkhidmatan sokongan pendidikan (0.2%) seperti di Jadual 3.6.

**Pendidikan tinggi
menyumbang
63.7%
kepada perkhidmatan
swasta**



Jadual 3.6: Peratus sumbangan pendidikan swasta, Perak, 2018

Kategori	Peratus sumbangan (%)
Pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah	7.7
Pendidikan menengah	11.6
Pendidikan tinggi	63.7
Pendidikan lain	16.8
Perkhidmatan sokongan pendidikan	0.2
Jumlah	100.0

Perkhidmatan kesihatan swasta

Perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 1.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan Perak. Pada tahun 2018, subsektor ini mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus berbanding 4.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Aktiviti yang menyokong kepada prestasi ini ialah aktiviti hospital dan perkhidmatan perubatan am. Selain itu, aktiviti perkhidmatan perubatan khas, perkhidmatan berkaitan pergigian dan pusat dialisis juga turut menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan.

Aktiviti hospital dan perkhidmatan perubatan am menyumbang terbesar dalam perkhidmatan kesihatan swasta



Perkhidmatan kerajaan

Perkhidmatan kerajaan dikategorikan sebagai pengeluar bukan pasaran. Nilai ditambah bagi perkhidmatan ini adalah meliputi nilai pampasan pekerja, pencen yang diperuntukkan kepada pekerja yang sedang bekerja serta penggunaan modal tetap.

Subsektor perkhidmatan kerajaan pada tahun 2018 mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus (2017: 4.7%) dengan jumlah nilai ditambah sebanyak RM8.1 bilion berbanding RM7.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Perkhidmatan kerajaan menyumbang 17.6% kepada sektor Perkhidmatan

Secara umumnya, kerajaan persekutuan yang mewakili 88.4 peratus kekal sebagai penyumbang utama kepada perkhidmatan kerajaan di Perak. Selain itu, perkhidmatan ini turut disumbangkan oleh kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan termasuklah majlis daerah dan majlis perbandaran/bandaraya.





BAB 4 DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK

- Kelahiran
- Kesuburan
- Kematian
- Jangkaan hayat

TENAGA BURUH

- Penduduk bekerja
- Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

PERAK
2018



PENDUDUK

Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Penduduk Perak bertambah daripada 2.49 juta pada tahun 2017 kepada 2.50 juta pada tahun 2018 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 0.4 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2018 menurun kepada 95.9 peratus daripada keseluruhan penduduk Perak berbanding 96.0 peratus pada tahun 2017.

Jadual 4.1: Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Perak, 2015-2018

Penduduk	2015	2016	2017	2018
Bilangan penduduk ('000)	2,466.9	2,482.1	2,493.2	2,503.5
Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)	0.3	0.6	0.4	0.4

Penduduk
Perak
bertambah
0.4%
pada tahun 2018



95.9% (2018)

96.0% (2017)

Warganegara

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Peratusan penduduk kumpulan umur bekerja dan umur tua di Perak mencatatkan peningkatan dari tahun 2015 hingga 2018. Pada tahun 2018, peratusan umur muda menurun kepada 21.7 peratus (2017: 22.2%) manakala peratusan umur bekerja meningkat kepada 68.1 peratus (2017: 67.9%).

Jadual 4.2: Struktur umur penduduk, Perak, 2015-2018

Kumpulan umur (%)	2015	2016	2017	2018
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	23.5	22.8	22.2	21.7
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	67.3	67.6	67.9	68.1
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	9.2	9.6	9.9	10.2



4.1% (2018)

4.0% (2017)

Bukan warganegara

Peratusan penduduk
umur bekerja
meningkat
kepada
68.1%

Nisbah Jantina



102 lelaki : 100 perempuan

Nisbah tanggungan
umur muda
menurun kepada
31.8 manakala
umur tua
meningkat kepada
15.0 pada
tahun 2018

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Perak daripada tahun 2015 hingga 2017 kekal pada nisbah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Situasi ini berubah pada tahun 2018 dengan nisbah jantina penduduk Perak adalah 102 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan

Jumlah nisbah tanggungan penduduk Perak menunjukkan penurunan bagi tempoh 2015 hingga 2018. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan peningkatan daripada 14.6 pada tahun 2017 kepada 15.0 pada tahun 2018. Namun, nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 31.8 pada tahun 2018 (2017: 32.7).

Jadual 4.3: Nisbah tanggungan, Perak, 2015-2018

Nisbah tanggungan	2015	2016	2017	2018
Umur muda	34.9	33.8	32.7	31.8
Umur tua	13.7	14.2	14.6	15.0
Jumlah	48.6	47.9	47.3	46.8


Kumpulan etnik warganegara

Bumiputera meliputi 59.1 peratus warganegara Malaysia di Perak pada tahun 2018 berbanding 58.8 peratus pada tahun 2017. Cina dan India pula masing-masing menurun kepada 28.9 peratus (2017: 29.1%) dan 11.6 peratus (2017: 11.7%) pada tahun 2018. Peratusan etnik lain kekal sebanyak 0.4 peratus daripada keseluruhan warganegara di Perak.

Jadual 4.4: Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Perak, 2015-2018

Kumpulan etnik warganegara Malaysia (%)	2015	2016	2017	2018
Bumiputera	58.0	58.5	58.8	59.1
Cina	29.7	29.4	29.1	28.9
India	11.9	11.7	11.7	11.6
Etnik lain	0.4	0.4	0.4	0.4

Carta 4.1: Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2017-2018




Kinta mencatatkan **bilangan penduduk tertinggi** dengan jumlah **829.8 ribu** orang pada tahun 2018

Penduduk mengikut daerah pentadbiran

Kinta merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada tahun 2015 hingga tahun 2018 berbanding 11 daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk pada tahun 2018 adalah sebanyak 829.8 ribu orang. Ini diikuti oleh daerah Larut & Matang (362.1 ribu orang), Manjung (254.4 ribu orang) dan Kerian (196.0 ribu orang). Daerah Kinta mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2018 iaitu masing-masing 415.2 ribu orang dan 414.5 ribu orang.



Carta 4.2: Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Perak, 2017-2018 ('000)



KELAHIRAN




Kadar kelahiran kasar

Pada tahun 2017, kadar kelahiran kasar di Perak mencatatkan penurunan berbanding 2016 iaitu daripada 14.4 kelahiran kepada 14.0 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2017 turut menunjukkan penurunan berbanding 2016, masing-masing kepada 14.2 kelahiran (2016: 14.8) dan 13.7 kelahiran (2016: 14.0) bagi setiap 1,000 penduduk.

Tahun 2017 mencatatkan **kadar kelahiran kasar 14.0 kelahiran** bagi setiap 1,000 penduduk

Carta 4.3: Kadar kelahiran kasar, Perak, 2010-2017 (setiap 1,000 penduduk)



Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi iaitu 18.6 kelahiran pada 2017 sementara etnik lain mencatatkan kadar terendah iaitu 5.4 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar Cina dan India pada 2017 masing-masing adalah 7.4 kelahiran dan 10.4 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

Bumiputera mencatatkan **kadar kelahiran kasar tertinggi** pada kadar **18.6 kelahiran** bagi setiap 1,000 penduduk

Jadual 4.5: Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2017 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017
Bumiputera	19.1	19.1	18.6
Cina	8.7	7.9	7.4
India	11.3	10.3	10.4
Etnik lain ¹	6.7	6.4	5.4


¹Termasuk bukan warganegara

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran


Pada tahun 2017, daerah Kinta mencatatkan bilangan kelahiran tertinggi iaitu seramai 10,297 bayi manakala yang terendah direkodkan oleh Bagan Datuk iaitu 610 bayi. Kadar kelahiran kasar tertinggi pula dicatatkan di Ulu Perak dengan 18.4 kelahiran manakala yang terendah direkodkan di Bagan Datuk iaitu 8.3 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.



Carta 4.4: Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2017



KESUBURAN




Kadar kesuburan jumlah bagi Perak pada tahun 2017 ialah 1.9 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun



Kadar kesuburan jumlah

Pada tahun 2017, kadar kesuburan jumlah bagi Perak mencatatkan penurunan kepada 1.9 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun berbanding 2.0 pada 2016. Carta 4.5 menunjukkan Perak mencatatkan kadar kesuburan jumlah berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 bayi bagi setiap wanita dalam lingkungan umur reproduktif (15-49 tahun) bagi tahun 2016 hingga 2017.

Carta 4.5: Kadar kesuburan jumlah, Perak, 2010-2017



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik


Kadar kesuburan jumlah bagi semua kumpulan etnik mencatatkan penurunan pada tahun 2017 berbanding 2016 kecuali India yang kekal pada 1.4 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun. Pada tahun 2017, Bumiputera mencatatkan kadar kesuburan jumlah tertinggi iaitu 2.6 bayi manakala kadar terendah dicatatkan oleh etnik lain iaitu 0.6 bayi bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun.

Jadual 4.6: Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Perak, 2015-2017 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2015	2016	2017
Bumiputera	2.7	2.7	2.6
Cina	1.5	1.3	1.2
India	1.5	1.4	1.4
Etnik lain ¹	0.7	0.7	0.6

¹Termasuk bukan warganegara

KEMATIAN




Bilangan dan kadar kematian

Sejumlah 18,047 kematian direkodkan di Perak pada tahun 2017 iaitu 1.3 peratus melebihi kematian pada tahun 2016. Kadar kematian kasar di negeri ini pada tahun 2017 adalah 7.2 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2016: 7.2 kematian).



Carta 4.6: Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2010-2017



Tahun 2016 dan 2017 mencatatkan **kadar kematian kasar tertinggi** iaitu **7.2 kematian** (bagi setiap 1,000 penduduk) bagi tempoh 2010-2017

Jadual 4.7: Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Perak, 2015-2017 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2015	2016	2017
Jumlah kematian penduduk	17,159	17,820	18,047
Kadar kematian kasar (Lelaki)	7.8	8.0	8.3
Kadar kematian kasar (Perempuan)	6.1	6.3	6.2

Lelaki



10,420 (57.7%)

Perempuan




7,627 (42.3%)



Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2017 kekal seperti yang direkodkan pada tahun 2016 dengan 6.9 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup .


Carta 4.7: Kadar kematian bayi, Perak, 2010-2017



Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2017 adalah 20.1 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup, lebih rendah berbanding 28.0 kematian bagi tahun 2016.

Carta 4.8: Nisbah mortaliti ibu bersalin, Perak, 2010-2017



13.7 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun **2014** merupakan **nisbah mortaliti ibu bersalin terendah** bagi tempoh 2010-2017

Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Kadar kematian kasar Cina meningkat kepada 9.1 kematian pada tahun 2017 berbanding 8.7 kematian pada tahun 2016 manakala India merekodkan 7.7 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2016: 7.9). Bumiputera kekal mencatatkan 6.6 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2017.

Jadual 4.8: Kadar kematian kasar mengikut etnik, Perak, 2014-2017 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2014	2015	2016	2017
Bumiputera	6.3	6.4	6.6	6.6
Cina	8.3	8.4	8.7	9.1
India	7.4	7.4	7.9	7.7
Etnik lain ¹	3.3	3.2	3.2	2.9

¹Termasuk bukan warganegara

Sebab kematian utama disahkan 2017

Pada tahun 2017, penyakit jantung iskemia mencatatkan peratusan tertinggi bagi sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan iaitu 15.8 peratus, diikuti radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 12.5 peratus dan 6.9 peratus.

Sebab kematian utama yang mencatatkan peratusan tertinggi mengikut jantina pada tahun 2017 adalah penyakit jantung iskemia bagi lelaki iaitu sebanyak 18.0 peratus dan radang paru-paru bagi perempuan sebanyak 14.2 peratus.


Sebab kematian utama tidak disahkan 2017

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan yang tertinggi bagi tahun 2017 adalah sakit tua (65 tahun dan ke atas) iaitu 59.1 peratus diikuti oleh penyakit jantung iskemia dan kencing manis dengan masing-masing mencatatkan 3.2 peratus dan 2.4 peratus.


Sementara itu, sebab kematian utama tidak disahkan mengikut jantina pada tahun 2017 pula adalah sakit tua (65 tahun dan ke atas) dengan masing-masing sebanyak 53.0 peratus bagi lelaki dan 65.6 peratus bagi perempuan.

Etnik Cina
mencatatkan **kadar kematian tertinggi** pada tahun 2017 iaitu **9.1 kematian** bagi setiap 1,000 penduduk

Rajah 4.1: Tiga sebab kematian utama disahkan, Perak, 2017



Rajah 4.2: Tiga sebab kematian utama tidak disahkan, Perak, 2017




Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan


Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran

Pada tahun 2017, daerah Kinta mencatatkan bilangan kematian tertinggi iaitu sebanyak 5,655 kematian manakala daerah Muallim mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu sebanyak 372 kematian. Namun begitu, kadar kematian tertinggi dicatatkan di Kuala Kangsar iaitu 8.5 kematian bagi setiap 1,000 penduduk dan kadar terendah direkodkan di Muallim iaitu 5.2 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 4.9: Bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran, Perak, 2017



JANGKAAN HAYAT




Jangkaan hayat ketika lahir

Jangkaan hayat ketika lahir bagi seorang bayi lelaki dan bayi perempuan di Perak pada tahun 2018 masing-masing adalah 71.0 tahun dan 77.2 tahun.

Bagi tempoh 2015 sehingga 2018, jangkaan hayat bagi bayi lelaki menunjukkan penurunan sebanyak 0.3 tahun manakala bagi bayi perempuan meningkat 0.1 tahun. Bayi perempuan dijangka hidup lebih lama berbanding bayi lelaki.



Rajah 4.3: Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Perak, 2015-2018




Jangkaan hayat ketika lahir adalah
71.0 tahun bagi **bayi lelaki** manakala
77.2 tahun bagi **bayi perempuan** pada tahun 2018

Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2018 dijangka hidup selama 56.8 tahun dan 63.0 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga umur 71.8 tahun manakala perempuan sehingga umur 78.0 tahun.

Rajah 4.4: Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Perak, 2015-2018




Lelaki pada umur
65 tahun dijangka
hidup sehingga
79.8 tahun
manakala
perempuan
sehingga
82.3 tahun

Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Bagi tahun 2018, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup selama 14.8 tahun lagi dan seorang perempuan pula dijangka hidup selama 17.3 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki dan perempuan dijangka hidup sehingga berumur 79.8 tahun dan 82.3 tahun.

Bagi tempoh 2015 sehingga 2018, perbezaan jangkaan hayat pada umur 65 tahun bagi lelaki dan perempuan adalah di antara 2.3 hingga 2.5 tahun.

Rajah 4.5: Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Perak, 2015-2018







TENAGA BURUH

Tenaga buruh

Tenaga buruh di Perak meningkat dengan purata pertumbuhan tahunan 2.1 peratus antara tahun 2010 hingga 2018. Sejumlah 1,069.8 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2018 berbanding 1,052.4 ribu orang pada tahun 2017. Bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 1,034.8 ribu orang pada tahun 2018 (2017: 1,013.3 ribu orang).

Purata pertumbuhan tahunan
tenaga buruh
2.1%
antara tahun
2010-2018

Carta 4.10: Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Perak, 2010-2018



Penduduk bekerja

Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Perak dengan peratus sumbangan sebanyak 27.3 peratus pada tahun 2018. Ini diikuti oleh kategori pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan dan operator mesin & loji dan pemasang masing-masing dengan peratusan sumbangan 12.8 peratus dan 11.8 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 22.9 peratus daripada keseluruhan pekerja di Perak.

Kategori **pekerja perkhidmatan dan jualan** mencatatkan peratusan tertinggi **27.3%**

Jadual 4.9: Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Perak, 2016-2018

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)		
	2016	2017	2018
Jumlah	988.2	1,013.3	1,034.8
Pengurus	41.7	45.1	42.8
Profesional	105.0	100.7	101.5
Juruteknik & profesional bersekutu	96.8	88.1	92.7
Pekerja sokongan perkeranian	73.4	84.7	85.9
Pekerja perkhidmatan & jualan	252.6	273.5	282.2
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	60.7	67.5	69.6
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	124.5	110.9	132.5
Operator mesin & loji dan pemasang	118.8	121.8	121.7
Pekerja asas	114.8	121.1	105.9
Kategori pekerjaan	Komposisi (%)		
	2016	2017	2018
Jumlah	100.0	100.0	100.0
Pengurus	4.2	4.5	4.1
Profesional	10.6	9.9	9.8
Juruteknik & profesional bersekutu	9.8	8.7	9.0
Pekerja sokongan perkeranian	7.4	8.4	8.3
Pekerja perkhidmatan & jualan	25.6	27.0	27.3
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	6.1	6.7	6.7
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	12.6	10.9	12.8
Operator mesin & loji dan pemasang	12.0	12.0	11.8
Pekerja asas	11.6	12.0	10.2

Seramai 677.2 ribu orang pekerja (65.4%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2018 dan diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pertanian masing-masing seramai 167.4 ribu orang (16.2%) dan 99.0 ribu orang (9.6%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 5.7 ribu orang (0.6%).

Jadual 4.10: Penduduk bekerja mengikut sektor, Perak, 2016-2018

Sektor	Bilangan ('000)		
	2016	2017	2018
Jumlah	988.2	1,013.3	1,034.8
Pertanian	111.1	106.8	99.0
Perlombongan dan pengkuarian	10.1	4.8	5.7
Pembuatan	162.1	170.6	167.4
Pembinaan	82.0	70.8	85.5
Perkhidmatan	622.9	660.3	677.2

Sektor	Komposisi (%)		
	2016	2017	2018
Jumlah	100.0	100.0	100.0
Pertanian	11.2	10.5	9.6
Perlombongan dan pengkuarian	1.0	0.5	0.6
Pembuatan	16.4	16.8	16.2
Pembinaan	8.3	7.0	8.3
Perkhidmatan	63.0	65.2	65.4

Pekerja
dalam **sektor**
Perkhidmatan
menyumbang
65.4%
pada tahun 2018






KPTB 63.3%
manakala
kadar
pengangguran
3.3%
pada tahun 2018



Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Perak meningkat 0.3 mata peratus daripada 63.0 peratus pada tahun 2017 kepada 63.3 peratus pada tahun 2018. Sementara itu, kadar pengangguran di Perak bertambah baik kepada 3.3 peratus pada tahun 2018 berbanding 3.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Carta 4.11: KPTB dan kadar pengangguran, Perak, 2010-2018





BAB 5 STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

- Statistik utama pelancongan domestik
- Pelawat domestik
- Perjalanan pelancongan domestik
- Perbelanjaan pelancongan domestik

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PERAK

- Kedatangan pelawat
- Negeri asal pelancong
- Destinasi tumpuan utama pelawat domestik

**PERAK
2018**



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Pada tahun 2018, seramai 221.3 juta pelawat² domestik dicatatkan dengan pertumbuhan sebanyak 7.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (8.5%). Jadual 5.1 menunjukkan sejumlah 302.4 juta perjalanan pelancongan berbanding 276.1 juta perjalanan pelancongan pada tahun 2017.

Perbelanjaan pelancongan domestik kekal mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 11.4 peratus pada tahun 2018 (2017: 11.1%). Sejumlah RM92.6 bilion telah dibelanjakan bagi pelancongan domestik pada tahun 2018 berbanding RM83.1 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Oleh itu, purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan yang direkodkan adalah RM306 dengan peningkatan sebanyak 1.7 peratus pada tahun 2018. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada tahun 2018 adalah 2.44 hari.

Malaysia merekodkan pencapaian **tertinggi** bagi **bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan pelancongan** pada tahun 2018



Jadual 5.1: Statistik utama pelancongan domestik, 2017-2018

Statistik utama	2017	2018	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat (juta)	205.4	221.3	7.7
Bilangan perjalanan (juta)	276.1	302.4	9.5
Jumlah perbelanjaan (RM juta)	83,103	92,561	11.4
Purata perjalanan	1.34	1.37	2.2
Purata bilangan hari menginap (hari)	2.35	2.44	3.8
Purata perbelanjaan (RM)	301	306	1.7

Pelawat domestik telah membelanjakan sebanyak RM92.6 bilion

²Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.

Pelawat domestik



Bilangan
pelancong
meningkat **10.9%**
pada tahun 2018

Bilangan pelawat harian pada tahun 2018 adalah seramai 143.0 juta orang dengan peningkatan sebanyak 6.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong meningkat daripada 70.5 juta orang pada tahun 2017 kepada 78.2 juta orang (Jadual 5.2).

Jadual 5.2: Bilangan pelawat domestik (juta) mengikut jenis pelawat, 2017-2018

Jenis pelawat	2017	2018	Perubahan tahunan (%)
Pelawat harian	134.9	143.0	6.0
Pelancong	70.5	78.2	10.9
Jumlah	205.4	221.3	7.7


Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Pada tahun 2018, peratus sumbangan perjalanan harian dan bermalam masing-masing adalah 66.4 peratus dan 33.6 peratus. Peratus sumbangan perjalanan bermalam meningkat sebanyak 0.5 mata peratus berbanding yang dicatatkan pada tahun 2017, iaitu 33.1 peratus (Rajah 5.1).



Sumbangan
perjalanan harian
adalah sebanyak
66.4%

Rajah 5.1: Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2017-2018




Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik pada tahun 2018 dipacu oleh pertumbuhan perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Jumlah perbelanjaan pelawat harian merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 10.8 peratus berbanding pada tahun sebelumnya. Perbelanjaan pelancong turut mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 11.7 peratus iaitu meningkat kepada RM60.4 bilion seperti yang ditunjukkan di Rajah 5.2.

Perbelanjaan
pelancongan domestik meningkat
11.4%
pada tahun 2018

Rajah 5.2: Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan 2017-2018



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK PERAK

Kedatangan pelawat

Perak menerima seramai 17.6 juta pelawat domestik pada tahun 2018 dengan penurunan sebanyak 12.7 peratus.

Sementara itu, bilangan kedatangan pelancong ke Perak pada tahun 2018 adalah seramai 7.56 juta orang. Jumlah kedatangan pelancong mencatatkan penurunan sebanyak 1.0 peratus berbanding tahun 2017 (Jadual 5.3).

Perak menerima
17.6 juta
ketibaan **pelawat domestik**
pada tahun 2018

Jadual 5.3: Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik (juta) ke Perak, 2017-2018

Jenis pelawat	2017	2018	Perubahan tahunan (%)
Pelancong	7.64	7.56	-1.0
Pelawat domestik	20.1	17.6	-12.7



**Bilangan pelancong
ke Perak menurun
1.0%
pada tahun 2018**

**2.60 juta
pelancong adalah
dari
Selangor**

**Pulau Pangkor
adalah salah satu
destinasi tumpuan
pelawat
domestik di
Perak**

Negeri asal pelancong

Jadual 5.4 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi negeri Perak pada tahun 2018. Berdasarkan survei, pelancong yang berasal dari Selangor adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 2.60 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong berasal dari negeri Perak (1.27 juta pelancong), W.P. Kuala Lumpur (0.94 juta pelancong), Negeri Sembilan (0.71 juta pelancong) dan Kedah (0.50 juta pelancong).

Jadual 5.4: Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Perak, 2018

Negeri	Pelancong (juta)
 Selangor	2.60
 Perak	1.27
 W.P. Kuala Lumpur	0.94
 Negeri Sembilan	0.71
 Kedah	0.50

Destinasi tumpuan utama pelawat domestik

Rajah 5.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Perak pada tahun 2018, iaitu Bandaraya Ipoh, Taman Tasik Taiping, Teluk Intan, Pulau Pangkor dan Lumut.

Rajah 5.3: Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Perak, 2018





BAB 6 STATISTIK AKAUN KERAJAAN

STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Hasil kerajaan persekutuan
- Perbelanjaan kerajaan persekutuan

STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

- Hasil kerajaan negeri
- Terimaan dan sumbangan daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri
- Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri
- Surplus/defisit kerajaan negeri

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI PERAK

- Hasil kerajaan negeri Perak
- Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak
- Surplus/defisit kerajaan negeri Perak
- Pihak berkuasa tempatan Perak

PERAK
2018



STATISTIK AKAUN PERSEKUTUAN DAN NEGERI



STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Hasil kerajaan persekutuan

Hasil kerajaan persekutuan pada tahun 2017 mencatatkan pertumbuhan 3.8 peratus kepada RM220.4 bilion berbanding RM212.4 bilion pada tahun 2016 (Jadual 6.1).

Berdasarkan Laporan Ekonomi 2017 yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, peningkatan itu disumbangkan oleh kutipan hasil cukai yang bertumbuh sebanyak 4.9 peratus khususnya daripada cukai pendapatan syarikat dan individu.

Secara umumnya, kerajaan memungut tiga kategori hasil iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Hasil cukai yang mewakili 81.0 peratus daripada jumlah hasil kekal sebagai penyumbang utama hasil kerajaan persekutuan.

**Hasil kerajaan
persekutuan
meningkat
3.8%
pada tahun 2017**

**Tiga kategori
hasil iaitu
hasil cukai,
hasil bukan cukai
dan terimaan
bukan hasil**

Jadual 6.1: Hasil kerajaan persekutuan, 2016-2017

Hasil	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2016	2017	
Hasil cukai	169.3	177.7	4.9
Hasil bukan cukai	40.0	39.5	-1.2
Terimaan bukan hasil	3.1	3.2	5.1
Jumlah hasil	212.4	220.4	3.8

Sumber : Kementerian Kewangan Malaysia

Perbelanjaan kerajaan persekutuan

Jumlah perbelanjaan kerajaan persekutuan pada tahun 2017 meningkat kepada RM262.6 bilion berbanding RM252.2 bilion pada tahun sebelumnya (Jadual 6.2). Peningkatan ini didorong oleh perbelanjaan mengurus yang bertumbuh sebanyak 3.6 peratus kepada RM217.7 bilion. Perbelanjaan pembangunan pula mencatatkan pertumbuhan 6.9 peratus dan meningkat kepada RM44.9 bilion berbanding RM42.0 bilion pada tahun 2016.



Perbelanjaan kerajaan persekutuan sebanyak RM262.6 bilion pada tahun 2017

Jadual 6.2: Perbelanjaan kerajaan persekutuan, 2016-2017

Perbelanjaan (RM bilion)	2016	2017
Perbelanjaan mengurus	210.2	217.7
Perbelanjaan pembangunan	42.0	44.9
Jumlah perbelanjaan	252.2	262.6

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

Hasil kerajaan negeri

Hasil dalam konteks kerajaan negeri terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang meliputi beberapa sumber seperti hasil tanah, hasil hutan, hasil daripada lesen, duti hiburan dan bayaran lain. Hasil ini akan digunakan untuk kesejahteraan rakyat termasuk membiayai kos penyelenggaraan bandar atau kawasan seperti kos mengangkut sampah, membersihkan longkang, memperindah landskap, membayar bil lampu jalan dan sebagainya.




Kerajaan negeri Sarawak mencatatkan kutipan hasil tertinggi berjumlah RM6.9 bilion pada tahun 2017

Pada tahun 2017, kerajaan negeri Sarawak mencatatkan kutipan hasil tertinggi berjumlah RM6.9 bilion iaitu meningkat sebanyak RM954.2 juta atau 16.1 peratus berbanding RM5.9 bilion pada tahun sebelumnya (Carta 6.1). Peningkatan tersebut disumbangkan terutamanya oleh hasil bukan cukai yang meningkat 15.6 peratus kepada RM5.1 bilion.

Kerajaan negeri Sabah pula merekodkan kutipan hasil kedua tertinggi berjumlah RM3.9 bilion iaitu meningkat sebanyak RM444.4 juta atau 12.9 peratus berbanding kutipan hasil pada tahun 2016 yang berjumlah RM3.4 bilion. Kenaikan ini juga didorong oleh hasil bukan cukai yang meningkat sebanyak 17.6 peratus kepada RM2.2 bilion berbanding RM1.9 bilion pada tahun 2016.

Selain itu, kutipan hasil bagi kerajaan negeri Selangor pula meningkat sejumlah RM310.4 juta atau 12.4 peratus kepada RM2.8 bilion berbanding tahun 2016 yang berjumlah RM2.5 bilion.

Carta 6.1: Kutipan hasil kerajaan negeri, 2016-2017



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Kutipan **hasil**
bagi negeri
Selangor
meningkat
sejumlah
RM310.4 juta
pada tahun 2017




Beberapa negeri juga dilihat merekodkan penurunan dalam kutipan hasil bagi tahun 2017 (Jadual 6.3). Antaranya adalah kerajaan negeri Pulau Pinang yang mencatatkan pengurangan sebanyak 26.5 peratus iaitu daripada RM1.0 bilion kepada RM0.8 bilion pada tahun 2017. Begitu juga bagi kerajaan negeri Johor, Pahang, Melaka dan Perlis yang masing-masing mencatatkan pengurangan pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 6.3: Kutipan hasil kerajaan negeri, 2016-2017

Negeri	Kutipan hasil (RM bilion)		Pertumbuhan (%)
	2016	2017	
Sarawak	5.9	6.9	16.1
Sabah	3.4	3.9	12.9
Selangor	2.5	2.8	12.4
Terengganu	1.6	2.1	29.2
Johor	1.7	1.6	-6.3
Perak	1.0	1.1	5.8
Pulau Pinang	1.0	0.8	-26.5
Kedah	0.6	0.6	5.2
Kelantan	0.5	0.6	16.9
Pahang	0.6	0.5	-12.9
Negeri Sembilan	0.4	0.4	8.7
Melaka	0.4	0.3	-9.5
Perlis	0.1	0.1	-1.2

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Kerajaan negeri Terengganu menerima sumbangan dan terimaan **tertinggi** daripada kerajaan persekutuan iaitu berjumlah **RM1.4 bilion** pada tahun 2016




Terimaan dan sumbangan daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri

Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Terengganu menerima terimaan dan sumbangan tertinggi daripada kerajaan persekutuan iaitu berjumlah RM1.4 bilion pada tahun 2016 (Carta 6.2). Pemberian dan tunggakan dana khas sebanyak RM1,270 juta mendorong kepada peningkatan ini. Selain itu, pemberian dan terimaan 50 peratus perbelanjaan mengurus jabatan di bawah senarai bersama (Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Jabatan Pengairan dan Saliran & Jabatan Kebajikan Masyarakat) mencatat sebanyak RM50.6 juta juga turut mempengaruhi jumlah terimaan di negeri Terengganu.

Selain itu, kerajaan negeri Sabah dan Pulau Pinang masing-masing mencatatkan terimaan dan sumbangan daripada kerajaan persekutuan sebanyak RM412.9 juta dan RM274.6 juta.

Carta 6.2: Terimaan dan sumbangan daripada kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri, 2016



Sumber: Belanjawan Negeri 2016

Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri


Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus. Pada tahun 2017, kerajaan negeri Sarawak mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi berjumlah RM5.8 bilion berbanding RM5.6 bilion pada tahun sebelumnya dengan peratus perubahan sebanyak 4.4 peratus (Carta 6.3). Perbelanjaan mengurus bagi kerajaan negeri Sarawak didominasi oleh peningkatan dalam perbelanjaan aset dan emolumen.

Selain itu, perbelanjaan mengurus bagi kerajaan negeri Sabah pula mencatatkan peningkatan daripada RM3.4 bilion kepada RM3.8 bilion iaitu meningkat sejumlah RM454.4 juta atau 13.5 peratus. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh perbelanjaan-perbelanjaan lain yang mencatatkan perubahan sebanyak 47.2 peratus.

Walau bagaimanapun, dua negeri mencatatkan penurunan dalam perbelanjaan mengurus iaitu kerajaan negeri Pulau Pinang dan Pahang dengan masing-masing merekodkan sebanyak RM0.7 bilion dan RM0.6 bilion pada tahun 2017.



Carta 6.3: Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2016-2017



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Surplus/defisit kerajaan negeri

Penyata Akaun Hasil Disatukan menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Secara keseluruhannya, analisis mendapati bahawa kerajaan negeri Sarawak mencatatkan surplus sejumlah RM1.1 bilion pada tahun 2017 berbanding surplus sejumlah RM346.2 juta pada tahun 2016 (Carta 6.4). Surplus ini didorong oleh peningkatan hasil sebanyak RM6.9 bilion pada tahun 2017.

Kerajaan negeri Terengganu juga merekodkan surplus semasa berjumlah RM173.1 juta berbanding defisit RM262.3 juta pada tahun 2016, dengan peningkatan RM435.4 juta atau 165.9 peratus.

Sarawak
mencatatkan
surplus tertinggi
pada tahun 2017






Lima negeri
mencatatkan **defisit**
pada tahun 2017

Selain itu, kerajaan negeri Sabah mencatatkan surplus berjumlah RM56.7 juta pada tahun 2017 berbanding RM66.6 juta pada tahun sebelumnya. Surplus ini dipacu oleh peningkatan dalam kutipan hasil yang meningkat sebanyak RM444.4 juta pada tahun 2017.

Sementara itu, terdapat lima negeri yang mencatatkan defisit pada tahun 2017. Antaranya ialah kerajaan negeri Selangor, Pahang, Kedah, Perlis dan Melaka.

Carta 6.4: Surplus/defisit mengikut negeri, 2016-2017 - RM juta



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

PBT diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang merupakan medium atau perantara di antara kerajaan negeri dan rakyat. Peranannya adalah menyediakan perkhidmatan serta memastikan setiap polisi terlaksana secara adil untuk semua peringkat masyarakat. Terdapat tiga kategori PBT di Malaysia iaitu dewan/majlis bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah. Sebanyak 149 PBT (termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur), iaitu 14 dewan/majlis bandaraya (DB/MB), 40 majlis perbandaran (MP) dan 95 majlis daerah (MD) dengan fungsi, tugas atau bidang kuasa yang berbeza antara satu sama lain. Terdapat juga beberapa badan lain yang diberi kuasa oleh kerajaan negeri masing-masing untuk melaksanakan fungsi PBT seperti PBT Hi-Tech Kulim, Perbadanan Putrajaya dan sebagainya.

Pihak berkuasa tempatan terbahagi kepada tiga iaitu dewan/ majlis bandaraya, majlis perbandaran & majlis daerah



Prestasi kewangan PBT

Prestasi kewangan PBT diukur berdasarkan pendapatan yang diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran. Kutipan cukai taksiran ini lazimnya akan dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya. Berikut adalah PBT yang memperoleh pendapatan tertinggi mengikut tiga kategori PBT iaitu majlis bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah:

a. Dewan/majlis bandaraya

Daripada keseluruhan 14 majlis bandaraya, 10 majlis bandaraya telah mencatatkan prestasi kewangan tertinggi yang melibatkan pihak berkuasa tempatan daripada W.P. Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Secara umumnya, terdapat tujuh majlis bandaraya mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2017. Namun, tiga majlis bandaraya memperlihatkan prestasi yang lebih rendah yang terdiri daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dan Majlis Bandaraya Kuching Selatan seperti di Carta 6.5.

Melihat daripada aspek pendapatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merekodkan pendapatan tertinggi sebanyak RM3.2 bilion dengan pertumbuhan 0.3 peratus pada tahun 2017. Selain itu, dua majlis bandaraya di Selangor iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya mencatatkan pendapatan sebanyak RM442.2 juta dan RM385.1 juta.


Tujuh majlis bandaraya mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2017





DBKL
merekodkan pendapatan
tertinggi iaitu
RM3.2 bilion
pada tahun 2017

Carta 6.5: Prestasi kewangan 10 dewan/majlis bandaraya tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2016-2017



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Di Johor pula, Majlis Bandaraya Johor Bahru memperoleh pendapatan sebanyak RM362.3 juta dengan pertumbuhan positif 15.2 peratus, manakala Majlis Bandaraya Iskandar Puteri mengalami pertumbuhan negatif 2.8 peratus (2017: RM218.2 juta).

Pada masa yang sama, Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Ipoh memperoleh pendapatan sebanyak RM358.7 juta (-8.2%) dan RM246.1 juta (17.4%) pada tahun 2017. Prestasi kewangan bagi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu turut meningkat pada tahun 2017 dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 24.2 peratus (RM199.8 juta) dan 2.0 peratus (RM131.2 juta).


b. Majlis perbandaran

Daripada keseluruhan 40 majlis perbandaran, 10 majlis perbandaran dengan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan negeri Selangor, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan dan Pahang (Carta 6.6).

Pada tahun 2017, Majlis Perbandaran Selayang memperoleh pendapatan tertinggi iaitu RM290.0 juta (2016: RM161.1 juta) dengan pertumbuhan sebanyak 80.0 peratus. Pada masa yang sama, terdapat lima majlis perbandaran di Selangor turut mencatatkan prestasi kewangan yang baik iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya



Carta 6.6: Prestasi kewangan 10 majlis perbandaran tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2016-2017



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

(4.5%), Majlis Perbandaran Klang (2.4%), Majlis Perbandaran Kajang (6.7%), Majlis Perbandaran Sepang (6.2%) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (6.5%). Sementara itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai pula mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.6 peratus dengan perolehan pendapatan sebanyak RM262.9 juta pada tahun 2017 (2016: RM237.7 juta).

Melihat prestasi kewangan di selatan, Majlis Perbandaran Pasir Gudang merekodkan perolehan pendapatan yang kukuh dengan pertumbuhan sebanyak 26.6 peratus (2017: RM 171.2 juta). Di Negeri Sembilan pula, Majlis Perbandaran Seremban turut menunjukkan prestasi kewangan yang baik dengan merekodkan perolehan sebanyak RM128.6 juta pada tahun 2017 berbanding RM116.8 juta pada tahun sebelumnya.

MP Selayang memperoleh **pendapatan paling tinggi** di kalangan **majlis perbandaran** pada tahun 2017



MP Pasir Gudang menunjukkan **peningkatan pendapatan** sebanyak **26.6%** pada tahun 2017

Empat majlis daerah di Selangor telah merekodkan prestasi kewangan tertinggi




c. Majlis daerah

Daripada 95 majlis daerah, 10 majlis daerah menunjukkan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan negeri Selangor, Johor, Sabah, Kedah dan Perak.

Terdapat empat majlis daerah di Selangor merekodkan prestasi kewangan yang baik, antaranya Majlis Daerah Hulu Selangor dengan pendapatan sebanyak RM83.5 juta pada tahun 2017 (2016: RM82.5 juta) seperti pada Carta 6.7. Ini diikuti oleh Majlis Daerah Kuala Langat (RM63.2 juta), Majlis Daerah Kuala Selangor (RM61.6 juta) dan Majlis Daerah Sabak Bernam (RM22.1 juta).

Carta 6.7: Prestasi kewangan 10 majlis daerah tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2016-2017



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Sementara itu, Majlis Daerah Pontian, Majlis Daerah Segamat dan Majlis Daerah Tangkak juga merekodkan prestasi kewangan yang positif pada tahun 2017 dengan masing-masing merekodkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 15.5 peratus, 18.5 peratus dan 21.1 peratus.

Pada masa yang sama, Majlis Daerah Kubang Pasu memperlihatkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 39.8 peratus dengan perolehan pendapatan RM30.0 juta pada tahun 2017. Pertumbuhan yang kukuh ini juga dicatatkan oleh Majlis Daerah Penampang iaitu 35.8 peratus dengan pendapatan sebanyak RM30.4 juta pada tahun 2017 (2016: RM22.4 juta).





STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI PERAK




Hasil kerajaan negeri Perak

Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pada tahun 2017, kutipan hasil kerajaan negeri Perak adalah sebanyak RM1,070.3 juta berbanding RM1,011.5 juta pada tahun 2016. Peningkatan tersebut didorong oleh kutipan hasil cukai yang merupakan penyumbang terbesar hasil kerajaan negeri dengan sumbangan sebanyak 44.8 peratus seperti pada Carta 6.8.

Perak
memperoleh hasil
berjumlah
RM1,070.3 juta
pada tahun 2017


Carta 6.8: Kutipan hasil kerajaan negeri Perak, 2017



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Kutipan hasil kerajaan negeri Perak menunjukkan peningkatan daripada tahun 2010 hingga 2017. Tahun 2017 merupakan tahun perolehan hasil tertinggi dalam tempoh tujuh tahun dengan kutipan hasil sebanyak RM1,070.3 juta (Carta 6.9).

Carta 6.9: Siri masa hasil kerajaan negeri Perak, 2010-2017



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Cukai tanah
berjumlah
RM305.7 juta
merupakan
penyumbang utama
hasil yang
tertinggi di
Perak
pada tahun 2017

Hasil kerajaan negeri Perak disumbangkan oleh lima sumber utama dengan sumbangan tertinggi melalui cukai tanah yang mencatat perolehan RM305.7 juta dan diikuti perolehan daripada jualan barang-barang sebanyak RM203.3 juta. Tiga lagi sumber hasil yang menyumbang kepada pendapatan kerajaan negeri Perak adalah terimaan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain, royalti dan lesen, bayaran pendaftaran dan permit (Jadual 6.4).

Jadual 6.4: Perbandingan penyumbang utama hasil kerajaan Perak, 2016-2017

Penyumbang utama hasil	RM juta	
	2016	2017
Cukai tanah	285.4	305.7
Perolehan daripada jualan barang-barang	175.3	203.3
Terimaan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain	153.0	145.3
Royalti	133.4	138.9
Lesen, bayaran pendaftaran dan permit	66.4	57.2
Jumlah	813.5	850.4

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2017 berjumlah RM1,172.1 juta. Sejumlah RM1,066.7 juta atau 91.0 peratus telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan.


Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak telah meningkat sejumlah RM58.0 juta atau 5.7 peratus iaitu daripada RM1,008.7 juta pada tahun 2016 kepada RM1,066.7 juta pada tahun 2017 (Carta 6.10).

Perbelanjaan emolumen dan aset masing-masing meningkat sebanyak RM10.2 juta dan RM1.7 juta. Selain itu, perbelanjaan bagi pemberian dan kenaikan bayaran tetap serta perbelanjaan lain juga menunjukkan peningkatan masing-masing sejumlah RM54.5 juta dan RM0.1 juta manakala perbelanjaan bagi perkhidmatan dan bekalan menunjukkan penurunan pada tahun 2017 seperti di Jadual 6.5.



Perbelanjaan
mengurus
meningkat
RM58.0 juta
pada tahun 2017

Carta 6.10: Siri masa perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak, 2010-2017



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Jadual 6.5: Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri Perak, 2016-2017

Bil	Butiran perbelanjaan	RM juta		Perubahan	
		2016	2017	RM juta	%
1	Emolumen	320.2	330.4	10.2	3.2
2	Perkhidmatan dan bekalan	243.3	234.7	-8.6	-3.5
3	Aset	10.2	11.9	1.7	16.8
4	Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	433.6	488.1	54.5	12.6
5	Perbelanjaan lain	1.5	1.6	0.1	6.7
Jumlah		1,008.7	1,066.7	58.0	5.7

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Surplus/defisit kerajaan negeri Perak

Kerajaan negeri Perak mengakhiri tahun kewangan 2017 dengan surplus semasa berjumlah RM3.7 juta iaitu peningkatan sebanyak RM0.8 juta atau 31.1 peratus berbanding surplus berjumlah RM2.8 juta pada tahun 2016.

Jadual 6.6: Surplus/defisit kerajaan negeri Perak, 2016-2017


Butiran	RM juta		Perubahan	
	2016	2017	RM juta	%
Hasil	1,011.5	1,070.3	58.8	5.8
Perbelanjaan mengurus	1,008.7	1,066.7	58.0	5.7
Surplus/defisit	2.8	3.7	0.8	31.1

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



Kerajaan negeri Perak mencatatkan surplus sebanyak RM3.7 juta pada tahun 2017

PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI PERAK



Petunjuk:



Jumlah penduduk 2018 ('000)



Pihak berkuasa tempatan



Pendapatan PBT

Nota:

Data di peringkat daerah pentadbiran merujuk kepada unjuran penduduk yang berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

Data Penduduk telah dibundarkan kepada ribu terhampir.

Pihak berkuasa tempatan Perak

Pada tahun 2017, PBT di Perak memperoleh pendapatan secara keseluruhan berjumlah RM551.1 juta berbanding RM473.5 juta pada tahun 2016, iaitu pertambahan sebanyak RM77.6 juta ataupun 16.4 peratus (Jadual 6.7). Dalam tempoh yang sama, perbelanjaan keseluruhan PBT di Perak juga meningkat daripada RM458.0 juta kepada RM488.0 juta pada tahun 2017 iaitu pertumbuhan sebanyak RM30.0 juta ataupun 6.6 peratus. Jumlah pendapatan melebihi perbelanjaan meletakkan kedudukan kewangan keseluruhan bagi PBT di Perak pada kadar surplus berjumlah RM63.1 juta.

Dalam kumpulan majlis bandaraya, Majlis Bandaraya Ipoh merekodkan perolehan pendapatan tertinggi pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM246.1 juta. Ia merupakan peningkatan sebanyak RM36.5 juta atau 17.4 peratus berbanding tahun 2016. Dari aspek perbelanjaan, Majlis Bandaraya Ipoh telah merekodkan perbelanjaan sebanyak RM200.7 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan perbelanjaan sebanyak RM7.3 juta atau 3.8 peratus berbanding tahun sebelumnya.



**PBT Perak
memperoleh
pendapatan
berjumlah
RM551.1 juta
pada tahun 2017**

Jadual 6.7: Kedudukan kewangan PBT Perak, 2016-2017 - RM juta

Pihak berkuasa tempatan	2016			2017		
	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit
Majlis Bandaraya Ipoh	209.6	193.5	16.2	246.1	200.7	45.4
Majlis Daerah Batu Gajah	17.6	18.1	-0.5	18.8	20.0	-1.2
Majlis Daerah Gerik	6.1	6.3	-0.1	7.2	7.3	-0.1
Majlis Daerah Kampar	18.3	18.1	0.2	20.0	21.4	-1.5
Majlis Daerah Kerian	17.3	16.9	0.4	22.5	17.8	4.7
Majlis Daerah Lenggong	4.5	4.6	-0.1	5.2	5.0	0.2
Majlis Daerah Pengkalan Hulu	4.6	4.3	0.3	4.4	4.8	-0.4
Majlis Daerah Perak Tengah	11.1	10.0	1.1	12.1	13.1	-1.1
Majlis Daerah Selama	4.6	4.6	0.0	5.2	5.0	0.1
Majlis Daerah Tanjong Malim	15.2	15.8	-0.6	15.4	16.7	-1.3
Majlis Daerah Tapah	13.9	11.0	2.9	14.0	12.8	1.2
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	22.0	23.0	-0.9	25.0	22.8	2.3
Majlis Perbandaran Manjung	58.9	57.2	1.7	80.9	64.0	16.8
Majlis Perbandaran Taiping	45.7	48.7	-3.0	47.7	48.7	-1.0
Majlis Perbandaran Teluk Intan	24.0	26.0	-2.0	26.7	27.8	-1.1
Jumlah	473.5	458.0	15.5	551.1	488.0	63.1

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



**Dua buah majlis
perbandaran
mencatatkan defisit
kewangan pada tahun
2017**

Dalam kumpulan majlis perbandaran, Majlis Perbandaran Manjung merekodkan perolehan pendapatan tertinggi pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM80.9 juta di dorong oleh sumbangan daripada agensi kerajaan dan terimaan lain. Ia merupakan peningkatan sebanyak RM22.0 juta atau 37.2 peratus berbanding tahun 2016 yang juga merupakan pertumbuhan pendapatan tertinggi di kalangan Majlis Perbandaran Perak pada tahun 2017. Dari aspek perbelanjaan pula, Majlis Perbandaran Manjung turut mencatatkan nilai perbelanjaan tertinggi iaitu berjumlah RM64.0 juta. Jumlah tersebut merupakan peningkatan sebanyak RM6.8 juta atau 11.9 peratus berbanding tahun 2016.

Prestasi kedudukan kewangan bagi majlis perbandaran di Perak pula memperlihatkan dua buah majlis perbandaran mencatatkan defisit kewangan pada tahun 2017 kecuali Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar. Surplus tertinggi direkodkan oleh Majlis Perbandaran Manjung iaitu berjumlah RM16.8 juta. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar pula mencatatkan pemulihan dalam kedudukan kewangan, iaitu defisit kepada surplus daripada RM0.9 juta kepada RM2.3 juta pada tahun 2017.

Dalam kumpulan majlis daerah di Perak, Majlis Daerah Kerian merekodkan surplus tertinggi berjumlah RM4.7 juta dan ia merupakan peningkatan lebih kewangan sebanyak RM4.3 juta berbanding tahun 2016. Defisit terendah direkodkan oleh Majlis Daerah Pengkalan Hulu berjumlah RM0.4 juta.

**Kutipan cukai
taksiran di Perak
berjumlah
RM243.7 juta**




Sebahagian daripada pendapatan bagi PBT di Perak diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran ke atas penduduk. Sehingga akhir tahun 2017, PBT di Perak telah mengutip cukai taksiran berjumlah RM243.7 juta. Cukai taksiran merupakan cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan menjadi penyumbang utama kepada hasil pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya. Hasil cukai taksiran ini meningkat sejumlah RM11.1 juta atau 4.6 peratus berbanding hasil cukai taksiran bagi tahun 2016.

Bagi kumpulan majlis bandaraya, Majlis Bandaraya Ipoh telah mengutip sebanyak RM130.0 juta hasil cukai taksiran pada tahun 2017 dan merupakan peningkatan hasil kutipan sebanyak RM6.6 juta atau 5.3 peratus (Carta 6.11).



Carta 6.11: Hasil cukai taksiran PBT Perak, 2016-2017



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Bagi kumpulan majlis perbandaran, kesemua majlis perbandaran di Perak mencatatkan peningkatan dalam jumlah hasil kutipan cukai taksiran pada tahun 2017. Sejumlah RM36.6 juta telah dikutip oleh Majlis Perbandaran Manjung iaitu jumlah tertinggi bagi kumpulan tersebut. Bagi kumpulan majlis daerah pula, perolehan cukai taksiran tertinggi direkodkan oleh Majlis Daerah Kampar iaitu sebanyak RM10.5 juta berbanding RM10.2 juta pada tahun sebelumnya.

Kesemua MP di Perak mencatatkan peningkatan dalam jumlah hasil kutipan cukai taksiran pada tahun 2017.

BAB 7 NOTA TEKNIKAL

- **AKAUN NEGARA**
- **INDEKS HARGA PENGGUNA**
- **PENDUDUK**
- **TENAGA BURUH**
- **PELANCONGAN DOMESTIK**

PERAK
2018



AKAUN NEGARA

KONSEP

1. PENGENALAN

DEFINISI

Penyusunan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut Negeri di Malaysia merangkumi 13 buah negeri, W.P. Kuala Lumpur (termasuk W.P. Putrajaya) dan W.P. Labuan. Penerbitan ini menyediakan anggaran tahunan pada harga malar 2015 bagi tahun 2015 hingga 2018 mengikut kaedah pengeluaran. Konsep dan kaedah yang digariskan adalah berasaskan 2008 SNA yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

2. KONSEP KELUARAN DALAM NEGERI KASAR

KDNK boleh diukur dengan menggunakan tiga kaedah iaitu, kaedah pengeluaran (penjumlahan nilai ditambah), perbelanjaan (penjumlahan perbelanjaan akhir) dan pendapatan (penjumlahan pendapatan yang diagihkan oleh unit pengeluar residen). Walau bagaimanapun, penerbitan ini hanya menumpu kepada kaedah pengeluaran sahaja.

Pada asasnya KDNK ialah konsep nilai ditambah. Ia adalah jumlah nilai ditambah bagi semua pengeluar residen ditambah dengan cukai dan ditolak subsidi atas produk yang tidak termasuk dalam pengiraan output.

2.1 Pendekatan pengeluaran

KDNK berasaskan pendekatan pengeluaran (output) boleh didefinisikan sebagai jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di Malaysia setelah ditolak dengan barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran (penggunaan perantaraan) sebelum ditolak penggunaan modal tetap.

Kaedah ini turut dikenali sebagai kaedah nilai ditambah kerana ia bersamaan dengan penjumlahan nilai ditambah iaitu jumlah perbezaan di antara nilai output kasar unit pengeluaran residen (yang diukur dalam harga pengeluar) dengan nilai penggunaan perantaraan (yang diukur dalam nilai pembeli) dan ditambah dengan duti import. Perbezaan di antara output kasar dengan penggunaan perantaraan adalah nilai ditambah. Kaedah ini akan dapat menunjukkan sumbangan setiap aktiviti ekonomi terhadap keseluruhan KDNK.

Unit pengeluaran dianggap sebagai residen yang mana individu atau isi rumah yang tinggal atau menetap di sesebuah negeri bagi tempoh tidak kurang dari satu tahun, manakala bagi pertubuhan pula ialah apabila ia mengekalkan pusat

AKAUN NEGARA

KONSEP

DEFINISI

kepentingan ekonominya di wilayah ekonomi negeri tersebut sepanjang tempoh rujukan berkenaan. Wilayah ekonomi adalah terdiri daripada mana-mana kawasan geografi yang ditadbir oleh kerajaan negeri, di mana orang, barang, perkhidmatan, dan modal adalah bergerak secara bebas. KDNK pada harga pasaran/pembeli mewakili keputusan akhir daripada aktiviti pengeluaran oleh unit pengeluar residen.

Sesuatu unit institusi dianggap residen bagi sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya perkaitan yang kuat antara unit institusi tersebut di wilayah ekonomi tertentu, dengan kata lain pusat kepentingan ekonomi utama (2008 SNA).

2.2 Pusat kepentingan ekonomi utama

Pusat kepentingan ekonomi utama merangkumi kawalan efektif sesebuah kerajaan negeri terhadap aktiviti ekonomi yang dilakukan khususnya ke atas hak pemilikan. Wilayah ekonomi adalah termasuk tanah, ruang udara, pengairan, hak ke atas perikanan, minyak atau mineral. Biasanya, kawalan efektif kerajaan negeri boleh dilihat melalui pemberian lesen, kawalan operasi dan sebagainya.

Sesuatu unit institusi mempunyai pusat kepentingan ekonomi yang dominan dalam sesebuah wilayah ekonomi apabila wujudnya lokasi, tempat kediaman, tempat pengeluaran atau lain-lain premis. Setiap unit tersebut terlibat dalam aktiviti ekonomi dan transaksi berskala besar bagi satu tempoh masa yang panjang.

Berdasarkan 2008 SNA, terdapat tiga jenis unit institusi iaitu yang mempunyai pusat kepentingan ekonomi dan kebanyakan aktiviti adalah di dalam lingkungan satu wilayah; unit pelbagai wilayah dengan pusat kepentingannya di beberapa wilayah tetapi bukan seluruh negara; dan unit yang beroperasi pada peringkat nasional, iaitu pusat kepentingannya tidak boleh dikaitkan dengan kedudukan geografi (negeri Supra).

2.3 Negeri Supra

Negeri Supra pada peringkat negeri adalah bersamaan dengan organisasi luar wilayah pada peringkat nasional. Di Malaysia, negeri Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri.

AKAUN NEGARA

KONSEP

2.4 KDNK pada harga malar

DEFINISI

KDNK pada harga malar adalah nilai KDNK tanpa kesan harga berdasarkan tingkat harga terpilih pada tahun rujukan/asas. Sebagai satu kaedah mengukur pengeluaran, KDNK mengukur jumlah nilai pengeluaran barangan dan perkhidmatan oleh residen sesebuah negara dalam tempoh tertentu sebelum ditolak peruntukan untuk penggunaan modal tetap.

Pengukuran nilai barangan dan perkhidmatan dalam bentuk wang (Ringgit Malaysia) bergantung kepada perubahan harga dan kuantiti. Pengasingan kesan harga daripada penganggaran nilai adalah penting bagi membolehkan perbandingan sebenar iaitu perubahan tingkat/kuantiti barang dan perkhidmatan yang berlaku dalam aktiviti ekonomi dapat diukur.

Kaedah deflasi terbahagi kepada deflasi tunggal dan deflasi berganda digunakan untuk mendapatkan siri harga malar. Kaedah deflasi tunggal mengeluarkan pengaruh harga daripada output atau input yang telah dianggarkan manakala kaedah deflasi berganda pula mengeluarkan pengaruh harga daripada kedua-dua output dan input. Oleh yang demikian, nilai ditambah adalah perbezaan daripada hasil tolak output dan input. Kaedah deflasi berganda digunakan secara meluas dalam KDNK bagi kaedah pengeluaran.

3. SKOP DAN LIPUTAN

Penyusunan KDNK mengikut negeri mengguna pakai *MSIC 2008 Ver. 1.0* sebagai asas penyusunan. Ini adalah sejajar dengan liputan banci dan penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. *MSIC 2008 Ver. 1.0* adalah berasaskan *ISIC Rev. 4*. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penyusunan ini, aktiviti ekonomi telah diagregatkan mengikut kesediaan data.

4. SEMAKAN DAN PENYELARASAN

KDNK Negeri bagi tahun 2016 telah dimuktamadkan berdasarkan data terkini antaranya penyiasatan tahunan dan penyata kewangan syarikat.

Bagi tahun 2017, semakan adalah berdasarkan data terkini banci/penyiasatan tahunan/dwi tahunan dan akaun syarikat/perusahaan individu.

AKAUN NEGARA

KONSEP

DEFINISI

Penyusunan bagi tahun 2018 adalah berdasarkan maklumat terkini seperti penyiasatan suku tahunan dan data sekunder daripada pelbagai agensi.

5. EKSPORT DAN IMPORT

Pintu keluar dan masuk.

Pintu keluar dan masuk merujuk kepada laluan untuk keluar atau masuk dari negara ini sama ada melalui laut, udara atau tanah (termasuk saluran paip dan kabel).

Nilai eksport atau import mengikut negeri berdasarkan pintu keluar dan masuk tidak menggambarkan eksport atau import oleh negeri berkenaan sebaliknya hanya melalui pintu keluar dan masuk di negeri tersebut sahaja. Sebagai contoh, sesuatu barangan mungkin dikeluarkan oleh syarikat di negeri A dan dieksport melalui pintu keluar di negeri B. Berdasarkan pintu keluar dan masuk, nilai eksport tersebut akan dilaporkan oleh negeri B.

Nilai eksport atau import mengikut pintu keluar dan masuk tidak dilaporkan bagi negeri yang mempunyai kurang daripada tiga pintu keluar dan masuk.

INDEKS HARGA PENGGUNA

KONSEP

1. INDEKS HARGA PENGGUNA

DEFINISI

IHP mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi “bakul” tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. “Bakul” ini merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kualiti dan kuantiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang berada lama atau boleh di ukur secara berterusan di pasaran berbanding dengan masa. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja, iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut.

Barangan dan perkhidmatan yang diliputi dalam “bakul” ini adalah luas, dikelaskan berpandu kepada United Nations “*Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)*” dalam dua belas kumpulan berikut:

- Makanan dan minuman bukan beralkohol
- Minuman beralkohol dan tembakau
- Pakaian dan kasut
- Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain
- Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah
- Kesihatan
- Pengangkutan
- Komunikasi
- Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan
- Pendidikan
- Restoran dan hotel
- Pelbagai barangan dan perkhidmatan

PENDUDUK

KONSEP

DEFINISI

1. PENDUDUK

1.1 Pertumbuhan penduduk

Pertumbuhan penduduk adalah perubahan penduduk sejajar dengan perubahan masa dan boleh dikira sebagai perubahan bilangan individu dalam penduduk menggunakan "per unit masa" sebagai pengukuran.

Formula:

$$\text{Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan} = \frac{1}{n} \ln \frac{P_{t+n}}{P_t} \times 100$$

di mana

P_t	=	bilangan penduduk pada tahun t
P_{t+n}	=	bilangan penduduk pada tahun $t+n$
n	=	bilangan tahun; dan
$\ln$	=	logaritma asli

1.2 Kepadatan penduduk

Kepadatan penduduk sekilometer persegi telah dikira sebagai nisbah bilangan penduduk sesuatu kawasan geografi kepada keluasan dalam kilometer persegi bagi kawasan yang sama.

1.3 Agama

Merujuk kepada pengenalan atau perkaitan seseorang individu kepada satu set atau sistem kepercayaan dan amalan kepercayaan tersebut.

1.4 Etnik

Pengelasan etnik adalah seperti berikut:

Malaysia dan Semenanjung Malaysia	Sabah dan W. P. Labuan	Sarawak
Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia	Warganegara Malaysia
Bumiputera Melayu	Bumiputera Melayu	Bumiputera Melayu
Bumiputera Lain	Kadazan/ Dusun	Iban
	Bajau	Bidayuh
	Murut	Melanau
	Bumiputera Lain	Bumiputera Lain
Cina	Cina	Cina
India	India	India
Lain-lain	Lain-lain	Lain-lain
Bukan Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara Malaysia	Bukan Warganegara Malaysia

PENDUDUK

KONSEP

DEFINISI

1.5 Anggaran penduduk antara banci

Anggaran penduduk antara banci adalah anggaran penduduk bagi tarikh rujukan antara dua banci dan merupakan data siri masa anggaran penduduk yang muktamad. Data ini diselaraskan semula bagi setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan menggunakan set data kelahiran dan kematian muktamad. Kaedah yang digunakan adalah kaedah ketakatan ke hadapan dan ketakatan berbalik.

1.6 Anggaran penduduk semasa

Anggaran penduduk semasa merujuk kepada saiz penduduk semasa di sesuatu kawasan. Anggaran ini dikira setiap tahun dan kaedah yang digunakan adalah kaedah komponen kohort iaitu pengiraannya berdasarkan perubahan komponen penduduk iaitu kelahiran, kematian serta migrasi dalaman dan antarabangsa bagi tahun semasa. Anggaran ini memberi gambaran tentang pertumbuhan dan perubahan penduduk dari segi struktur dan komposisinya.

1.7 Unjuran penduduk

Unjuran penduduk adalah anggaran penduduk yang diunjurkan untuk masa depan. Unjuran ini dikira setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan. Kaedah komponen kohort yang terdiri daripada kelahiran, kematian dan migrasi bersih digunakan dalam membuat unjuran ini. Unjuran penduduk memberi gambaran tentang kemungkinan perubahan penduduk berdasarkan andaian kelahiran, kematian, migrasi dalaman dan antarabangsa masa depan.

1.8 Nisbah jantina

Merujuk kepada bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

1.9 Umur penengah

Umur penengah ialah umur yang membahagikan taburan penduduk kepada dua kumpulan yang sama saiznya, di mana separuh daripadanya berada di bawah umur ini, manakala separuh lagi melebihi umur tersebut.

PENDUDUK

KONSEP

DEFINISI

1.10 Jumlah nisbah tanggungan

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Jumlah nisbah tanggungan} = \frac{(\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun} + \text{bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih}) \text{ dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun, } t} \times 100$$

1.11 Nisbah tanggungan umur muda

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Nisbah tanggungan umur muda} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun, } t} \times 100$$

1.12 Nisbah tanggungan umur tua

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

Formula:

$$\text{Nisbah tanggungan umur tua} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun, } t} \times 100$$

PENDUDUK

KONSEP

1.13 Penduduk tua

DEFINISI

Kategori penuaan adalah seperti berikut:

Berdasarkan *United Nations (UN)*, penuaan dikategorikan mengikut tiga kumpulan iaitu:

- i. *Ageing society* - apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai tujuh peratus daripada jumlah penduduk.
- ii. *Aged society* - apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 14 peratus daripada jumlah penduduk.
- iii. *Super-aged society* - apabila penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai 20 peratus daripada jumlah penduduk.

Berdasarkan *World Health Organisation (WHO)*, sesebuah negara akan menjadi *Ageing society* apabila penduduk berumur 60 tahun dan lebih mencapai 10 peratus daripada jumlah penduduk. Tafsiran ini turut digunapakai oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Institut Gerontologi UPM.

Jabatan Perangkaan Malaysia menggunakan definisi daripada UN disebabkan penduduk dalam kumpulan umur 15-64 tahun adalah kumpulan yang bekerja.

2. PERANGKAAN PENTING

2.1 Kelahiran hidup

Merujuk kepada kelahiran yang bernyawa semasa dilahirkan walaupun hanya seketika.

Formula:

$$\text{Kadar kelahiran kasar} = \frac{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun, } t}{\text{Penduduk pertengahan tahun dalam tahun, } t} \times 1,000$$

PENDUDUK

KONSEP

DEFINISI

2.2 Kelahiran mati

Merujuk kepada kelahiran selepas kehamilan 28 minggu atau lebih yang tiada tanda bernyawa semasa dilahirkan.

Formula:

$$\text{Kadar kelahiran mati} = \frac{\text{Bilangan kelahiran mati dalam tahun, } t}{(\text{Bilangan kelahiran hidup} + \text{bilangan kelahiran mati}) \text{ dalam tahun, } t} \times 1,000$$

2.3 Purata umur ibu pada kelahiran pertama

Merujuk kepada purata umur ibu yang melahirkan anak pertama.

2.4 Kadar kesuburan umur tertentu

Merujuk kepada bilangan kelahiran oleh ibu-ibu bagi kumpulan umur tertentu dalam sesuatu tahun, bagi setiap seribu perempuan dalam kumpulan umur berkenaan.

Formula:

$$\text{Kadar kesuburan umur tertentu} = \frac{\text{Bilangan kelahiran hidup mengikut kumpulan umur ibu tertentu dalam tahun, } t}{\text{Penduduk perempuan pertengahan tahun bagi kumpulan umur tertentu dalam tahun, } t} \times 1,000$$

2.5 Kadar kesuburan jumlah

Merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup sehingga akhir tempoh reproduktifnya dan di sepanjang tempoh itu tertakluk kepada kadar kesuburan umur tertentu bagi sesuatu tahun.

[Kadar ini diperoleh dengan menjumlahkan kadar kesuburan umur tertentu perempuan yang berumur 15-49 tahun (mengikut kumpulan umur lima tahun) dan didarabkan dengan 5].

PENDUDUK

KONSEP

DEFINISI

Formula:

$$\text{Kadar kesuburan} = 5 \sum_i (\text{kadar kesuburan umur tertentu})$$

jumlah

di mana: $i = (15-19), (20-24), \dots, (45-49)$

2.6 Kematian bayi

Merujuk kepada kematian bayi yang berumur kurang daripada 1 tahun.

Formula:

$$\text{Kadar mortaliti bayi} = \frac{\text{Bilangan kematian umur kurang daripada 1 tahun dalam tahun, } t}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun, } t} \times 1,000$$

2.7 Kematian ibu bersalin

Merujuk kepada kematian seorang wanita yang hamil, ketika melahirkan anak sehingga 42 hari selepas melahirkan anak atau keguguran akibat daripada proses kehamilan dan pengendaliannya atau penyakit-penyakit yang menjejaskan kesihatan ibu dan bukan dari penyebab-penyebab kemalangan atau kebetulan.

Formula:

$$\text{Nisbah mortaliti ibu bersalin} = \frac{\text{Bilangan kematian yang disebabkan oleh kesulitan semasa hamil atau semasa melahirkan anak atau kematian dalam tempoh 42 hari selepas bersalin dalam tahun, } t}{\text{Bilangan kelahiran hidup dalam tahun, } t} \times 100,000$$

PENDUDUK

KONSEP

2.8 Kadar kematian
umur tertentu

DEFINISI

Merujuk kepada purata kematian bagi setiap seribu penduduk mengikut umur tertentu.

Formula:

$$\text{Kadar kematian umur tertentu} = \frac{\text{Bilangan kematian mengikut kumpulan umur tertentu dalam tahun, } t}{\text{Bilangan penduduk pertengahan tahun bagi kumpulan umur tertentu dalam tahun, } t} \times 1,000$$

2.9 Pengesahan
sebab kematian

Maklumat sebab kematian terbahagi kepada dua iaitu sebab kematian yang disahkan dan tidak disahkan secara perubatan. Sebab kematian yang disahkan merujuk kepada pengesahan yang dibuat oleh pegawai perubatan dan koroner sahaja. Sebab kematian yang tidak disahkan merujuk kepada pengesahan yang dibuat oleh pengesah yang tidak mempunyai kelayakan perubatan seperti polis atau orang perseorangan.

3. JANGKAAN HAYAT

3.1 Jangkaan hayat

Purata baki umur (tahun) seseorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu.

3.2 Jangkaan hayat
ketika lahir

Jangkaan purata bilangan tahun seseorang bayi yang baru lahir akan hidup dengan mengandaikan corak kadar kematian pada umur tertentu yang tetap.

TENAGA BURUH

KONSEP

1. SURVEI TENAGA BURUH

DEFINISI

Survei Tenaga Buruh menggunakan pendekatan taraf sebenar yang mana seseorang itu dikelaskan berasaskan kegiatannya dalam tenaga buruh semasa minggu rujukan. Taraf aktiviti ini terbahagi kepada kategori berikut:

i) Tenaga buruh

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja sama ada bekerja atau menganggur.

ii) Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka juga dianggap bekerja jika:

a. Tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.

b. Tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

c. Bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Kumpulan ini merupakan guna tenaga tidak penuh.

Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.

iii) Menganggur

Penganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

TENAGA BURUH

KONSEP

DEFINISI

Penganggur aktif adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.

Penganggur tidak aktif adalah mereka yang berada dalam kategori berikut:

- a. Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan.
- b. Mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca.
- c. Telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.

iv) Luar tenaga buruh

Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi. Dengan itu, pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut. Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.

2. KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja (15–64 tahun) dalam bentuk peratusan. Formulanya adalah seperti berikut:

TENAGA BURUH

KONSEP

DEFINISI

Formula:

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja (15–64 tahun)}} \times 100$$

3. KADAR PENGANGGURAN

Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja. Kadar pengangguran dikira menggunakan formula berikut:

Formula:

$$\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{Bilangan penganggur}}{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}} \times 100$$

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

1. OBJEKTIF SURVEI

Objektif utama Survei Pelancongan Domestik ialah untuk mengumpul maklumat berkaitan profil serta corak perbelanjaan pelancongan domestik. Maklumat yang diperoleh digunakan untuk membantu kerajaan dalam merancang dan menggubal dasar pelancongan negara. Data yang dikumpul juga adalah bertujuan untuk:

- i) Memberi input kepada penyusunan Akaun Satelit Pelancongan (TSA) yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia; dan
- ii) Memenuhi permintaan data daripada agensi-agensi berkaitan industri pelancongan.

2. KAEDAH PENGUMPULAN

Survei Pelancongan Domestik dijalankan melalui kaedah temuramah secara bersemuka dengan responden. Dalam tempoh survei, penemuramah yang terlatih akan melawat isi rumah di tempat kediaman terpilih untuk mengumpul maklumat pelancongan domestik termasuk butir-butir demografi semua ahli isi rumah.

Semakan kualiti dijalankan dengan mengadakan lawatan semula bagi isi rumah terpilih untuk memastikan borang soal selidik lengkap diisi.

3. DATA YANG DIPUNGUT

Soal selidik telah direka bentuk bagi membolehkan pengumpulan data yang berkaitan profil demografi dan maklumat terperinci berkaitan ciri-ciri ekonomi pelawat domestik. Semua ahli isi rumah akan ditanya maklumat berikut:

- a) Perhubungan dengan ketua isi rumah;
- b) Jantina;
- c) Umur;
- d) Etnik dan kewarganegaraan;
- e) Pencapaian pendidikan; dan
- f) Pekerjaan.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

Soalan-soalan berikut akan ditanya bagi ahli isi rumah yang melakukan perjalanan pelancongan domestik:

- a) Jenis perjalanan
- b) Perjalanan harian
- c) Perjalanan bermalam;
- d) Pendapatan bulanan;
- e) Bilangan hari bagi setiap perjalanan bermalam;
- f) Destinasi utama;
- g) Tujuan utama;
- h) Aktiviti utama; dan
- i) Perbelanjaan perjalanan pelancongan.

4. TEMPOH RUJUKAN

Pengumpulan data dibuat secara bulanan dari bulan Januari hingga Disember 2018. Maklumat yang dikumpulkan merujuk kepada bulan semasa.

5. SKOP DAN LIPUTAN

Survei Pelancongan Domestik meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi negeri-negeri di Malaysia.

Survei ini meliputi residen yang tinggal di tempat kediaman persendirian dan tidak termasuk mereka yang tinggal di institusi-institusi seperti hotel, asrama, hospital, penjara, berek tentera dan rumah tumpangan.

Bagi tujuan pelaporan, hanya maklumat lengkap residen yang berumur 15 tahun dan ke atas yang ada melakukan perjalanan pelancongan domestik dipungut.

6. TEMPAT KEDIAMAN

Tempat kediaman ditakrifkan sebagai sebarang jenis tempat tertutup yang bebas dan berasingan yang dibina sebagai (atau dijadikan) rumah untuk kediaman. Unit sampel terakhir dalam survei ini ialah tempat kediaman dan hanya tempat kediaman persendirian dijadikan sampel.

7. ISI RUMAH

Isi rumah ditakrifkan sebagai seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan-keperluan hidup lain.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

8. RANGKA PENSAMPELAN

Rangka pensampelan bagi Survei Pelancongan Domestik adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah Kebangsaan (RPIK) yang terdiri daripada Blok Penghitungan (BP) yang diwujudkan untuk Banci Penduduk dan Perumahan 2010. BP ialah suatu kawasan muka bumi yang diwujudkan secara rekaan dan biasanya mempunyai sempadan tertentu. Secara purata, setiap BP mempunyai dalam lingkungan 80 hingga 120 buah tempat kediaman. Pada amnya, kesemua BP dibentuk di dalam lingkungan sempadan yang diwartakan iaitu di dalam negeri, mukim atau pihak berkuasa tempatan.

BP dalam rangka pensampelan juga dikelaskan mengikut kawasan bandar dan luar bandar. Kawasan bandar sebagaimana ditakrifkan dalam bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2010 ialah kawasan yang diwartakan serta kawasan tepubina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk seramai 10,000 atau lebih. Kawasan tepubina didefinisikan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan ke atas) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

9. REKA BENTUK PENSAMPELAN

Reka bentuk pensampelan berstrata dua peringkat telah digunakan iaitu:

Strata utama - Negeri-negeri di Malaysia

Strata kedua - Strata bandar dan luar bandar

10. SAIZ SAMPEL

Sampel-sampel telah dipilih secara bebas bagi setiap peringkat pada strata kedua. Unit-unit pensampelan peringkat pertama ialah BP, sementara unit-unit peringkat kedua ialah tempat kediaman (TK) di dalam BP tersebut. TK terpilih meliputi kesemua isi rumah dan orang yang tinggal di dalamnya. Di setiap peringkat pemilihan, unit-unit telah dipilih secara sistematik dengan kebarangkalian yang sama dalam strata kedua.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

Saiz sampel yang diperlukan ditentukan berdasarkan reliabiliti (seperti selang keyakinan, varian dan kadar respon) data penyiasatan lepas. *Variable of selection* yang digunakan dalam pengiraan saiz sampel ialah purata perbelanjaan pelancongan domestik. Nilai ralat piawai relatif (RSE) pula dikawal sebanyak 10 peratus di setiap strata utama (negeri).

Sebanyak 2,724 BP telah terpilih dan bilangan TK yang perlu diliputi pula adalah sebanyak 21,792 TK. Seterusnya, BP-BP tersebut diagihkan secara seragam pada setiap bulan untuk memudahkan kerja lapangan/ logistik.

Bilangan saiz sampel terpilih untuk Survei Pelancongan Domestik 2018 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Saiz sampel Survei Pelancongan Domestik mengikut negeri, 2018

Negeri	Saiz sampel 2018	
	BP	TK
Johor	229	1,832
Kedah	201	1,608
Kelantan	180	1,440
Melaka	166	1,328
Negeri Sembilan	166	1,328
Pahang	216	1,728
Pulau Pinang	185	1,480
Perak	216	1,728
Perlis	94	752
Selangor	253	2,024
Terengganu	156	1,248
Sabah	236	1,888
Sarawak	210	1,680
W.P. Kuala Lumpur	140	1,120
W.P. Labuan	31	248
W.P. Putrajaya	45	360
Jumlah	2,724	21,792

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

11. PROSEDUR MENGANGGAR

DEFINISI

Teknik anggaran nisbah bergabung (*adjusted weight*¹ dan faktor penduduk²) digunakan untuk mendapatkan anggaran sesuatu ciri tertentu bagi populasi survei. Faktor penduduk menggunakan anggaran penduduk pertengahan tahun bagi tahun 2018 mengikut kumpulan umur, jantina, etnik dan negeri sebagai penanda aras.

Anggaran sesuatu ciri dikira dengan menggunakan formula seperti berikut:

di mana

$$E' = \sum_{n=1}^k E_n \left(\frac{w_n}{w_n} \right)$$

ialah anggaran berwajaran daripada kiraan sampel bilangan orang bagi sesuatu ciri (contoh: pelawat domestik) dalam sesuatu kumpulan umur-jantina-etnik-negeri (contoh: lelaki Melayu dalam kumpulan umur 15 hingga 19 tahun di Johor).

E_n

ialah anggaran berwajaran daripada kiraan sampel bilangan orang dalam sesuatu kumpulan umur-jantina-etnik-negeri. (Contoh: lelaki Melayu dalam kumpulan umur 15 hingga 19 tahun di Johor).

w_n

ialah anggaran berwajaran daripada kiraan sampel bilangan orang dalam sesuatu kumpulan umur-jantina-etnik-negeri.

W_n

ialah anggaran penduduk pertengahan tahun yang dianggar secara bebas bagi bilangan orang dalam sesuatu kumpulan umur-jantina-etnik-negeri.

¹*Adjusted Weight* digunakan bagi mengambil kira kes tidak respon.

²Dalam rekabentuk pensampelan berperingkat, saiz sampel adalah pembolehubah rawak dan jumlah agregat yang dianggar daripada survei boleh menghasilkan ralat pensampelan yang tinggi. Wajaran *external* digunakan untuk meminimalkan ralat pensampelan. Bagi Survei Pelancongan Domestik, wajaran *external* yang digunakan ialah faktor penduduk. Faktor penduduk diperolehi melalui anggaran terkini jumlah penduduk di mana ianya digunakan untuk mengubahsuai kadar dan nisbah yang dianggarkan daripada survei.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

$$\frac{W_n}{w_n}$$

ialah pemalar (*constant*) yang digunakan untuk mendapatkan anggaran nisbah sesuatu ciri dalam kumpulan umur-jantina-etnik-negeri. Tiap-tiap pemalar yang merupakan nisbah anggaran penduduk bebas kepada angka-angka kiraan sampel dalam sesuatu kumpulan umur-jantina-etnik-negeri digunakan untuk membesarkan angka bagi sebarang ciri yang dikehendaki dalam sesuatu kumpulan umur-jantina-etnik- negeri.

$$E_n \left(\frac{W_n}{w_n} \right)$$

ialah anggaran yang disesuaikan bagi sesuatu ciri dalam kumpulan umur-jantina-etnik-negeri yang diperoleh menerusi pengubahsuaian umur-jantina-etnik-negeri.

$$E'$$

diperoleh dengan mencampurkan anggaran yang diubahsuai bagi kesemua kumpulan umur-jantina-etnik-negeri.

$$E_n \left(\frac{W_n}{w_n} \right)$$

Dengan itu E' ialah penganggar nisbah bagi ciri-ciri tersebut.

Perlu diambil perhatian bahawa tiada pengubahsuaian dilakukan untuk mengasingkan penduduk institusi daripada anggaran penduduk pertengahan tahun walaupun Survei Pelancongan Domestik tidak meliputi penduduk institusi. Penduduk institusi dianggarkan kurang daripada empat peratus jumlah penduduk berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

12. PELAWAT DOMESTIK

Pelawat domestik ditakrifkan sebagai residen atau mereka yang tinggal di Malaysia sekurang-kurangnya setahun termasuk ekspatriat dan bukan warganegara, yang melakukan perjalanan di luar persekitaran biasanya dalam tempoh kurang daripada setahun untuk tujuan perniagaan, mengisi masa lapang atau urusan peribadi selain untuk diambil bekerja di tempat yang dilawati. Pelawat domestik terdiri daripada pelancong dan pelawat harian.

- i) Pelancong merujuk kepada mereka yang melakukan perjalanan di dalam Malaysia sekurang-kurangnya satu malam (24 jam); manakala
- ii) Pelawat harian merujuk kepada mereka yang melakukan perjalanan di dalam Malaysia kurang daripada 24 jam.

13. PERJALANAN PELANCONGAN

Perjalanan pelancongan ditakrifkan sebagai perjalanan pelawat ke sesebuah tempat di luar dari persekitaran biasa mereka dalam tempoh tidak lebih dari satu tahun dengan tujuan utama (sama ada urusan perniagaan, percutian atau urusan peribadi) selain untuk untuk diambil bekerja oleh residen di tempat yang dilawati.

Perjalanan pelancongan domestik merujuk kepada perjalanan ke sesuatu destinasi utama di dalam negara residen pelawat berkenaan.

Perjalanan pelancongan domestik terbahagi kepada dua:

- i) Perjalanan harian

Perjalanan keluar dari rumah yang jaraknya 50 km dan lebih pergi dan balik serta mengambil masa 4 jam dan lebih. Bagi jarak yang kurang dari 50 km pergi dan balik, masa yang digunakan hendaklah 4 jam dan lebih serta menggunakan kemudahan pelancongan seperti kemudahan pengangkutan/ penginapan/ makanan & minuman/ rekreasi.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

ii) Perjalanan bermalam

Perjalanan yang melibatkan seseorang meninggalkan tempat kediamannya sekurang-kurangnya untuk tempoh satu malam (24 jam) dengan tujuan perjalanan berkaitan dengan aktiviti pelancongan serta menggunakan kemudahan pelancongan. Perjalanan tersebut mestilah dalam tempoh kurang dari 12 bulan.

14. PERSEKITARAN BIASA

Persekitaran biasa seseorang individu merujuk kepada kawasan geografi (walaupun tidak semestinya mempunyai sempadan) di mana seseorang individu menjalankan kehidupannya sehari-hari.

15. TEMPAT KEDIAMAN BIASA

Tempat kediaman biasa adalah satu kawasan geografi di mana orang yang diliputi biasanya tinggal.

16. KEMUDAHAN
PELANCONGAN

Kemudahan pelancongan adalah segala kemudahan yang membantu dalam menjayakan aktiviti pelancongan seperti kemudahan penginapan, makanan & minuman dan pengangkutan.

17. AKTIVITI
PELANCONGAN

Aktiviti pelancongan adalah merujuk kepada perkara yang dilakukan semasa melancong atau semasa melakukan perjalanan pelancongan.

18. PERBELANJAAN
PELANCONGAN
DOMESTIK

Perbelanjaan pelancongan domestik merujuk kepada perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pelawat domestik dalam sesebuah negara. Ia merujuk kepada jumlah yang dibayar bagi perolehan penggunaan barangan & perkhidmatan dan barang berharga, untuk kegunaan sendiri atau untuk diberi ketika dan semasa perjalanan pelancongan. Ini termasuk perbelanjaan yang dilakukan sendiri dan perbelanjaan yang dibayar oleh orang lain (contoh: majikan). Walau bagaimanapun, perbelanjaan berikut dikecualikan daripada perbelanjaan pelancongan domestik:

- Pembelian aset kewangan dan aset bukan kewangan, termasuk tanah dan hartanah, tetapi barangan berharga dikecualikan; dan

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

- Perbelanjaan barang-barang bagi tujuan untuk dijual semula samada bagi pihak ketiga (pengeluar atau lain-lain) atau keuntungan sendiri.

Bagi pelancongan domestik, komponen perbelanjaan adalah seperti berikut:

- i) Membeli-belah
Pembelian barang-barang termasuk pembelian barangan berharga seperti barangan kemas, lukisan dan lain-lain.
- ii) Pembelian bahan api kenderaan
Petrol, diesel dan *Natural Gas Vehicle* (NGV).
- iii) Pengangkutan
Termasuk tambang kapal terbang, bas, teksi/ *e-hailing* (cth. Grab), feri/ bot/ sampan dan keretapi. Ia turut meliputi perkhidmatan kereta sewa, bayaran tol dan bayaran tempat letak kereta.
- iv) Makanan & minuman
Perbelanjaan makanan & minuman di restoran/ kafe/gerai makan.
- v) Penginapan
Pembayaran hotel/ motel/ chalet/ pangsapuri/ rumah rehat/homestay dan lain-lain jenis penginapan berbayar.
- vi) Pakej
Bayaran pakej yang disediakan oleh operator pelancongan atau agensi pelancongan.
- vii) Bayaran masuk/ tiket
Perbelanjaan bagi aktiviti kesenian dan rekreasi seperti bayaran masuk taman tema, zoo, wayang gambar, konsert, teater dan lain-lain.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

viii) Aktiviti lain

Perbelanjaan bagi aktiviti sukan, rawatan di klinik/hospital/ pusat kesihatan, aktiviti spa, bayaran pendaftaran bagi seminar/ pertandingan, perjudian dan lain-lain.

ix) Perbelanjaan oleh isi rumah yang dilawati

Perbelanjaan ini termasuk perbelanjaan yang dinilai bagi penginapan serta makanan & minuman yang disediakan di rumah saudara/ rakan. Perbelanjaan ini tidak diambil kira di dalam penyusunan TSA.

19. DESTINASI UTAMA

Destinasi utama perjalanan pelancongan ditakrifkan sebagai tempat di mana tujuan utama perjalanan tersebut dilakukan. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada destinasi utama yang dapat diberikan oleh pelawat, maka destinasi utama akan dikelaskan berdasarkan masa yang diambil semasa berada di destinasi tersebut. Seterusnya, jika pelawat masih tidak dapat menetapkan destinasi utama maka destinasi utama ditetapkan berdasarkan jarak yang paling jauh dengan tempat tinggal biasa.

20. PURATA PERBELANJAAN PER PERJALANAN

Merujuk kepada perbelanjaan per pelawat bagi setiap perjalanan. Pengiraan dibuat dengan membahagikan jumlah perbelanjaan dengan bilangan perjalanan.

$$\begin{array}{c} \text{Purata} \\ \text{perbelanjaan} \\ \text{per} \\ \text{perjalanan} \end{array} = \frac{\sum \text{Jumlah perbelanjaan}}{\sum \text{Bilangan perjalanan}}$$

21. PURATA BILANGAN HARI MENGINAP

Merujuk kepada bilangan hari menginap bagi setiap perjalanan. Pengiraan dibuat dengan membahagikan bilangan malam dengan bilangan perjalanan bermalam.

$$\begin{array}{c} \text{Purata} \\ \text{bilangan hari} \\ \text{menginap} \end{array} = \frac{\sum \text{Bilangan malam}}{\sum \text{Bilangan perjalanan bermalam}}$$

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

22. TUJUAN UTAMA PERJALANAN

Tujuan utama perjalanan bermaksud sebab utama responden melakukan perjalanan tersebut. Pengelasan perjalanan berdasarkan tujuan utama adalah seperti berikut:

- a) Melawat rakan & saudara mara;
- b) Percutian/ mengisi masa lapang/ berehat;
- c) Hiburan/ menghadiri acara khas/ sukan;
- d) Membeli belah;
- e) Rawatan perubatan/ penjagaan diri;
- f) Urusan rasmi/ pendidikan;
- g) Amal ibadat/ melawat rumah ibadat; dan
- h) Perjalanan insentif/ lain-lain.

23. KUMPULAN ETNIK

Pengelasan kumpulan etnik yang digunakan dalam laporan ini adalah seperti berikut:

- a) Bumiputera (Melayu dan Bumiputera Lain);
- b) Cina;
- c) India; dan
- d) Lain-lain (termasuk bukan warganegara Malaysia).

24. PENCAPAIAN PENDIDIKAN

Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi. Ia dikategorikan seperti berikut:

- i) Tiada pendidikan rasmi
Merujuk kepada mereka yang tidak pernah menghadiri mana-mana institusi Pendidikan yang memberi pendidikan secara rasmi.
- ii) Rendah
Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat darjah 1 hingga 6 atau yang setaraf dengannya.
- iii) Menengah
Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat tingkatan 1 (termasuk kelas peralihan) hingga tingkatan 5, GCE O Level atau yang setaraf dengannya.

PELANCONGAN DOMESTIK

KONSEP

DEFINISI

iv) Tertiari

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi selepas Tingkatan 5.

25. PENDAPATAN ISI RUMAH

Pendapatan isi rumah merujuk kepada jumlah pendapatan terakru kepada ahli isi rumah, dalam bentuk wang tunai atau mata benda yang berlaku berulang kali dalam jangka masa setahun atau lebih kerap lagi.

26. STATUS GUNA TENAGA

Status guna tenaga dikelaskan kepada bekerja dan tidak bekerja/ luar tenaga buruh

i) Bekerja

Profesional/ teknikal, pengurusan/ pentadbiran, jurujual/ perkeranian, pekerja am dan lain-lain.

ii) Tidak bekerja/ luar tenaga buruh

Tidak bekerja, pesara, pelajar dan suri rumah

27. PEMBUNDARAN

Penjumlahan komponen-komponen mungkin berbeza dengan jumlah besar dalam penerbitan ini disebabkan pembundaran angka.


Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

BAB 8 JADUAL PERANGKAAN

AKAUN NEGARA

- Nasional
- Negeri
- KDNK Perak

INDEKS HARGA PENGGUNA
PENDUDUK
TENAGA BURUH
EKSPORT DAN IMPORT



PERAK
2018

Jadual 8.1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2018 - RM juta

Jenis aktiviti ekonomi	2015	2016	2017 ^e	2018 ^p
1. Pertanian	97,539	93,977	99,381	99,470
1.1 Getah	3,348	3,138	3,432	2,829
1.2 Kelapa sawit	37,853	33,063	38,366	37,664
1.3 Ternakan	12,694	13,154	13,859	14,785
1.3.1 Ternakan ayam dan itik	7,683	8,015	8,405	8,928
1.3.2 Lembu/ kerbau	1,058	1,044	1,034	1,100
1.3.3 Ternakan lain	3,953	4,096	4,421	4,756
1.4 Pertanian lain	22,652	23,547	24,133	24,941
1.4.1 Padi	2,205	2,246	2,225	2,362
1.4.2 Sayur-sayuran	9,541	10,031	10,417	10,790
1.4.3 Buah-buahan	4,155	4,286	4,347	4,540
1.4.4 Tanaman makanan	5,718	5,927	6,033	6,107
1.4.5 Lain-lain	1,032	1,057	1,112	1,142
1.5 Perhutanan dan pembalakan	8,810	8,642	7,266	6,863
1.6 Perikanan	12,181	12,433	12,325	12,388
1.6.1 Perikanan laut	8,007	8,380	8,093	8,215
1.6.2 Akuakultur	4,175	4,053	4,231	4,173
2. Perlombongan dan pengkuarian	103,059	105,368	105,838	103,135
2.1 Minyak mentah dan kondensat	46,526	46,821	45,807	44,725
2.2 Gas asli	49,119	50,607	51,492	49,667
2.3 Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	7,414	7,940	8,539	8,742
3. Pembuatan	262,379	273,899	290,463	304,847
3.1 Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	11,713	11,336	13,326	13,312
3.2 Prosesan makanan	13,428	14,233	15,094	16,150
3.3 Minuman	4,152	4,557	4,975	5,132
3.4 Produk tembakau	3,445	3,553	3,624	3,690
3.5 Tekstil dan pakaian	4,296	4,584	4,960	5,178
3.6 Kulit dan produk berkaitan	627	680	722	746
3.7 Keluaran kayu	6,471	6,699	6,938	7,323
3.8 Kertas dan produk kertas	3,895	4,066	4,287	4,473
3.9 Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	3,492	3,687	3,863	4,013
3.10 Produk petroleum bertapis	34,341	35,522	36,750	37,962
3.11 Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	28,572	30,239	31,612	33,070
3.12 Produk getah	6,415	6,642	7,062	7,419
3.13 Produk plastik	8,979	9,314	9,575	9,955
3.14 Produk mineral bukan logam	10,321	10,778	11,264	11,884
3.15 Logam asas	7,311	7,476	7,865	8,172
3.16 Produk logam yang direka	13,940	14,653	15,387	16,162
3.17 Jentera dan peralatan	8,294	8,753	9,203	9,690
3.18 Komputer dan kelengkapan peranti	5,388	5,625	5,240	5,456
3.19 Kelengkapan elektrik	5,294	5,600	6,060	6,124
3.20 Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	46,698	50,641	55,731	59,685

Jadual 8.1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2018 (samb.)
- RM juta

Jenis aktiviti ekonomi	2015	2016	2017 ^a	2018 ^b
3.21 Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	4,571	4,937	4,983	5,359
3.22 Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan	23,066	22,120	23,139	24,619
3.23 Perabot	3,927	4,318	4,569	4,761
3.24 Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	3,745	3,887	4,234	4,513
4. Pembinaan	55,382	59,508	63,522	66,218
4.1 Bangunan kediaman	15,246	16,549	16,988	15,858
4.2 Bangunan bukan kediaman	15,360	15,197	15,537	15,452
4.3 Kejuruteraan awam	15,373	17,791	20,253	23,301
4.4 Aktiviti pembinaan pertukangan khas	9,402	9,972	10,743	11,608
5. Perkhidmatan	643,883	680,561	722,617	771,861
5.1 Utiliti	31,710	33,412	34,350	36,027
5.1.1 Elektrik dan gas	25,774	27,075	27,630	28,860
5.1.2 Air, pembetungan dan pengurusan sisa	5,936	6,337	6,720	7,167
5.2 Perdagangan borong dan runcit	184,023	195,707	209,698	226,786
5.2.1 Perdagangan borong	82,183	89,007	94,831	101,768
5.2.2 Perdagangan runcit	78,555	84,103	91,987	101,280
5.2.3 Kenderaan bermotor	23,285	22,598	22,880	23,738
5.3 Makanan & minuman dan penginapan	36,219	38,831	41,748	45,472
5.3.1 Makanan dan minuman	28,352	30,575	33,043	36,242
5.3.2 Penginapan	7,867	8,256	8,704	9,230
5.4 Pengangkutan dan penyimpanan	42,057	44,463	47,227	50,231
5.4.1 Pengangkutan darat	10,246	10,936	11,696	12,519
5.4.2 Pengangkutan air	6,081	6,169	6,295	6,444
5.4.3 Pengangkutan udara	5,734	5,904	6,088	6,196
5.4.4 Pelabuhan dan operasi lapangan terbang	5,817	6,230	6,744	7,318
5.4.5 Operasi lebuh raya	6,100	6,621	7,154	7,726
5.4.6 Aktiviti sokongan untuk pengangkutan	6,320	6,733	7,242	7,814
5.4.7 Pos dan kurier	1,759	1,869	2,008	2,214
5.5 Maklumat dan komunikasi	62,303	67,301	72,987	79,081
5.5.1 Aktiviti penerbitan dan penyiaran	6,646	6,875	7,355	7,726
5.5.2 Telekomunikasi	40,999	44,870	48,976	53,377
5.5.3 Aktiviti komputer dan perkhidmatan maklumat	14,657	15,556	16,656	17,978
5.6 Kewangan	60,018	60,888	63,893	66,418
5.6.1 Pengantara kewangan	50,787	51,534	53,817	55,977
5.6.2 Lain-lain pengantara kewangan dan aktiviti sokongan kewangan	9,231	9,353	10,076	10,441
5.7 Insurans	18,616	19,835	20,578	22,851
5.7.1 Insurans dan tabungan pencen	18,028	19,232	19,934	22,154
5.7.2 Aktiviti sokongan insurans	587	603	645	698
5.8 Hartanah	17,561	18,412	19,323	20,221
5.9 Perkhidmatan perniagaan	33,869	36,553	39,713	43,306
5.9.1 Profesional, saintifik dan teknikal	22,928	24,829	27,151	29,770
5.9.2 Pentadbiran dan khidmat sokongan	10,942	11,724	12,562	13,535
5.10 Kediaman yang didiami oleh pemilik	26,271	27,491	28,796	30,131

Jadual 8.1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2015-2018 (samb.)
- RM juta

Jenis aktiviti ekonomi	2015	2016	2017 ^e	2018 ^p
5.11 Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	29,968	31,537	33,279	35,401
5.11.1 Perkhidmatan kesihatan swasta	8,028	8,473	8,951	9,484
5.11.2 Perkhidmatan pendidikan swasta	9,233	9,856	10,492	11,120
5.11.3 Perkhidmatan swasta lain	12,707	13,208	13,836	14,797
5.12 Perkhidmatan kerajaan	99,783	104,620	109,485	114,357
5.12.1 Perkhidmatan awam am	16,180	16,725	17,420	17,336
5.12.2 Pertahanan	8,723	8,743	9,119	7,944
5.12.3 Ketenteraman dan keselamatan awam	10,246	9,937	10,518	10,606
5.12.4 Perkhidmatan ekonomi	8,226	8,666	9,029	12,636
5.12.5 Perlindungan alam sekitar	367	367	359	212
5.12.6 Kemudahan perumahan dan kemasyarakatan	1,247	1,485	1,759	2,783
5.12.7 Kesihatan	13,131	14,647	15,431	16,303
5.12.8 Rekreasi, kebudayaan dan keagamaan	1,809	1,811	1,844	2,647
5.12.9 Pendidikan	38,728	41,095	42,794	42,596
5.12.10 Perlindungan sosial	1,126	1,144	1,212	1,295
5.13 Institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah	320	329	340	353
5.14 Perkhidmatan domestik bagi isi rumah	1,165	1,181	1,199	1,227
6. Tambah: Duti import	14,699	16,000	18,076	16,002
KDNK pada harga pembeli	1,176,941	1,229,312	1,299,897	1,361,533

Jadual 8.2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2016-2018
- Perubahan peratusan tahunan

	(%)		
Jenis aktiviti ekonomi	2016	2017 ^e	2018 ^p
1. Pertanian	-3.7	5.7	0.1
1.1 Getah	-6.3	9.3	-17.6
1.2 Kelapa sawit	-12.7	16.0	-1.8
1.3 Ternakan	3.6	5.4	6.7
1.3.1 Ternakan ayam dan itik	4.3	4.9	6.2
1.3.2 Lembu/ kerbau	-1.3	-1.0	6.4
1.3.3 Ternakan lain	3.6	7.9	7.6
1.4 Pertanian lain	4.0	2.5	3.3
1.4.1 Padi	1.8	-1.0	6.2
1.4.2 Sayur-sayuran	5.1	3.8	3.6
1.4.3 Buah-buahan	3.2	1.4	4.4
1.4.4 Tanaman makanan	3.7	1.8	1.2
1.4.5 Lain-lain	2.5	5.1	2.7
1.5 Perhutanan dan pembalakan	-1.9	-15.9	-5.5
1.6 Perikanan	2.1	-0.9	0.5
1.6.1 Perikanan laut	4.7	-3.4	1.5
1.6.2 Akuakultur	-2.9	4.4	-1.4
2. Perlombongan dan pengkuarian	2.2	0.4	-2.6
2.1 Minyak mentah dan kondensat	0.6	-2.2	-2.4
2.2 Gas asli	3.0	1.7	-3.5
2.3 Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	7.1	7.5	2.4
3. Pembuatan	4.4	6.0	5.0
3.1 Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	-3.2	17.6	-0.1
3.2 Prosesan makanan	6.0	6.1	7.0
3.3 Minuman	9.8	9.2	3.2
3.4 Produk tembakau	3.1	2.0	1.8
3.5 Tekstil dan pakaian	6.7	8.2	4.4
3.6 Kulit dan produk berkaitan	8.4	6.2	3.3
3.7 Keluaran kayu	3.5	3.6	5.5
3.8 Kertas dan produk kertas	4.4	5.4	4.3
3.9 Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	5.6	4.8	3.9
3.10 Produk petroleum bertapis	3.4	3.5	3.3
3.11 Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	5.8	4.5	4.6
3.12 Produk getah	3.5	6.3	5.1
3.13 Produk plastik	3.7	2.8	4.0
3.14 Produk mineral bukan logam	4.4	4.5	5.5
3.15 Logam asas	2.2	5.2	3.9
3.16 Produk logam yang direka	5.1	5.0	5.0
3.17 Jentera dan peralatan	5.5	5.2	5.3
3.18 Komputer dan kelengkapan peranti	4.4	-6.8	4.1
3.19 Kelengkapan elektrik	5.8	8.2	1.1
3.20 Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	8.4	10.1	7.1

Jadual 8.2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia, 2016-2018 (samb.)
- Perubahan peratusan tahunan

(%)

Jenis aktiviti ekonomi	2016	2017 ^a	2018 ^b
3.21 Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	8.0	0.9	7.5
3.22 Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan	-4.1	4.6	6.4
3.23 Perabot	9.9	5.8	4.2
